

85 - 1989

# perpecahan bangsa melayu

'ABDUL RAZAK AYUB



ديوان فستاك فجر  
DEWAN PUSTAKA FAJAR

PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Oleh

'ABDUL RAZAK AYUB

Cetakan Pertama 1985 (1405)

Hak Cetak dan penerbitan terpelihara

© 'Abdul Razak Ayub

Dicetak oleh Percetakan Naathan  
Kelang, Selangor.

M  
959-5004992  
AKA

**433000**

**APB**

Diterbitkan oleh  
DEWAN PUSTAKA FAJAR (DPF)  
No. 18, Jalan Kuda Kepang 11/2C  
Shah Alam, Selangor, Malaysia.  
Tel: 03-593322

24 FEB 1987  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

Buku ini ku persembahkan kepada pejuang Islam dan bangsa Melayu yang unggul, Prof. Zulkifli Muhammad dan Dr. Burhanuddin al-Helmi yang kusanjungi dan kusayangi.

## **KATA PENGANTAR PENERBIT**

*'Berpegang teguhlah kamu dengan Tali ALLah, dan janganlah kamu bercerai-berai ...'*

**al-Qur'an, Surah Ali-'Imran: 103**

'Katakanlah: Hai Ahli Kitab, marilah kepada suatu kalimat(ketetapan) yang tidak ada perselisihan di antara kami dan kamu, bahawa kita tidak sembah kecuali Allah dan kita tidak persekutukanNya dengan sesuatupun dan tidak (pula) sebagian kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai tuhan selain daripada Allah. Jika mereka berpaling, maka katakanlah kepada mereka: 'saksikanlah bahawa kami adalah orang-orang yang menyembah diri (kepada Allah)'.

**al-Qur'an, Surah Ali-'Imran: 64**

Pola perkembangan masyarakat Melayu semenjak dari zaman pra-Islam lagi — iaitu zaman Melayu-Hindu dan zaman Melayu-Buddha — amat banyak mempengaruhi keadaan mereka sekarang. Meski Islam telah melakukan suatu intensifikasi jiwa dengan membawa perubahan terhadap perwatakan intelektual dan spiritual orang-orang Melayu, namun saki baki dari kotoran zaman pra-Islam dan keserakahan anasir-anasir jahiliyyah masih tebal mendaki dalam batang tubuh orang-orang Melayu.

Keadaan ini diperburukkan lagi dengan faktor penjajahan. Orang-orang Melayu sepanjang sejarahnya telah mengalami lima kali penjajahan dari empat bangsa termasuk bangsa Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun. Belunggu getir

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

penjajahan ini telah juga meninggalkan *impact* yang maha dahsyat, khususnya terhadap struktur dan fungsi lembaga kemasyarakatan bangsa Melayu. Scenario politiknya sebu dan lesu dalam menghadapi gelombang pasang surut; ada ketikanya ia menjadi batu loncatan adu-domba kuasa-kuasa penjajah, pada suatu ketika lain ia tidak lebih daripada sebuah boneka yang didalangi oleh kuasa luar dan pada waktu-waktu tertentu pula ia menjadi *over-politicised* kerana terlalu lama ditekan dan dinafikan hak untuk mengambil keputusan dan menentukan sikap dan pendirian tersendiri.

Kesemua gambaran suram yang sedang meratahi ganas kewibawaan bangsa Melayu bukan berlaku secara kebetulan. Ada sebab musababnya. Ia tidak terpisah dari pergolakan politik di peringkat antarabangsa. *Network* politik antarabangsa banyak menentukan perkembangan dan perubahan nilai yang dianuti oleh masyarakat Melayu. Kadang-kadang kita dipaksa untuk menerima ideologi asing yang sama sekali amat berbeza dan bertentangan dengan skema kehidupan bangsa Melayu. Ada kalanya orang Melayu menjadi bingung di tengah-tengah kekacauan nilai yang melanda bagai banjir besar dari segenap penjuru sehingga mereka kehilangan punca dan sesat dalam menentukan arah haluan. Krisis keperibadian bangsa Melayu ini terus memukau suasana dan mengheret masyarakat Melayu, walau sedikit demi sedikit, ke lembah kehancuran.

Gejala perpecahan seperti yang terbayang di dalam buku ini sebetulnya merupakan manifestasi langsung daripada nasib sejarah yang menimpa bangsa Melayu. Walaupun penulisan ini hanyalah suatu kajian kes di negeri Terengganu, terdapat banyak perkara yang tersirat yang dapat menayangkan intisari pergolakan di kalangan masyarakat Melayu seluruhnya.

Kajian kes ini juga dapat dianggap sebagai suatu percubaan untuk merenung masalah perpecahan bangsa Melayu dari neraca yang lebih adil (kerana kebanyakan tulisan

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

sebelumnya didorong oleh, sama ada sentimen kepuakan, faham kebangsaan sempit atau motivasi politik golongan tertentu). Dalam banyak peristiwa yang tercatat kemas, penulis menyorot dengan teliti persoalan-persoalan dasar yang belum dapat dipecahkan oleh formula penyelesaian versi kerajaan. Justeru penyelesaian-penyelesaian yang diutarakan setakat ini banyak menguntungkan sebelah pihak sambil menafikan hak (sama ada menerusi penggelapan berita yang sebenar, propaganda media-media rasmi dan tidak rasmi kerajaan atau penguatkuasaan akta pihak yang lain).

Kita amat yakin penulisan ini akan dapat membuka tabir yang menyelaputi pandangan masyarakat Melayu terhadap permasalahan yang mereka hadapi. Oleh kerana permasalahan itu menyangkut kedudukan ummat Islam yang berbangsa Melayu, penulis dengan tegas menyarankan supaya penyelesaian setulennya menurut kaedah Islam dipakai tanpa syak dan ragu. Sikap menolak secara buta penyelesaian Islam oleh pihak kerajaan hanya akan meruncingkan lagi hubungan dan menenatkan lagi permasalahan bangsa Melayu.

Bagi pihak penerbit, kami merasa bangga untuk mempersembahkan buku ini bagi tatapan masyarakat seluruhnya. Semoga ia menjadi suatu khazanah yang dapat menyedarkan masyarakat tentang kebenaran dan agar masyarakat kembali mengukur segala perkara menurut kayuukur kebenaran hakiki seperti yang direncanakan oleh ALLah Subhanahu Wata'ala. Semoga ALLah memberkati usaha penulis dan diterima sebagai amalan salehnya.

Dewan Pustaka Fajar  
Shah Alam  
Selangor.

## **PENGHARGAAN**

Buku ini tidak mungkin siap untuk tatapan umum jika tidak dengan bantuan sahabatku Sdr Badroll Hisam Hassan yang telah menyunting, menyemak, memperkemaskan bahasa, memperlicinkan terjemahan ungkapan-ungkapan Inggeris ke dalam bahasa Melayu, menaip draf akhir buku ini, sekali gus memperbaiki pesembahannya. Daku ucapkan *JazakaLlahu Khairan Kathira'* kepadanya kerana meringankan tanggungjawabku, meskipun beliau kesuntukan masa dan sibuk dengan urusan-urusan lain. Tidak lupa, daku ucapkan terima kasih kepada Sdr Khairul Anwar Mokhtar kerana mengizinkan isterinya Maznah Mahdi (sepupuku) menaip draf asal buku ini, juga tidak ketinggalan kepada sahabatku Sdr Mohammad Ridhuan Daniel Oon Abdullah kerana melakukan kerja-kerja yang sama. Juga inginku rakamkan penghargaanku kepada Sdr Abu Bakar Mohd Rashid dan sahabat-sahabatku yang lain kerana memberi sokongan moral di kala daku memerlukannya.

## PEMBUKA KATA

Islam adalah *din*. Penganut-penganut Islam diperintah menyembah Tuhan yang satu (Tauhid) dan bersatu di bawah panji ummat yang satu. Tidak ada perbezaan di antara mereka satu sama lain, sama ada dari segi keturunan, bahasa atau negara. Mereka dilarang berpecah-belah sepertimana mereka juga dilarang untuk kufur.

Sebahagian besar orang Melayu menganut *din Islam* yang sepatutnya menyatukan mereka, apatah lagi memandangkan mereka adalah dari satu bangsa yang mempunyai banyak persamaan. tetapi bangsa Melayu (Semenanjung Malaysia) dikatakan dilanda perpecahan dan ditimpa fitnah kafir mengkafir. Kenapa?

Sebelum kedatangan Islam di gugusan kepulauan Melayu, bangsa Melayu tidak bersatu di bawah satu *din*, pandangan hidup peradaban dan politik yang satu. Setelah bangsa Melayu diIslamkan, mereka disatukan menerusi pegangan hidup yang sama. Dari itu, Islam telah berperanan menyatupadukan masyarakat Melayu dan tidak sebaliknya.

Kalau begitu, bagaimana bangsa Melayu-Islam boleh berpecah-belah? Oleh kerana bangsa Melayu tidak bersatu di bawah satu 'aqidah dan shari'ah sebelum mereka diIslamkan, maka perpecahan bangsa Melayu bukanlah satu fenomena baru. Dengan itu, semangat kemelayuan pasti tidak membawa perpaduan, bahkan perpecahan merupakan salah satu cirinya.



## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Perpaduan bangsa Melayu yang berteraskan Islam itu mula retak apabila sebahagian daripada mereka diresapi dan berkiblat kepada ajaran-ajaran asing yang berlawanan dengan shahadah Islam yang telah diikrarkan oleh mereka. Ajaran-ajaran asing ini yang dibawa oleh penjajah datang dalam bentuk nilai-nilai, fahaman dan pemikiran, serta cara hidup yang tidak sesuai atau tidak serasi dengan sistem hidup bangsa Melayu iaitu Islam.

Dalam pada itu, kita tidak boleh lagi menyalahkan penjajah kerana pepecahan yang berlaku di dalam struktur politik Melayu. Ini adalah kerana untung nasib bangsa Melayu terletak di dalam tangan mereka sendiri setelah mereka mencapai kemerdekaan dari pihak penjajah. Pihak penjajah cuma mengimport ciri-ciri atau mencambahkan benih-benih perpecahan, tetapi agen-agen mereka yang terdiri daripada orang-orang Melayu yang bersungguh-sungguh menjelmakannya menjadi kenyataan.

Bibit-bibit perpecahan bangsa Melayu disemai apabila ada kalangan daripada mereka, khususnya mereka yang diilhamkan dan disemangati oleh ajaran-ajaran asing itu menjadi pemimpin-pemimpin bangsa Melayu. Dan sememangnya penjajah merencanakan supaya kepada golongan inilah watak kemerdekaan diserahkan. Golongan ini juga yang bertanggungjawab mencampakkan bangsa Melayu dalam kancah penuh dilema dan paradoks.

Dilema itu ialah penerimaan Islam secara total atau mewarnai Islam dengan suatu fahaman, ideologi dan gagasan yang tidak senada dan seirama dengan Islam. Di samping itu, bangsa Melayu menjadi lebih keliru apabila Islam dijadikan '*alat persolekan*' sekadar menyesuaikan dengan tuntutan dan keadaan semasa. Tambah parah lagi ketika Islam dikesampingkan dan menjadi harta simpanan untuk dipamerkan pada waktu-waktu tertentu. Pendek kata, Islam itu '*terpakai*' dan tidak '*dipakai*'.

Tergelincirnya kepimpinan dan politik Melayu dari batu asas Islam menyebabkan mereka kehilangan adab. Sepanjang sejarah ummah Islam, adab telah memelihara keutuhan dan kemurnian masyarakat Islam. Segala perhitungan dan

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

tindakan yang tidak dipandu oleh neraca penilaian dan tata-keadaban ini akan menjebakkan ummat Islam ke dalam kancah kebiadaban politik, kepimpinan dan natijahnya ialah perpecahan, suasana kacau dan tragedi.

Dewasa ini, kebiadaban politik ialah faham, ideologi dan aqidah nasionalisma Melayu yang sempit. Ini adalah kerana nasionalisma Melayu tidak mengakari kenyataan hidup dan tak ketentuan punca dan asalnya sehingga tergamak menyama-ertikan Melayu dan Islam. Dalam ungkapan lain, Melayu itu Islam dan Islam itu Melayu. Memilik-bangsakan Islam adalah suatu jenayah besar (suatu kebiadaban) kerana ia memberi sifat perkauman kepada Islam, sekaligus menyempitkan kesejagatan Islam,

Kesan akibat dari ini, Islam dilebur dan diperkotak-katikkan menurut sudut-sudut, lunas dan sendi budaya bangsa itu, walhal ketulenan dan kesucian budaya itu tidak terjamin dari kemunkaran dan kebatilan. Dalam konteks memperkatakan Melayu itu Islam dan sebaliknya, adalah tidak keterlaluan untuk menganggap bahawa perbuatan menuduh seorang Melayu itu tidak Melayu atau bukan Melayu lagi boleh ditafsirkan bahawa Melayu itu tidak Islam atau bukan orang Islam lagi, sedangkan penentu sama ada seseorang itu Islam atau tidak bukan bangsanya tetapi keimanannya.

Adapun fitnah kafir mengkafir yang membabitkan soal iman-Islam-kufur seperti yang digema-riuhkan oleh sebaran am tempatan khususnya, dari kajian dan penyelidikan saya, didapati perkara ini tidak terjadi. Jikalau berlaku sekalipun, ia hanya bersifat pinggiran, terpencil dan terpisah daripada persoalan besar — iaitu perpecahan bangsa Melayu di Semenanjung Malaysia.

Apa yang sebenarnya berlaku ialah diskriminasi dan penindasan politik Melayu yang berkuasa ke atas Melayu yang tidak berkuasa. Hal inilah yang bertanggungjawab secara langsung hingga menyebabkan rasa keterasingan sebahagian besar orang Melayu. Menakala kafir mengkafir adalah semata-mata tuduhan UMNO terhadap PAS dan

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

sehingga kini tuduhan itu masih tidak terbukti. Sehubungan dengan ini, apa yang patut ditakuti ialah gejala riddah (kemurtadan) iaitu perbuatan menukarkan din Islam dengan din lain sebagai sistem hidup, Inilah bahaya yang sebenarnya.

Penyelesaian kepada masalah pepecahan bangsa Melayu ialah Islam. Islam telah dan masih berupaya menyatukan bangsa Melayu. Islam adalah rahmat ke atas sekalian alam dan dalam rangka itu, Melayu akan turut dirahmati, lebih-lebih lagi jika bangsa Melayu beramal dengan Islam. Syarat utama dan pertama ke arah perpaduan dan penyatuan bangsa Melayu ialah penghayatan Islam sepenuhnya tanpa kecuali dan pilihan.

Sesungguhnya, Islam dan bukan Melayu yang menjadi tali penyatuan bangsa Melayu ialah penghayatan Islam sepenuhnya tanpa kecuali dan pilihan.

Sesungguhnya, Islam dan bukan Melayu yang menjadi tali penyatuan bangsa Melayu. terpulanglah kepada bangsa Melayu untuk membuat pilihan. Jika bangsa Melayu membuat pilihan yang tepat, mereka akan selamat jika tersalah pilih, mereka akan punah. Ketika itu, bangsa Melayu tidak boleh menyalahkan sesiapa lagi melainkan diri mereka sendiri. Allah Subhanahu Wata'ala tidak menzalimi seseorang atau sesuatu bangsa tetapi orang atau bangsa itulah yang menzalimi diri mereka sendiri.

15hb November, 1984

## PENAKRIFAN MELAYU: Satu Percubaan

Seorang ahli filologi menyarankan bahawa dalam Sejarah Melayu, istilah Melayu digunakan sebagai tanda perbezaan yang khusus bagi mereka yang berasal daripada zuriat Raja-raja Palembang Bukit Si Guntang, dan darinya zuriat Raja Iskandar Zulkarnain.<sup>1</sup>

Dalam Sejarah Melayu dan epik Hikayat Hang Tuah<sup>2</sup>, takrif Melayu itu nyata dikaitkan kepada Sumatera, manakala Pires pula merujuk '**Tanah Melayu**' kepada daerah sekitar Palembang hari ini.

Sumber-sumber awal China menyebut bahawa negeri itu sebagai sebuah negeri Melayu dalam daerah Jambi sekarang, tetapi Sejarah Melayu menyebut bahawa 'Melayu' adalah sungai yang mengalir berdekatan bukit sakti di Palembang, iaitu Bukit si Guntang<sup>3</sup>.

Pada suatu hari di puncak bukit itu muncul secara ajaib anak raja tiga beradik yang berasal daripada keturunan Iskandar Zulkarnain. Seorang daripada mereka menjadi raja di Palembang dan keturunannya menjadi nenek moyang raja-raja Melaka.

Justeru itu, Melayu bermakna orang yang mempunyai hubungan erat dengan nenek moyang ini dan keturunannya. Ini adalah kerana Raja-raja Melaka menyamakan dan mengaitkan kerajaannya dengan kata Melayu. Bagaimanapun, Raja-raja Melaka menganggap penduduk setempat sebagai orang bukan Melayu, sama saja dengan penduduk di daerah lain.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Dengan peredaran zaman dan suasana, takrif Melayu ini mengalami perubahan dan membawa pelbagai makna dalam konteks yang berlainan. Kata Melayu kini boleh ditakrif dari segi bangsa, politik, undang-undang dan antropologi. Setiap takrif itu mempunyai pengertiannya sendiri dan berlainan di antara satu dengan yang lain.

Dari kacamata antropologi atau kebudayaan, Melayu bermaksud penduduk yang tinggal di gugusan kepulauan Melayu, meliputi Semenanjung Tanah Melayu, Republik Indonesia dan Filipina.

Meskipun penduduk asal ribuan pulau daerah Nusantara boleh dibahagi-bahagikan kepada berbagai marga, suku kaum, loghat, namun bagi sarjana-sarjana bahasa dan kebudayaan, mereka tergolong dalam keturunan yang sama iaitu Melayu atau '**Malayo-Indonesia**'. Berdasarkan pembahagian ini, orang Melayu merupakan salah satu dari kaum terbesar di dunia.

Tetapi ramai kalangan menyangka bahawa orang-orang Melayu ialah kaum Melayu yang tinggal di Semenanjung Melayu sahaja. Ini tidak menghairankan kerana orang-orang Melayu telah dipisah-pisahkan oleh sempadan-sempadan negara-bangsa yang ditetapkan oleh pihak penjajah barat.

Penjajah barat — Inggeris, Belanda dan Sepanyol — telah memerdekakan orang-orang Melayu dalam negara-bangsa Malaysia, Republik Indonesia, Filipina, Thailand dan Brunei. Dalam hal ini, Perdana Menteri pertama Malaysia, Tuanku Abdul Rahman Putera al-Haj yang juga dikenali sebagai Bapa Malaysia telah menggariskan sempadan baru bagi orang-orang Melayu iaitu Singapura.

Pembatasan negara-negara-bangsa ini telah menyebabkan ciri-ciri persamaan yang ada di antara orang-orang Melayu Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei dan Filipina, iaitu dari segi bahasa, agama dan budaya dilupakan. Pembahagian orang-orang Melayu berdasarkan sempadan-sempadan negara-bangsa telah mengakibatkan perpecahan bangsa Melayu kepada kaum-kaum yang bersaing dalam konteks negara-bangsa.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Untuk mengetahui takrif Melayu di negara ini, kita perlu merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan. Ini memandangkan bahawa perlembagaan sebuah negara itu merupakan dasar negara itu, di dalamnya terkandung takrif mengenai sesuatu perkara. Takrif tersebut adalah seperti berikut:-

*'Perkara 160 (2) - di dalam Perlembagaan ini kecuali diertikan maksud yang lain mengikut teksnya, perkataan-perkataan berikut mempunyai erti yang dengan ini diberikan kepada iaitu:-*

*"Melayu" adalah seorang yang menganuti agama Islam, lazimnya bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan adat resam Melayu, dan :-*

- (a) *Lahir sebelum Hari Merdeka, di Persekutuan atau di Singapura atau ibubapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura atau pada Hari Merdeka ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura, atau*
- (b) *ia adalah keturunan seseorang yang tersebut.'*

Takrif Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan adalah tidak tepat dan tidak lengkap, kerana bukan semua orang Melayu menganut agama Islam. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980, yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan adanya orang Melayu yang menganut agama selain agama Islam.

### **BUKAN SEMUA MELAYU BERAGAMA ISLAM.**

Banci itu menyatakan bahawa daripada 6.1 juta penduduk Melayu di Semenanjung Malaysia, seramai 4,766 orang Melayu menganut agama Kristian, seramai 522 menganut agama Hindu, seramai 746 menganut agama Buddha, seramai 456 menganut agama Confucian, Tao dan lain-lain agama tradisi orang China, seramai 44,317 menganut agama suku kaum, seramai 1 706 menganut agama selain

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

dari agama di atas, dan seramai 13,666 tidak beragama<sup>4</sup>.

Dari itu adalah jelas bahawa bukan semua orang Melayu beragama Islam. Selain itu, terdapat percakapan dan perbuatan yang boleh menyebabkan seseorang Melayu Islam itu kufur atau menjadi kafir — tidak Melayu lagi. Orang-orang Melayu yang beragama Islam Islam tidak terlepas dari hukum-hukum ini.

Seseorang Islam itu boleh terkeluar dari agama Islam kerana sengaja meninggalkan sembahyang<sup>5</sup>. Sabda Rasulullah SaLaLaHu 'alaihi Wasallam:

*'Janganlah kamu menyengutui Allah dengan sesuatu pun dan janganlah kamu meninggalkan sembahyang dengan sengaja. Sesiapa yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja, maka sesungguhnya terkeluarlah dia dari agama [Islam]'.*

(Hadith Riwayat Abdul Rahman bin Abi Hatim dalam sunannya menerusi 'Ubadah bin al-Samit)

Menurut Mufti 'Arab Saudi, 'Abdu'l 'Aziz bin 'Abdullah bin Baz terdapat beberapa hal yang boleh membatalkan kelslaman seseorang itu. Dan yang paling banyak terjadi ada sepuluh macam yang wajib dihindari<sup>6</sup>.

Apa yang dapat difaham berdasarkan takrif tersebut, dari sudut undang-undang negara ini, Melayu itu boleh berasaldaripada mana-manaketurunan, asalkan dia seorang Islam, bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan adat resam orang Melayu.

Umpamanya orang putih yang telah memeluk agama Islam, berkahwin dengan orang Melayu, bertutur dalam bahasa Melayu kepada isteri dan anak-anaknya dan mengamalkan adat resam orang Melayu boleh dianggap sebagai orang Melayu.

Lantaran itu, orang mu'alaf China dan India yang duduk dengan keluarga orang Melayu, bercakap dalam bahasa

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Melayu dan mengamalkan adat resam orang Melayu, berhak diterima sebagai orang Melayu dan berhak mendapat hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu seperti yang dijamin dan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan<sup>7</sup>.

Penganut baru agama Islam dari kaum China, India dan lain-lain patut dianggap sebagai orang Melayu dan diberikan hak-hak keistimewaannya. Dalam pada itu, semata-mata dengan menganut agama Islam tidak semestinya memenuhi takrif Melayu.

Ini adalah kerana selagi penganut baru itu masih bertutur dalam bahasa ibundanya dan tidak mengamalkan adat resam orang Melayu, maka dia tidak boleh dianggap sebagai orang Melayu menurut Perlembagaan negara ini. Justeru itu, menganut agama Islam tidak bermakna '**masuk Melayu**', meskipun ada pihak-pihak yang menganggap kedua-dua perkara itu sama sahaja.

Tetapi apakah halnya jika seseorang Melayu itu menganut agama lain? seperti yang terbukti dari Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia. Andainya ini berlaku, maka kedudukannya sebagai orang Melayu boleh dipertikaikan, dan dari segi teorinya dia boleh dinafikan hak-hak keistimewaannya sebagai orang Melayu.

Dan, apakah yang dimaksudkan dengan menganut agama Islam? Perlembagaan Persekutuan tidak langsung menjelaskan perkara ini. Adakah menganuti agama Islam itu dimaksudkan orang itu dilahirkan dalam keluarga Islam, kerana namanya Islam, atau adakah dengan menganuti agama Islam itu bermaksud setakat melakukan '**ritual**' agama itu sahaja tanpa menerima Islam itu sepenuhnya?

Apakah yang dimaksudkan dengan mengamalkan adat resam Melayu? Seperkara yang mesti diingati ialah ada juga adat resam orang Melayu yang bercanggah dengan ajaran Islam<sup>8</sup>. Adat resam Melayu masih bergelumang dengan pengaruh agama Hindu dan unsur-unsur animisma yang men-



## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

jadi amalan dan agama orang Melayu sebelum kedatangan Islam.

Oleh itu, bagaimana pula dengan kedudukan orang Melayu yang taat kepada agama Islam dan kerana itu, dia enggan mengamalkan adat resam orang Melayu yang bertentangan dengan ajaran Islam, adakah dia boleh dianggap sebagai orang Melayu lagi? Di sini terjadi pertentangan di antara agama dan adat resam orang Melayu. Dalam hal ini, orang Melayu terpaksa membuat pilihan iaitu hendak mengikut dan mengutamakan agama atau adat resamnya. Tidak ada jalan tengah di sini.

Juga, bagaimana dengan kedudukan orang Melayu bandar kelas pertengahan yang tidak mengamalkan adat resam orang-orang Melayu tetapi mengamalkan adat resam orang Barat. Dan bagaimana pula kedudukan seorang Baba Melaka yang mengamalkan adat resam Melayu dan tidak mengamalkan adat resam China, adakah mereka ini boleh dianggap sebagai orang Melayu?

Bagaimana pula dengan kedudukan pendatang-pendatang dari lain-lain Nusantara, seperti Bugis, Riau, Aceh dan sebagainya? Walhal mereka ini sebahagian daripada keturunan Melayu. Walaupun mungkin setengah-setengah daripada mereka menggunakan loghat masing-masing apabila bertutur, tetapi loghat mereka itu adalah serumpun dari bahasa Melayu itu sendiri.

Dan bagaimana pula dengan kedudukan orang-orang Melayu Patani, Madagaskar, Sri Lanka, Afrika Selatan, Pulau Christmas, Cocoa dan lain-lain? Apakah mereka ini tidak dianggap sebagai Melayu? Kerana itu terdapat perbezaan yang besar di antara takrif Melayu menurut perlembagaan negara ini dengan takrif Melayu menurut sejarah dan kebudayaannya.

Pengertian dan takrif Melayu ini bertambah berkecamuk lagi apabila Melayu itu dikaitkan dengan

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Bumiputera<sup>9</sup>. Di Semenanjung Malaysia, orang-orang asli juga dianggap sebagai bumiputera. Bagaimanapun istilah ini tidak dirujuk kepada orang Mandailing, Kampar, Rawa dan sebagainya.

Kerana itu, kedudukan mereka adalah tidak jelas. Mereka tidak boleh dianggap sebagai orang asli di negara ini, kerana mereka ini adalah pendatang-pendatang atau keturunan dari pendatang-pendatang itu. Lantaran itu, mereka tidak boleh disamakan dengan orang Jakun, Temair dan Semang yang telah hidup di sini sejak berkurun-kurun.

Di samping itu, orang-orang asli ini tidak boleh dianggap sebagai orang Melayu kerana sebahagian besar daripada mereka mengamalkan animisna dan mereka ini mempunyai bahasa dan budaya sendiri. Hal ini juga dikenakan terhadap mereka yang telah menganut agama Islam.

Istilah bumiputera ini telah mengalami perubahan dari segi undang-undang apabila terbentuknya Malaysia. Sebelum itu, bumiputera dirujuk kepada orang Melayu, bagi maksud untuk membezakan mereka daripada orang China dan India. Kini istilah itu merangkumi orang Melayu, orang asli di Semenanjung Malaysia dan kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Dilihat dari sudut sosio-budaya, mereka ini dan kaum pendatang dianggap berasal dari rumpun bangsa Melayu. Namun begitu, sebahagian besar daripada bumiputera Sabah dan Sarawak sepertimana orang-orang asli di Semenanjung Malaysia tidak menganut agama Islam. Sebahagian besar daripada mereka mengamalkan animisma, ramai beragama Kristian daripada Islam.

Mereka ini mempunyai bahasa dan budaya sendiri. Seperti orang Melayu, mereka mendapat hak-hak keistimewaan orang Melayu. Sebelum Malaysia dibentuk, hak-hak ini cuma diberikan kepada orang-orang Melayu sahaja.

Jikalau diperhatikan dengan teliti, penakrifan Melayu menimbulkan beberapa masalah, kerana kaum yang

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

memiliki sejarah dan kaitan sosio-budaya yang sama dengan orang Melayu tidak dianggap Melayu, sedangkan mereka yang tidak ada hubungan dengan sejarah dan sosio-budaya tersebut, tergolong sebagai orang Melayu apabila mereka memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh perlembagaan negara ini.

Sepatutnya, kedua-dua faktor ini, iaitu takrif Melayu mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan takrif sejarah serta sosio-budaya diambil kira dan dicantumkan, dari itu sebahagian besar dari persoalan yang ditimbulkan dapat dijawab dan diatasi.

Oleh kerana pengistilahan dan takrif yang kucar kacir dan tidak menentu itu, adalah sukar untuk menentukan siapakah sebenarnya orang Melayu. Lagipun, siapakah yang boleh ditakrifkan atau diistilah sebagai orang Melayu jati? Ini adalah kerana Melayu itu tidak mempunyai bahasa budaya dan agama tersendiri, melainkan dipinjam dari bahasa, agama dan kebudayaan lain. Misalnya bahasa Melayu itu sendiri merupakan campuran dari bahasa Sanskrit, bahasa Peringgi, bahasa Belanda, bahasa Arab dan lain-lain. Begitu juga halnya dengan budaya dan agama orang Melayu.

Memandangkan hal ini, kaum Melayu berusaha dan cuba mencari kemuliaan dan keagungan dalam bangsanya. Amalan ini diberi nama perkauman, sektarianisma dan chauvinisma yang mempunyai akar umbinya pada nasionalisma. Ada kalangan orang Melayu yang mencari keagungan dan kemulian Melayu pada empayer Srivijaya tanpa memperhitungkan bahawa terdiri dari kedua-dua empayer ini tercalit dan berbaur dengan agama Hindu, Budha dan animisma.

Lanjutan dari itu, mereka mahukan rupa bangsa Malaysia diasaskan kepada ras Melayu. Apabila Persekutuan Malaya dibentuk dalam tahun 1948, istilah 'Malaya' diambil sebagai identiti negara ini. Kemudian apabila Malaysia

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

dibentuk, istilah 'Malaysia' menggantikan istilah Malaya untuk identiti nasional dan rakyatnya sehingga ke hari ini rupa bangsa Malaysia itu masih belum terbentuk.

Perjuangan untuk membentuk rupa bangsa negara ini telah berlangsung sekian lama. Di satu pihak mahukan rupa bangsa negara ini dibentuk atas ras Melayu tanpa menghiraukan sama ada kebudayaan Melayu itu dicemari oleh tahyul dan khurafat, manakala satu pihak lagi mahukan rupa bangsa negara ini dibentuk berdasarkan agama dan ajaran Islam yang bersifat 'sejagat'.

Dalam rangka ini, terbentuk dan tertubuh dua kumpulan yang memperjuangkan idealisma tersebut. Yang satu mendasari perjuangannya di atas semangat kebangsaan Melayu (**nasionalisma**), sementara yang satu lagi mengasaskan perjuangan di atas dasar-dasar Islam.

Dengan ini, terjadilah pendekatan yang berbeza terhadap kemuliaan dan keagungan bangsa Melayu berdasarkan ideologi politik yang berlainan, yang sentiasa berlawanan dan bertentangan di antara satu sama lain.

Bertitik tolak dari sini, bangsa Melayu retak dan berpecah dua, yang satu yakin bahawa nasionalisma Melayu dapat mendatangkan kemuliaan dan ketinggian bangsa Melayu. Manakala yang satu lagi yakin bahawa cuma Islam sahajalah yang dapat memberikan kemuliaan dan ketinggian itu. Dalam hal ini tidak ada sesiapa yang dapat menafikan perasaan cintakan bangsa. Islam pula menganggap ini sebagai fitrah manusia, semulajadi dan tabi'i. Firman Allah Subhanahu Wata'ala:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا  
وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفُسُكُمْ إِنَّ اللَّهَ

عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

*Wahai manusia, sesungguhnya Kami (Allah) telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang-orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang-orang yang paling bertaqwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Mengerti'.*

Surah al-Hujurat:13

Tetapi Islam melarang perasaan taat setia seseorang Islam itu kepada bangsanya melebihi ketaatan dan kesetiannya kepada Allah Subhanahu Wata'ala:

Kemuliaan dan ketinggian seseorang manusia itu, menurut Islam tidak terletak kepada sesuatu bangsa, pangkat kedudukan, kekuatan, kekuasaan, kekayaan harta benda dan wang ringgit, kebangsawanan keturunan dan sebagainya, tetapi kemuliaan dan kehormatan sebenar terletak pada keimanan dan rapatnya hubungan seseorang atau sesuatu bangsa itu dengan Penciptanya.

Pengiktirafan Islam tentang wujudnya bangsa-bangsa dan puak-puak serta suku-suku itu bukanlah untuk mereka bangga-membangga dan bermusuh-musuhan di antara satu dengan yang lain tetapi adalah untuk berbaik-baik dan bekerjasama bagi faedah manusia seluruhnya<sup>10</sup>

Justeru itu, semangat mencintai bangsa itu boleh ditinjau dari dua sudut, iaitu sudut fitrah manusia, kedua, ditinjau dari sudut menjadikan semangat kebangsaan itu sebagai falsafah perjuangan, matlamat terakhir kehidupan manusia di dunia ini, serta menjadikannya teras negara dan masyarakat. Bahaya kecenderungan kedua ini terletak pada anggapan bahawa sesuatu bangsa itu lebih mulia daripada bangsa yang lain, lantaran itu bangsa itu berhak memerintah dan menzalimi kaum lain.

Inilah yang ditegah oleh Islam. Sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam;

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

*'Bukan dari golonganku orang yang menyeru kepada kebangsaan, dan bukan dari golonganku orang yang berperang atas [dasar] kebangsaan dan bukan dari golonganku orang yang mati atas [dasar] kebangsaan',*

Hadith Riwayat Abu Dawud

SabdaNya lagi,

*'...barangsiapa berperang di bawah bendera kesesetan [iaitu], dia marah kerana kebangsaan atau mengajak [manusia] kepada kebangsaan dan menolong kebangsaan, lalu dia terbunuh, maka bangkainya itu ialah bangkai jahiliyyah'.*

Hadith Riwayat Muslim dan Nasai.

Menurut Sheikh Muhammad Yusuf al-Qardhaway, *'...tidak ada keistimewaan khusus kerana warna kulit, kerana keturunan dan kerana tanah air. Dan tidak halal bagi seseorang Islam merasa ta'sub [fanatik] kerana warna kulitnya, kerana keturunannya dan kerana daerahnya. Dan tidak halal pula bagi seseorang Islam membela kaumnya kerana ta'sub, baik dalam kebenaran, kebatilan, keadilan dan keangkuhan.'*<sup>11</sup>

Manakala al-Sheikh Muhammad al-Ghazaly pula berpendapat, semangat kebangsaan disemaikan oleh penjajah Barat dengan maksud untuk memecah-belahkan ummat Islam kepada golongan-golongan yang saling bercakaran di antara satu sama lain, padahal ummat Islam adalah ummah yang satu<sup>12</sup>. Oleh itu, perjuangan kebangsaan bertanggungjawab mengakibatkan perpecahan ummat Islam, termasuk masyarakat Islam di Malaysia.

Kelangsungan perpaduan bangsa Melayu-Islam Malaysia boleh dijamin dengan menggantikan semangat kebangsaan Melayu kepada semangat kelslaman. Survival dan kesejahteraan Malaysia bergantung kepada kemantapan masyarakat Islamnya, dan dalam konteks negara ini bangsa Melayu-Islam ini berpurak-peranda dan berpecah-belah, negara ini akan kacau bilau dan akibatnya Islam itu sendiri akan terjejas.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

### Footnotes.

<sup>1</sup>Virginia Matheson, 'Concept of Malay Ethos in Indigenous Malay Writing', dalam JSEAS 10, 2, 1979, hal. 351-372.

<sup>2</sup>Hikayat Hang Tuah adalah epik yang mengandungi peristiwa-peristiwa hidup pahlawan Melayu itu, yang barangkali wujud dalam bentuk sastera lisan lama sebelum ditulis dalam kurun ke 17.

<sup>3</sup>Ada yang berpendapat bahawa kata 'Melayu' itu mungkin pada satu masa dulu nama sebatang sungai yang kini dikenali sebagai Talang, di Sumatera, Republik Indonesia.

<sup>4</sup>Banci Penduduk dan Perumahan', dalam Laporan Am Banci Penduduk, Jilid 2, 1980, hal. 230.

<sup>5</sup>Ahmad Isa 'Ashur, **Ulasan kufurnya Orang Yang Meninggalkan Sembahyang dan Mengenenpikan Hukum Allah**', Pustaka Asa, Kota Bharu, Kelantan, 1981.

<sup>6</sup>**Petunjuk Untuk Jama'ah Haji dan 'Umrah serta Penziarah Masjid Rasul S.A.W.**', disebarikan secara wakaf oleh Direktor Jendral Urusan Riset, Fatwa, Da'wah dan Bimbingan Islam, Riyadh, Saudi 'Arabia, 1982, hal. 8-14. Petikannya adalah seperti berikut:-

Pertama: *Mempersekutukan Allah [shirk] dalam 'ibadah. Allah berfirman; 'Sesungguhnya orang yang mempersekutukan Allah nescaya Allah akan mengharamkan syurga baginya, dan tempat tinggalnya (kelak) adalah neraka, dan tiada seorang penolongpun bagi orang yang zalim'.*

Dan di antara perbuatan shirk tersebut ialah: meminta do'a dan pertolongan kepada orang-orang yang telah mati, begitu pula bernazar dan menyembelih korban demi mereka.

kedua: Menjadikan sesuatu sebagai perantara antara dirinya dengan Allah dengan meminta do'a dan shafa'at serta berserah diri (**tawakkal**) kepada perantara itu. Yang melakukan hal tersebut, menurut kesepakatan ulama (**ijma'**), adalah kafir.

Ketiga: Tidak mengkafirkan orang mushrik, atau ragu akan kekafiran mereka, ataupun faham (**mazhab**) mereka, dengan demikian ia adalah kafir.

Keempat: Berkeyakinan bahawa selain tuntutan Nabi Muhammad s.a.w. itu lebih sempurna, atau berkeyakinan bahawa selaian ketentuan hukum beliau itu lebih baik, sebagaimana mereka yang mengutamakan aturan-aturan manusia yang melampaui batas lagi menyimpang dari hukum Allah

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

(aturan-aturan **taghut**), dan menyimpangkan hukum Rasulullah s.a.w. Maka yang berkeyakinan seperti ini adalah kafir. Sebagai contoh:

- a. Berkeyakinan bahawa aturan-aturan dan perundang-undangan yang diciptakan manusia lebih utama dari Shari'at Islam atau berkeyakinan bahawa aturan Islam tidak tepat untuk diterapkan pada abad kedua puluh ini, atau berkeyakinan bahawa Islam adalah sebab kemunduran kaum Muslimin, atau berkeyakinan bahawa Islam itu terbatas dalam mengatur hubungan manusia dengan Tuhannya sahaja, tidak mengatur urusan segi kehidupan yang lain.
- b. Berpendapat bahawa melaksanakan hukum Allah dalam memotong tangan pencuri, atau merejam pelaku zina yang telah kahwin (**muhsan**), tidak sesuai lagi di masa kini.
- c. Berkeyakinan dengan dibolehkan menggunakan selain hukum Allah dalam segi muamalat shari'ah (seperti perdagangan, sewa menyewa, pinjam meminjam dan sebagainya), sekalipun tidak disertai dengan keyakinan bahawa hukum-hukum tersebut lebih utama dari shari'at Islam. Kerana dengan demikian ia telah menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah, menurut setiap orang yang menghalalkan apa yang sudah jelas dan tegas diharamkan oleh Allah dalam agama seperti zina, arak, riba dan penggunaan perundang-undangan selain shari'at Allah, maka dia adalah kafir menurut kesepakatan ummat Islam (**Ijma'**).

Kelima: Membenci sesuatu yang telah ditetapkan oleh Rasulullah s.'a.w. sebagai shari'at beliau, walaupun ia mengamalkannya, maka ia menjadi kafir kerana Allah berfirman;

*Demikian itu adalah dikeranakan mereka benci terhadap apa yang diturunkan oleh Allah, maka Allah menghapuskan (pahala) segala amal perbuatan mereka'.*

keenam: Memperolok-olok terhadap sesuatu dari ajaran Rasulullah s.'a.w. ataupun terhadap pahala maupun siksaan yang telah menjadi ketetapan agama, maka ia menjadi kafir, kerana Allah telah berfirman;

*'Katakanlah, terhadap Allahkah dan ayat-ayat-Nya serta Rasul-Nya kau sekalian memperolok-olok? Tiada erti kau meminta maaf, kerana kau kafir setelah beriman'.*

Ketujuh: Sihir, di antaranya ialah ilmu guna-guna (**sarf**) iaitu merubah kecintaan seorang suami terhadap isterinya menjadi suatu kebencian; begitu juga ilmu pekasih, iaitu menjadikan seseorang mencintai sesuatu yang tak disenanginya dengan cara-cara shaitani. Maka barangsiapa yang mengerjakan sihir atau senang dan rela dengannya maka ia adalah kafir, kerana Allah berfirman;



## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

*'Sedang kedua malaikat itu tidak mengajarkan (suatu sihir) kepada seorangpun sebelum mengatakan, sesungguhnya kami hanya cubaan bagimu, sebab itu janganlah kamu kafir.'*

Kelapan: Membantu dan menolong orang-orang mushrik untuk memusihi Muslimin, kerana Allah berfirman;

*'Dan barangsiapa diantara kamu mengambil mereka Yahudi dan Nasrani) menjadi pemimpin, maka sesungguhnya orang itu termasuk golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim.'*

Kesembilan: Berkeyakinan bahawa sebahagian manusia diperbolehkan tidak mengikuti shari'at Muhammad s.'a.w., maka yang berkeyakinan seperti ini adalah kafir. Kerana Allah berfirman;

*'Barangsiapa menghendaki selain Islam sebagai agama, maka tak akan diterima agama itu daripadanya, dan ia di akhirat tergolong orang-orang yang merugikan.'*

Kesepuluh: Berpaling secara keseluruhan dari agama Allah, atau dari hal-hal yang menjadi syarat mutlak sebagai Muslim, tanpa mempelajarinya dan tanpa melaksanakan ajarannya. Kerana Allah berfirman;

*Tiada yang lebih zalim daripada orang yang telah mendapatkan peringatan melalui ayat-ayat Tuhannya, kemudian ia berpaling darinya, sesungguhnya Kami akan, menimpakan pembalasan kepada orang-orang yang berdosa.'*

Dan Ia berfirman;

*'Dan orang-orang yang kafir berpaling dari apa yang diperingatkan kepada mereka.'*

Dalam hal-hal yang membatalkan keislaman ini, tak ada bezanya dalam hukum antara yang main-main dan yang sungguh-sungguh sengaja melanggar ataupun yang kerana takut terkecuali yang dipaksa. Semoga Allah melindungi kita dari hal-hal yang mendatangkan kemurkaan-Nya dan kepadihan siksa-Nya.

7(1) Jika mana-mana tanah di sesuatu negeri yang menjadi tanah rezab orang Melayu sebelum sahaja Hari Merdeka mengikuti undang-undang yang ada, maka tanah itu boleh terus menerus menjadi tanah rezab orang Melayu mengikut undang-undang itu sehingga selainnya diperuntukkan oleh Badan Perundangan Negeri itu dengan sesuatu Enakmen

(a) yang diluluskan oleh sebilangan besar daripada bilangan semua ahli Dewan Negeri itu dan dengan undi tidak kurang daripada ahli-ahli yang hadir dan mengundi; dan

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

- (b) yang dipersetujui dengan ketetapan tiap-tiap satu Majlis Parlimen yang diluluskan oleh sebilangan besar daripada bilangan semua ahli Majlis Parlimen itu dan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada ahli-ahli yang mengundi.
- (1A) Mana-mana undang-undang di bawah Fasal (1) memperuntukkan perampasan atau perkembalian kepada pihak Berkuasa Negeri, atau untuk penglucutan hak ke atas mana-mana rezab Melayu, atau mana-mana hak atau kepentingan yang terkandung di dalamnya, di atas akuan mana-mana orang atau perbadanan syarikat atau lain-lain badan [sama ada pertubuhan yang diperbadankan atau yang tidak diperbadankan] memilikinya hilang kelayakan atau keupayaan di bawah undang-undang tertentu berhabit dengan pengrezaban Melayu untuk memilikinya, tidaklah dianggap batal di atas sebab percanggahan dengan Perkara 13.
- (2) Mana-mana tanah di sesuatu Negeri yang pada masa itu bukan tanah rezab Melayu mengikut undang-undang yang ada dan yang belum dimajukan atau dicucuk tanam boleh diistilahkan sebagai tanah rezab orang Melayu mengikut undang-undang itu:  
Dengan syarat bahawa -
- (a) jika mana-mana tanah disesuatu Negeri adalah diistilahkan sebagai tanah rezab orang Melayu di bawah fasal ini, maka suatu kelulusan tanah yang sama dengan luas tanah itu dalam negeri itu, yang belum dimajukan atau dicucuk tanam hendaklah diadakan untuk diberi milik kepada umum; dan
- (b) jumlah luasnya tanah di sesuatu Negeri yang pada masa itu diistilahkan sebagai tanah rezab orang Melayu di bawah Fasal ini tidak boleh pada bila masa lebih daripada jumlah luasnya tanah di Negeri itu yang telah diadakan untuk diberi-milik kepada umum menurut perenggan (a).
- (3) Tertakluk kepada Fasal (4), Kerajaan mana-mana Negeri boleh mengikut undang-undang yang ada, mengisytiharkan sebagai tanah rezab orang Melayu:

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

- (a) mana-mana tanah yang diambil oleh Kerajaan itu dengan cara perjanjian bag maksud itu;
  - (b) mana-mana tanah lain, apabila permohonan dibuat oleh tuan punya, dan dengan persetujuan tiap-tiap orang yang ada mempunyai sesuatu hak atau kepentingan mengenainya;
  - (c) Jika mana-mana tanah terhenti menjadi tanah rezab orang Melayu, mana-mana tanah yang serupa jenisnya dengan tanah itu dan seluas tidak lebih dari tanah itu.
- (4) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh membenarkan mana-mana tanah diisytiharkan sebagai tanah rezab orang Melayu jika pada masa pengisytiharan itu tanah itu dipunyai atau diduduki oleh seseorang yang bukan orang Melayu atau jika pada masa itu seseorang orang Melayu ada mempunyai apa-apa hak atau kepentingan tanah itu.
- (5) Dengan tidak menyalah Fasal (3), Kerajaan mana-mana Negeri boleh mengikut undang-undang, mengambil tanah untuk menempatkan orang-orang Melayu atau kaum-kaum lain, dan menubuhkan amanah-amanah bagi maksud itu.
- (6) Dengan tidak menyalah Fasal (3), Kerajaan mana-mana Negeri boleh mengikut undang-undang, mengambil tanah untuk menempatkan orang-orang Melayu atau kaum-kaum lain, dan menubuhkan amanah-amanah bagi maksud itu.
- (7) Dalam perkara ini 'tanah rezab orang Melayu' ertinya tanah yang direzab untuk diberi milik kepada orang-orang Melayu atau kepada bumiputera-bumiputera bagi Negeri di mana tanah itu terletak; dan 'orang Melayu' termasuklah seorang yang disifatkan sebagai seorang Melayu bagi maksud-maksud merezabkan tanah di bawah undang-undang bagi Negeri di mana dia bermastautin.
- (8) Perkara itu hendaklah berkuatkuasa tertakluk kepada Perkara 161A walau apapun peruntukan lain yang ada dalam Perlembagaan ini, tetapi (dengan tidak menyalah apa-apa peruntukan lain itu) tiada sesuatu tanah boleh disimpan atau diisytiharkan sebagai tanah rezab orang Melayu kecuali sebagaimana diperuntukan oleh Perkara ini dan perkara 90.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

- (1) Adalah menjadi tanggungjawab Yang Di Pertuan Agong memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan-kepentingan sah kaum lain mengikut peruntukan Perkara ini.
- (2) Walau apapun yang terkandung dalam Perlembagaan ini, tetapi terkatluk kepada Peruntukan Perkara 40 dan peruntukan Perkara ini, Yang Di Pertuan Agong hendaklah menjalankan tugas-tugasnya di bawah perlembagaan ini dan di bawah Undang-undang Persekutuan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang perlu untuk menentukan perezaban bagi orang Melayu satu kadar yang difikirkan patut oleh Yang Di Pertuan Agong mengenai jawatan dalam perkhidmatan awam (lain daripada perkhidmatan awam sesuatu negeri) dan mengenai biasiswa bantuan dan lain-lain keistimewaan pelajaran atau latihan yang seumpamanya atau lain-lain kemudahan khas yang diberikan atau diadakan oleh Kerajaan Persekutuan dan suatu kadar yang difikirkan patut oleh Yang Di Pertuan Agong mengenai permit atau lesen bagi menjalankan apa-apa tred atau perniagaan, dan peruntukan undang-undang itu dan Perkara ini.
- (3) Bagi menentukan, mengikut Fasal (2) perezapan bagi orang Melayu mengenai jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam dan mengenai biasiswa, bantuan dan lain-lain keistimewaan pelajaran atau latihan atau kemudahan khas Yang Di Pertuan Agong boleh memberikan apa-apa arahan am sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud itu kepada mana-mana pihak berkuasa yang bertanggungjawab atas pemberian biasiswa bantuan atau lain-lain keistimewaan pelajaran atau latihan atau kemudahan-kemudahan khas itu, dan Suruhanjaya atau pihak berkuasa itu hendaklah mematuhi arahan-arahan itu dengan sempurna.
- (4) Pada menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perlembagaan ini dan di bawah Undang-undang Persekutuan mengikut Fasal (1) hingga (3) Yang Di Pertuan Agong tidak boleh melucutkan jawatan awam yang dipegang oleh seseorang atau melucutkan biasiswa, bantuan atau lain-lain keistimewaan pelajaran atau latihan atau kemudahan-kemudahan khas yang dinikmati oleh orang itu.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

- (5) Perkara ini tidaklah mengurangkan kuasa peruntukan Perkara 136.
- (6) Jika sesuatu permit atau lesen untuk menjalankan apa-apa tred atau perniagaan adalah dikehendaki oleh undang-undang persekutuan yang ada, maka Yang Di Pertuan Agong boleh menjalankan tugas-tugasnya di bawah undang-undang itu mengikut apa-apa cara atau memberi apa-apa arahan am kepada mana-mana pihak berkuasa yang bertanggungjawab di bawah undang-undang itu atas pemberian permit atau lesen itu, sebagaimana yang dikehendaki bagi menentukan perezaban apa-apa kadar mengenai permit atau lesen itu untuk orang Melayu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Yang Di Pertuan Agong dan pihak berkuasa itu hendaklah mematuhi arahan itu dengan sempurna.
- (7) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh berkuatkuasa untuk melucutkan atau memberikan kuasa supaya dilucutkan apa-apa hak keistimewaan, permit atau lesen seseorang yang terakru kepada orang itu atau yang dinikmati atau yang dipegang oleh orang itu ataupun untuk memberi kuasa supaya ditolak permintaan daripada seseorang untuk membaharui suatu permit atau lesen itu atau memberi kuasa supaya ditolak permintaan daripada seseorang untuk membaharui suatu permit atau lesen itu atau memberi kuasa supaya enggan memberi sesuatu permit atau lesen kepada waris, pengganti atau penerima sarahak seseorang jika pembaharuan atau pemberian itu dijangka menasabah pada ghalibnya.
- (8) Walau apapun yang terkandung dalam Perlembagaan ini jika untuk menjalankan sesuatu tred atau perniagaan, sesuatu permit atau lesen adalah dikehendaki oleh undang-undang persekutuan, maka peruntukan boleh dibuat oleh undang-undang itu bagi merezabkan sesuatu kadar mengenai permit atau lesen itu untuk orang Melayu tetapi tidak sesuatu undang-undang itu boleh bagi maksud menentukan perezaban itu:—
  - (a) melucutkan atau memberi kuasa supaya dilucutkan apa-apa hak keistimewaan, permit atau lesen sese-

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

- orang yang terakru kepada orang itu atau yang dinikmati atau dipegang oleh orang itu, atau
- (b) memberi kuasa supaya ditolak permintaan daripada seseorang untuk membarui sesuatu permit atau lesen itu atau memberi kuasa supaya enggan memberi sesuatu permit atau lesen kepada waris, pengganti atau penerima sarahak seseorang jika pembaharuan atau pemberian itu mengikut peruntukan yang lain dalam undang-undang itu dijangka menasabah pada ghalibnya ataupun menahan seseorang daripada meminda-milik bersama dengan peniagaannya sesuatu lesen yang boleh dipinda-milik bagi menjalankan perniagaan itu, atau
  - (c) jika dahulunya tiada dikehendaki apa-apa permit atau lesen bagi menjalankan tred atau peniagaan itu, memberi kuasa supaya enggan memberi sesuatu permit atau lesen kepada seseorang bagi menjalankan sesuatu tred atau perniagaan yang telah dijalankan secara 'bona fide' sebelum sahaja mula berkuatkuasa undang-undang itu ataupun memberi kuasa supaya ditolak kemudiannya permintaan daripada mana-mana orang itu untuk membarui sesuatu permit atau lesen itu kepada waris, pengganti atau penerima sarahak mana-mana orang itu jika, mengikut peruntukan yang lain dalam undang-undang itu pembaharuan atau pemberian itu dijangka menasabah pada ghalibnya.
- (8A) Walau apaun di dalam Perlembagaan ini, di mana di sebuah universiti, kolej atau institusi pelajaran yang lain membekalkan pelajaran selepas Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf dengannya bilangan tempat yang ditawarkan oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab di atas pengurusan universiti, kolej atau institusi pelajaran kepada calon-calon untuk mengikuti kursus pengajian kurang daripada calon-calon yang layak untuk tempat-tempat itu, adalah sah bagi Yang Di Pertuan Agong di atas sebab Per-kara ini memberikan apa-apa arahan kepada pihak berkuasa seperti yang diperlukan untuk menentukan pengrezapan di atas apa-apa bahagian bagi tempat-tempat itu untuk orang-orang Melayu atau Bumiputera daripada

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

mana-mana Negeri Sabah dan Sarawak seperti Yang Di Pertuan Agong memikirkan wajar, dan pihak berkuasa hendaklah patuh dengan arahan-arahan itu.

- (9) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh memberi kuasa kepada Parlimen menyekat perniagaan atau tred semata-mata bagi maksud pengerasapan untuk orang Melayu.
- (9A) Di dalam Perkara ini, perkataan 'Bumiputera' berhubung dengan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak hendaklah mempunyai erti seperti yang diberikan kepadanya di dalam Perkara 161A.
- (10) Perlembagaan bagi Negeri yang ber-Raja boleh membuat peruntukan-peruntukan yang bersama (dengan apa-apa pengubahsuaian yang perlu) dengan peruntukan-peruntukan Perkara ini.

<sup>8</sup>Ismail Awang, **Adat Orang-Orang Melayu Yang Bertentangan Dengan Aqidah Islam**, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., Kota Bharu, Kelantan, 1983.

<sup>9</sup>161A (b), Dalam Perkara ini 'Bumiputera' ertinya:—

- (a) Mengenai Sarawak, seorang warganegara dan ianya adalah seorang dari mana-mana satu kaum yang dinyatakan dalam Fasal (7) sebagai kaum asli negeri itu atau ianya adalah seorang yang berketurunan campuran yang berasal daripada kaum-kaum itu.
- (b) Mengenai Sabah, seseorang warganegara dan ianya adalah anak atau cucu kepada seseorang dari kaum asli Sabah, telah lahir (sama ada atau tidak pada selepas Hari Malaysia) di Sabah atau bapanya, pada masa ia lahir itu, adalah berdomisil di Sabah.
- (c) Kaum-kaum yang akan disifatkan sebagai asli bagi Sarawak bagi maksud-maksud takrif 'Bumiputera' dalam Fasal (6) ialah Bukitan, Bisayah, Dusun, Dayak Laut, Dayak Darat, Kedayan, Kelabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lehanan, Punan, Tanjung dan Kavo wit), Lugat, Lisum, Melayu, Melano, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit.

<sup>10</sup>Prof Madya Taib dan Hashim Musa, **Islam dan Kebangsaan**, Utusan Publication & Distributors, Kuala Lumpur, 1979, hal.74.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

<sup>11</sup>Sheikh Muhammad Yusuf al-Qardhawy, **Halal dan Haram Dalam Pandangan Islam**, Bina Ilmu, Surabaya, Indonesia, 1978, hal. 85.

<sup>12</sup>Al-Sheikh Muhammad al-Ghazaly, **Bukan Dari Ajaran Islam**, Bina Ilmu, Surabaya, Indonesia, 1978, hal. 154.



## PERPECAHAN BANGSA MELAYU: Satu Sorotan Sejarah

Sebelum kedatangan Islam ke rantau ini (**Nusantara**), termasuk Malaysia, '*orang-orang di kepulauan Melayu lebih estetik,*'<sup>1</sup> menyembah berhala, mengamalkan ajaran tahyul dan khurafat.

Tetapi kedatangan Islam ke Asia Tenggara telah merubah '*semangat dan jiwa*' penduduk di rantau ini dan membawa bersamanya '*...semangat agama yang tinggi nilai intelek dan rasionalismenya... menyebabkan peningkatan rasionalisme dan intelektualisme yang pada zaman pra-Islam tidak wujud. Kemunculan rasionalisme dan intelektualisme ini boleh dilihat sebagai jiwa baru yang menandai proses revolusi dalam pandangan alam Melayu-Indonesia, memesongkannya daripada dunia metos yang semakin runtuh, kepada dunia akliah, pemikiran dan ketertiban.*'<sup>2</sup>

Revivifikasi jiwa dan ilmu meratai rakyat jelata; Islam memberikan kesan intelektual dan rasional bukan sahaja di istana, tetapi juga kepada rakyat keseluruhannya seperti terbukti pada hakikat bukan semua tulisan berbentuk falsafah dibuat untuk menyukakan raja-raja. Sebaliknya, sedikit sekali tulisan seperti itu ditulis untuk istana.<sup>1</sup>

Dengan kata-kata lain, Islam telah menyatukan bangsa Melayu di rantau ini, termasuk Semenanjung Tanah Melayu di bawah satu aqidah, din, satu pandangan hidup dan satu gagasan yang dikongsi oleh pelbagai lapisan masyarakatnya,

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

dari golongan bawahan (rakyat) hinggalah ke golongan atasan (Raja-raja dan golongan bangsawan). Sebelum daripada itu, golongan atasan telah memaksa 'agama, cara hidup dan peraturan' mereka ke atas golongan bawahan. Tetapi lebih penting daripada itu, Islam telah menyatupadukan dan mengikat masyarakat Melayu di rantau ini, di bawah satu kepimpinan iaitu kepimpinan Islam melalui Shayakhu'l-Islam (ulama', cerdik pandai, cendiakawan dan pemikir-pemikir Islam).

Justeru itu, kedatangan Islam ke rantau ini merupakan suatu '*peristiwa penting dalam sejarah Kepulauan Melayu*'<sup>4</sup>... (dan) menyebabkan lahirnya satu zaman baru dalam sejarah Kepulauan Melayu-Indonesia'.<sup>5</sup>

Dalam bidang politik, '*Islam menjadi kuasa penyatu seantero gugusan kepulauan Melayu. Seiring dengan faktor-faktor sejarah, agama dan bahasa, pergerakan ke arah kesedaran bangsa itu mula bertunas*'<sup>6</sup>.

Tetapi kesedaran bangsa ini dan tali keterikatannya kepada Islam terbuka simpulannya apabila faham sekularisma dan proses sekularisasi menular dan menyusup masuk secara halus dan kadang kala secara terang ke rantau ini.

Istilah '*secular*' berasal dari perkataan Latin, '*saeculum*', yang membawa pengertian '*masa*' dan '*tempat*'. '*Masa*' merujuk kepada '*sekarang*' atau '*tempat*'. merujuk kepada '*dunia*' atau '*keduniaan*'. Kesimpulannya, sekular bermaksud '*zaman ini*' atau '*masa kini*', dan masa kini merujuk kepada peristiwa dan kejadian yang berlaku di dunia ini semata-mata.

Manakala '**secularization**' pula ditakrifkan sebagai satu proses membebaskan manusia dari agama dan 'daripada penguasaan ghaib ke atas pemikiran dan bahasanya ... (sekularisasi ialah) manusia mengubah pandangannya daripada alam akhirat kepada dunia ini dan masa ini'.<sup>7</sup>

Menurut Harvey Cox, sekularisasi juga bermakna '**the disenchantment of nature**' (membebaskan alam semulajadi dari kepercayaan tahyul dan khurafat — marujuk kepada

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

agama), **'the desacralization of politics'** (mensucikan politik dari unsur-unsur keagamaan) dan **'the deconsecration of values'** (membebaskan nilai-nilai dari pengaruh keagamaan).<sup>8</sup>

Dengan **'disenchantment of nature'**, ia bermaksud *'membebaskan kehidupan daripada ciri-ciri agama; ... Dengan pensucian politik daripada pengaruh agama, mereka bermaksud pemansuhan had-had yang ditentukan oleh agama ke atas kuasa politik dan kekuasaan ... Dengan pembersihan daripada nilai-nilai agama, mereka bermaksud semua ciptaan budaya adalah tidak abadi dan relatif, dan setiap sistem nilai yang ada bagi mereka sebenarnya merangkum agama dan pandangan alam yang mengisbati segala kepentingan dan matlamat; supaya dengan cara ini sejarah, dan masa mendatang boleh diubah dan manusia adalah bebas untuk mencipta dan merubah sambil menyebatkan dirinya dalam proses perubahan itu'*.<sup>9</sup>

Encyclopedia Britannica menakrifkan proses *'sekularisasi'* sebagai beroperasi tanpa mementingkan agama, etika, estetika atau kesan status sosial. Tujuan utamanya ialah ke arah keberkesanan yang maksimum ... cirinya yang terpenting ialah keupayaannya untuk berkembang dengan sendiri'.<sup>10</sup>

Dari takrif-takrif ini adalah jelas betapa bahayanya faham sekularisma dan proses sekularisasi itu sehingga ia boleh membawa kepada penyisihan Islam dari berperanan menentukan dasar-dasar berhubung dengan politik, pemerintahan, kekuasaan, penciptaan alam, kebudayaan, pendidikan dan sebagainya. Dengan itu, sekularisma dan proses sekularisasi bertujuan dan bermatlamat untuk menyempitkan ruang lingkup Din Islam dan menjadikan Islam *'tidak bermaya'*.

Bersangkutan dengan hal ini, Prof Syed Muhammad al-Naquib berkata, *'Masalah-masalah ini tampak menonjol kepada kita (yang disebabkan oleh proses sekularisasi)*

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

*bersebab daripada pemakaian cara berfikir, menilai dan kepercayaan Barat...<sup>11</sup>*

Faham sekularisma lahir dalam sejarah Kristian dalam abad Pertengahan. Ia diwujudkan oleh zaman pembaharuan di Eropah, ekoran dari pemberontakan golongan kebangsaan (nasionalisma) dan juga perindustrian di benua itu. Faham ini meledak di tengah-tengah masyarakat Kristian adalah sebagai tindak-balas terhadap penguasaan gereja Katholik ke atas kehidupan masyarakat Barat. Gereja menguasai berfikir, corak pengetahuan, dasar dalam negeri dan luar negeri.

Pertembungan orang-orang Eropah dan ummat Islam telah mendedahkan mereka kepada pengajaran dan pengetahuan baru daripada benua Islam. Pengalaman ini membangkitkan kesedaran di kalangan bangsa Eropah untuk membebaskan diri mereka dari belenggu gereja. Desakan ini bertambah kuat apabila mereka melihat bahawa ummat Islam maju dan ke depan, sedangkan mereka ketinggalan. Bangsa Eropah menyalahkan gereja kerana kemelesetan dan kemunduran ini. Hasil dari kesedaran ini, tercetuslah pemberontakan nasionalisma di Itali, Perancis dan Jerman. Pemberontakan dan kebangkitan ini disemangati oleh faham sekularisma.

Di abad pertengahan, pencarian ilmu pengetahuan dan penyelidikan berpusat di geraja. Semua pengajaran dan hasil penyelidikan, sekiranya ia tidak bersesuaian, bertentangan dengan ajaran atau kehendak pendita-pendita gereja dianggap sesat. Meskipun gereja memaksa ajaran-ajarannya, namun terdapat juga ahli-ahli yang berani mengemukakan pendapat yang berlainan dan menyanggah 'ilmu standard' yang ditetapkan oleh gereja. Ahli-ahli fikir yang lantang ini disiksa dan dibunuh dan dianggap sebagai ahli sihir dan hasil mereka turut dihapuskan supaya tidak menyesatkan orang ramai. Akibat dari ini, timbul gerakan-gerakan ilmu pengetahuan dari kekuasaan gereja Katholik. Gerakan ini menekankan penyelidikan ilmu tabi'i dan membiarkan bidang-bidang ketuhanan kepada penyingkapan gereja. Mulai dari ini,

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

berlakulah pemisahan agama dari ilmu pengetahuan. Ini, kepada bangsa Eropah penting berlaku, jika tidak, mereka akan terus keterbelakang dari segi ilmu pengetahuan berbanding dengan ummat Islam.

Perkembangan pencarian ilmu pengetahuan telah memesatkan kemajuan ekonomi Eropah. Turut berkembang ialah pelbagai aliran dan fahaman politik, bermula dari sistem feudal iaitu penguasaan tuan tanah ke atas petani-petani, kepada ajaran kapitalisma, demokrasi, komunisma dan seterusnya sosialisma. Kemajuan-kemajuan dalam bidang sains dan teknologi yang dicapai oleh Barat, perkembangan industri yang pesat, kejayaan mereka menguasai lebih banyak wilayah jajahan, termasuk hasil mahsulnya, telah memperkukuhkan keberanian mereka untuk memisahkan urusan politik dari pengaruh agama Kristian.

Proses ini dipercepatkan lagi apabila rakyat Eropah bangun memberontak dan menjatuhkan pemerintahan beraja yang tunduk kepada pengaruh Kristian dalam Revolusi Perancis dengan slogan kebebasan, persaudaraan dan persamaan.

Selepas itu, satu persatu negara-negara Eropah mengalami pemberontakan terhadap pemerintahan gereja. Kejatuhan pengaruh agama tidak sahaja menyebabkan gereja kehilangan hak-hak istimewa, tetapi lebih dari itu, ia menyuburkan faham sekularis dan menandakan kemenangan golongan sekular ke atas golongan agama Kristian.

Semua ini, mahu tidak mahu, tidak dapat tidak pasti akan berlaku, kerana berbeza dengan agama Islam, agama Kristian asal yang bersesuaian dengan Islam dan agama Kristian yang telah diBaratkan tidak tahan uji dan tidak tahan lasak untuk berdepan dengan perkembangan dan kemajuan zaman. Ini adalah kerana agama Kristian diturunkan untuk satu zaman dan satu kaum sahaja, dan shari'atnya (hukum-hukum kehidupan) dimansuhkan dengan kedatangan Nabi Muhammad s.a.w. Apa yang tinggal kepada agama Kristian

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Barat adalah suatu agama budaya dan upacara.

Kekurangan dan kelemahan agama Kristian ini berkesudahan dengan pemisahan agama dari negara (pemerintahan atau politik). Pemisahan ini bertunjang kepada kalimah '*berikan hak Ceaser (pemerintah) kepada Ceaser dan berikan hak Tuhan kepada Tuhan*'. Apa yang tersirat dari ungkapan ini ialah hanya manusia berkuasa menguruskan kehidupannya di dunia ini dan Tuhan tidak berperanan dalam urusan keduniaan. Kemuncak dari pemisahan ini terjadi dalam abad ke 19, apabila (gereja) disingkirkan terus daripada campurtangan dalam politik (negara), ekonomi dan ilmu pengetahuan. Maka proses meletakkan tapak binaan mensekularkan masyarakat Barat sempurnalah sudah.

Tetapi kita jangan menyangka bahawa faham dan pengaruh sekularisma ini terhad kepada dunia Barat sahaja. Faham sekularisma ini bersifat sejagat tanpa mengenal warna kulit, bahasa, budaya dan sempadan negara. Faham sekularisma telah diperkenalkan dan proses sekularisasi menyelinap masuk ke dunia Islam menerusi penjajahan Barat. Ketika Barat ghairah mencontohi kemajuan dunia Islam, ummat Islam pula mengalami kemunduran dalam pelbagai sudut. Ini menyebabkan dunia Islam menjadi lemah dan dengan mudah menjadi mangsa penjajahan Barat. Berbeza dengan dunia Barat, di mana kemajuan mereka berpunca dari penolakan mereka terhadap agama Kristian, dunia Islam mundur dan merosot kerana ummat Islam menyisihkan diri mereka dari agama mereka.

Penjajah Barat telah bertanggungjawab menanam benih-benih sekularisma di dunia Islam, termasuk di Tanah Melayu. Serentak dengan itu, proses sekularisma dipaksakan ke atas ummat Islam. 'Kita mesti melihat hakikat bahawa sekularisasi tidak hanya terdapat di dunia barat, bahawa pengalaman mereka dan sikap mereka terhadapnya perlu dipelajari oleh orang-orang Islam. Islam berbeza dengan agama Kristian dalam segi ini, bahawa sekularisasi dalam

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

bentuk yang berlaku dalam dunia Islam tidak semestinya mempengaruhi kepercayaan kita seperti ia mempengaruhi kepercayaan manusia Barat... tetapi masalah yang lahir daripada sekularisasi, walaupun tidak sama dengan yang dialami di Barat, telah menimbulkan pelbagai masalah dalam masyarakat kita'.<sup>12</sup>

Tambah Prof. Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, lagi, *Boleh dikatakan bahawa kesan-kesan sejarah asing mewujudkan pelbagai masalah dalam proses perkembangan akhiah*<sup>13</sup>

Menurut Prof. Syed Muhammad al-Naquib lagi, '...kemunculan orang Eropah dalam dunia Melayu-Indonesia dan penguasaan mereka ke atas kawasan itu mulai abad 11/17 hingga ke abad ini meninggalkan kesan ke atas orang-orang Islam. Di beberapa bahagian kepulauan itu, pengaruh Barat telah menguatkan semula sistem feudal yang wujud sebelum kedatangan Islam. Di zaman moden kita melihat kecenderungan feudal diberikan semangat baru; tradisi lama yang tidak mempunyai sebarang budaya nilai yang jelas, gelaran lama, tradisi istana dan lain-lain. ... Prasangka dan kebimbangan terhadap Islam telah mempengaruhi penjajah Barat melaksanakan satu dasar yang konsisten untuk memisahkan orang-orang Islam daripada agama mereka; inilah yang dibuat oleh Belanda dan Inggeris di kepulauan ini. Usaha ini dilaksanakan melalui proses penguasaan ke atas pentadbiran agama dan dari itu agama itu sendiri, melalui kerabat pemerintah. Pada masa yang sama, sistem pelajaran mengabaikan Islam ... Terdapatnya persamaan yang begitu ketara antara anggapan Inggeris bahawa raja adalah ketua agama dengan apa yang dilaksanakan di kawasan-kawasan kepulauan Melayu yang dikuasai oleh Inggeris'.

'Berbeza dengan ini, kita dapati walaupun pemerintah Aceh mempunyai kuasa yang luas berbanding dengan sebarang pemerintahan moden dalam Kepulauan Melayu

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

pada abad 11/17, beliau tidak mengaku menjadi ketua agama. Pentadbiran agama dijalankan oleh sheikhu'l-Islam dan pemerintah adalah di bawah kuasanya'.<sup>14</sup>

Tindakan merampas urusan agama dan pimpinan negara dari tangan Islam bermula di Tanah Melayu dengan termeterinya Perjanjian Pangkor 1874 antara Sultan Perak, Sultan Abdullah dengan Sir Andrew Clarke, Gabnor Inggeris di Negeri-Negeri Selat. Syarat terpenting dalam perjanjian itu ialah Residen Inggeris akan menasihati Sultan (dan mesti diikuti) dalam semua hal mengenai pentadbiran negeri, kecuali hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam dan Adat Istiadat Melayu.

'Perjanjian Pangkor menggariskan pemisahan yang tidak bermakna kepada orang-orang Melayu ... Agama dan kebudayaan diletakkan di luar kekuasaan Inggeris, tetapi pentadbiran am mestilah dijalankan menurut nasihat residen. Walhal agama dan tamsil ibarat adalah asas dan selalunya menjadi satu-satunya sebab tindakan politik Melayu. Pemisahan antara agama dan sekular jelas kepada orang-orang Eropah yang tidak memahami langsung konsep yang diamalkan oleh orang-orang Melayu'<sup>15</sup>

Lantaran itu penerimaan Perjanjian Pangkor oleh Raja-Raja dan kalangan bangsawan Melayu bermakna '*... mereka dengan tidak disedari terpaksa mengikut amalan Inggeris yang bertentangan dengan amalan mereka sendiri*'<sup>16</sup>

Dengan lain perkataan, bagi penjajah Inggeris, adat istiadat Melayu yang sarat dengan pengaruh animisma dan ajaran Hindu itu setaraf dan serupa sahaja dengan Islam. Dengan meletakkan kedudukan Islam setaraf dengan ajaran sesat, dan dengan sengaja merendahkan Islam, penjajah Inggeris telah menghina kesucian agama bangsa Melayu.

Selain dari itu, perjanjian ini turut memulakan proses sekularisasi di Tanah Melayu. Faham dan proses ini menjalar ke negeri-negeri lain apabila Sultan Selangor, Sultan Negeri Sembilan, Sultan Pahang dan lain-lain menandatangani per-



## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

janjian yang sama dengan penjajah Inggeris.

Menerusi perjanjian seperti ini, segala urusan pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang negeri diserahkan dan dikendalikan oleh Inggeris. Inggeris telah memperkenalkan, bahkan memaksa corak pentadbiran, pemerintahan dan pembentukan undang-undang mengikut sistem sekularnya.

Perjanjian ini juga merampas hak politik dan pemerintah Sultan-Sultan. Sultan-Sultan tidak berkuasa lagi mencegah usaha-usaha penerapan faham sekularisma dan proses sekularisasi yang dijalankan oleh penjajah Inggeris.

Ajaran pemisahan agama dari negara disemaikan dan kemudiannya dikekalkan dalam perlembagaan Persekutuan apabila ia diisytiharkan pada 27hb Ogos 1957 ...'.<sup>17</sup>

Soal agama diserahkan kepada Sultan-Sultan dan Majlis Agama Islam, dan soal pemerintahan pula dipertanggungjawabkan kepada wakil-wakil rakyat tanpa mengira sama ada mereka Islam atau bukan Islam.

Sejarawan-sejarawan kita yang mengemukakan teori tentang kedatangan dan perluasan pengaruh Islam di rantau ini antara lain berpendapat bahawa Islam disebar-luaskan apabila Raja-Raja yang menganut Islam sebagai '**political conviences**'. 'Tidak syak lagi, beberapa orang kalangan Raja Melayu memang tertarik dengan ajaran agama baru itu (Islam), namun, terdapat juga anak-anak Raja yang ketandusan akhlak hanya memakai Islam yang dapat mendatangkan kemanfaatan dan sesuai dengan selera mereka sahaja ...'.<sup>18</sup>

Pada masa itu, Raja-Raja merupakan pemimpin masyarakat Melayu. Setelah mereka menganut Islam, pintu istana mereka di buka kepada cerdik pandai, ahli-ahli fikir dan ulama' Islam. Raja-raja menjadi penaung kepada golongan ini seperti yang tercatat dalam sejarah Kesultanan Aceh dan Melaka.

Hal ehwal agama diuruskan oleh golongan ini dan Raja-Raja meletakkan dirinya di bawah pimpinan golongan ini.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Oleh kerana terdapat persefahaman di antara Raja-Raja dengan golongan ini, masalah perpecahan tidak timbul dalam masyarakat Melayu yang baru menganut Islam itu.

*'... pada ketika itu Melaka telah mejadi pusat pengajian dan penyebaran Islam untuk seluruh kepulauan Melayu ... ulama' dan mubaligh dari seluruh pelosok kepulauan dan dari Tanah Arab datang ke dua-dua pusat ini (satu lagi Pasai) untuk mengajar ilmu agama'.<sup>19</sup>*

Tetapi apabila berlaku percakaran di kalangan pemimpin negara lebih tepat lagi antara Raja-Raja dan di antara Raja-Raja dengan golongan bangsawan dan ulama' berikutan penyelewengan beragama oleh Raja-Raja, menyebabkan keretakan kepimpinan dalam masyarakat Melayu-Islam. *'Dalam hubungan antara pemerintah Me'aka dan golongan bangsawannya, kekayaan dari perdagangan antarabangsa adalah ni'mat yang bercampur-aduk; di samping mengayakan pemerintah, ia juga menambahkan pendapatan golongan bangsawan tempatan dan memberikan mereka kekuatan untuk menentang kuasa Raja ...'.<sup>20</sup>*

Sikap berpuak-puak, bermusuhan dan komplot di kalangan Raja-Raja dan golongan bangsawan ini memecah-belahkan perpaduan bangsa Melayu serentak dengan itu melemahkan kekuatan mereka. Perpecahan ini berpunca dari perebutan kuasa dan kekayaan. Keretakan ini membuka jalan seluas-luasnya kepada penjajah Barat untuk menguasai Tanah Melayu.

Perpecahan bangsa Melayu — kerana kecintaan mereka kepada dunia — memudahkan penjajah barat yang pertama iaitu Peringgi menumbangkan Kesultanan Melayu-Islam Melaka. Ketewasan kesultanan ini antara lain adalah disebabkan oleh *'sikap berpuak-puak golongan istana ... dan kekuatan senjata Portugis'.<sup>21</sup>* Perbalahan ini membawa kepada bunuh membunuh di antara bapa dan anak.

Sebagai contoh, *'Sultan Ahmad (daripada Kesultanan Melaka) dibunuh atas arahan bapanya (Sultan Mahmud Shah),*

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

*yang kemudian naik tahta ...'.<sup>22</sup> Setelah kerajaan Melayu-Islam Melaka jatuh ditangan Peringgi pun, mereka masih mementingkan kekuasaan daripada menguatkan perpaduan. Hal ini berterusan sehinggalah kedatangan penjajah Inggeris.*

*'Contoh yang paling jelas mengenai adanya ini ialah perang-perang saudara yang memisahkan beberapa negeri di Semenanjung. Tetapi, walaupun perbalahan mengenai hak naik tahta dan hak wilayah berleluasa pada zaman ini, ia juga perkara biasa pada zaman sebelum itu ...'.<sup>23</sup>*

Dalam percakaran antara golongan bangsawan dan Raja-Raja ini, mereka telah melibatkan orang-orang asing dan kuasa-kuasa luar dengan menjanjikan ganjaran, dan dengan itu menggadaikan negara ini.

*'Pihak yang akhirnya menang dalam perang-perang Melayu ialah yang dapat meminta bantuan daripada sekutu-sekutu yang paling kuat dan terkenal. Pada zaman-zaman dulu, anak raja yang bercita-cita tinggi telah meminta bantuan Portugis, Minangkabau, Siam, Bugis atau Belanda dengan janji hadiah jika mereka berjaya...'.<sup>24</sup>*

*'... ketika orang-orang besar Melayu berperang untuk merebut kuasa politik bagi memastikan kedudukan dan hasil mereka, kumpulan pelombong China dan saudagar Negeri Selat juga mahukan supaya kumpulan Melayu yang menang akan membawa faedah kepada kepentingan mereka. Apabila diminta oleh mana-mana pemimpin Melayu, puak-puak atau persatuan-persatuan China akan memberikan bantuan wang, bekalan senjata dan askar, dan di Negeri-Negeri Selat saudagar-saudagar Inggeris dan China memberikan bantuan kewangan ...'.<sup>25</sup>*

Pakatan-pakatan ini memang lumrah kerana *'tradisi diplomasi Melayu sentiasa ke arah sistem persekutuan yang kian meluas'.<sup>26</sup>*

Menerusi pakatan-pakatan tersebut, orang-orang asing dan kuasa-kuasa luar ini menghasut dan memecah-belahkan lagi perpaduan bangsa Melayu di samping meluaskan perbalahan itu serta memberi ciri baru kepada pertikaian sesama orang

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Melayu yang berbeza daripada keadaan sebelumnya. Saya berpendapat, pertikaian sesama orang Melayu ini direncanakan oleh Inggeris melalui orang-orang asing dan pedagang-pedagang Selat untuk membolehkannya menjarah Tanah Melayu.

*'Pakatan ini memainkan peranan penting dalam peristiwa-peristiwa kompleks yang membawa kepada campurtangan Inggeris dalam Negeri-Negeri Barat Semenanjung Tanah Melayu pada 1874 ...'*<sup>27</sup>

Ekoran dari itu dalam tahun 1973, Gabnor Negeri-Negeri Selat yang baru, Andrew Clarke bertindak atas dayausahanya sendiri untuk menyelesaikan pertelingkahan antara pelbagai kumpulan haram China dan antara kumpulan Raja-Raja Melayu ... *Clarke membuat rumusan bahawa pertelingkahan itu hanya dapat diselesaikan dengan penguasaan Inggeris ke atas mereka.*<sup>28</sup>

Ini menjadi mungkin apabila Raja Abdullah yang masih berhasrat untuk diiktiraf sebagai Sultan Perak, menuruti nasihat rakan-rakan perniagaannya, W.H. Reed dan Tan Kim Cheng (kedua-duanya pedagang yang banyak kepentingan di Negeri-Negeri Selat). Dia (Raja Abdullah) menulis kepada Clarke menjemputnya untuk menghantar seorang Residen ke Perak dengan syarat dia diiktiraf sebagai Sultan. *Tawaran inilah yang melahirkan Perjanjian Pangkor 20 Januari 1874 yang terkenal itu ...'*<sup>29</sup>

Dalam ungkapan lain, surat Raja Abdullah itu menjadi '**anak kunci**' kepada campurtangan Inggeris di tanah Melayu.

Inggeris mensifatkan campurtangan mereka di Tanah Melayu sebagai mendatangkan tamaddun kepada bangsa Melayu, seolah-olah Islam tidak memberikan tamaddun yang lebih mulia dan luhur daripada tamaddun Inggeris, atau tamaddun jahiliyyah sebelumnya. *'... wakil Inggeris (residen) yang akan menasihatkan seorang Raja supaya memerintah secara bertamaddun...'*<sup>30</sup>

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Dengan mengambil tamaddun Inggeris bermakna '*... penerimaan undang-undang Inggeris, sistem pemerintahan Inggeris dan di mana boleh cara hidup Inggeris*'...'.<sup>31</sup>

Penerimaan tamaddun Barat sebagai ganti kepada tamaddun Melayu-Islam telah ditentang oleh golongan ulama' dan agama. Contoh paling jelas mengenai penentangan ini datang daripada Riau, yang telah lama menjadi pusat pengajian Islam dan masih dianggap sebagai ukuran budaya Melayu.

Kepada golongan elit yang berpendidikan Islam menganggap perkembangan pesat terhadap gejala asing sebagai suatu ancaman merbahaya kepada agama dan kebudayaan orang-orang Melayu'.<sup>32</sup>

Tampak jelas terdapat perbezaan yang ketara dan luas di antara golongan bangsawan dan Raja-Raja yang terpesona dan terpengaruh dengan 'tamaddun Barat' dengan golongan ulama' dan agama yang melihat kebudayaan asing itu secara kritikal dan sebagai satu ancaman keutuhan Islam dan kebudayaan Melayu yang berteraskan Islam.

Kepada banyak Raja-Raja Melayu, bersahabat dengan orang-orang Barat dan penerimaan cara hidup Eropah dianggap sebagai perlu dalam pilihannya sama ada hendak mencapai kejayaan politik atau tertinggal ke belakang dari segi kuasa...'.<sup>33</sup>

Berlainan dengan guru-guru agama yang memberikan pendapat bahawa penguatan diri sendiri dan pensucian Islam adalah satu-satunya penyelesaian dalam menghadapi cabaran Barat. Masyarakat Islam pasti akan mempelajari teknologi Barat tanpa soal akan merosakkan Islam dan memberikan pukulan kepada inti budaya Melayu ...'.<sup>34</sup>

Akibat daripada perkembangan ini, masyarakat Melayu Islam terbahagi kepada dua aliran kepimpinan, satu dipimpin oleh Raja-Raja, manakala satu lagi dipimpin oleh ulama'. Di antara kedua-dua, pimpinan ulama' lebih berpengaruh dalam kehidupan rakyat Tanah Melayu.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Sekiranya wujud persefahaman di antara Raja-Raja Melayu dan ulama', ia hanya bersifat sementara dan persefahaman itu tidak sepadu seperti sebelum berlakunya perpecahan itu.

Selain dari itu, sistem pendidikan Barat yang dilaksanakan oleh penjajah Inggeris juga menyebabkan perpecahan dalam masyarakat Melayu-Islam. Antara sebab utama kedatangan kuasa Barat di rantau ini menurut sarjana sejarawan adalah lanjutan dari dendam Perang Salib.

Penjajahan Barat tidak terbatas kepada penjajahan politik dan ekonomi sahaja, tetapi lebih dari itu, mereka juga mahu menjajah pemikiran ummat Islam di rantau ini. Ini dilakukan menerusi sistem pendidikan kerana pendidikan boleh mencorak dan membentuk fikiran, jiwa, perasaan, pandangan hidup, sanubari dan sikap serta pendirian seseorang itu.

*'Penjajahan fikiran itu bukan satu hal yang terjadi secara kebetulan sebagai kesan sampingan dari penjajahan politik, tetapi ia adalah satu proses yang memang disengajakan dan direncanakan dengan teliti dan sistematik sekali'.<sup>35</sup>*

*'Pendidikan dan pengajaran boleh memisahkan kaum Muslimin dari agamanya ...',<sup>36</sup>* kata Snouck Hurgronje.

Gerakan ini disifatkan sebagai '**intellectual and cultural assassination**' (pemusuhan pemikiran dan kebudayaan). Ia juga dikenali dengan gerakan pengkristiananan kerana gerakan ini hendak mewujudkan golongan Melayu-Islam yang citarasa, pemikiran, pandangan hidup, akhlak berorientasikan kebaratan. Pribumi utama yang menjadi sasaran gerakan ini adalah golongan bangsawan dan atasan memandangkan golongan ini menjadi pemimpin dan berpengaruh ke atas sebahagian masyarakat Melayu.

Menyedari bahawa lambat laun mereka (penjajah Barat) terpaksa memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu, maka mereka mestilah mewujudkan golongan ini demi memelihara kepentingan mereka di sini, terutama sekali

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

kepentingan ekonomi mereka.

Apabila kemerdekaan diberikan kepada Tanah Melayu dalam tahun 1957, penjajah Inggeris menyerahkan watak kemerdekaan kepada golongan ini.

Golongan Melayu inilah yang kemudiannya menjadi pentadbir perancang, pembentuk dasar, pemimpin dan agen (secara sedar atau tidak sedar) kepada penjajah Barat.

Di samping ini, penjajah Barat secara tidak langsung menghidupkan kembali ruh keislaman di kalangan penduduk Tanah Melayu. Ia membangkitkan tentangan dari gerakan-gerakan Islam yang dipimpin oleh golongan berpendidikan agama.

Pendek kata, sistem pendidikan barat telah wujud dua kelompok kepimpinan. Pertama, kelompok kepimpinan yang terpukau dan terpesona dengan falsafah Barat dan mengambil falsafah ini sebagai pedoman dan panduan hidup. Kedua, kelompok kepimpinan ulama' yang mahu kemurnian dan keutuhan Islam dipertahankan dari dicemari oleh kebudayaan Barat.

Dalam usaha golongan agama untuk menguatkan semula Islam dalam masyarakat mereka dan menjadikannya kenderaan yang sanggup menghadapi cabaran ekonomi dan sosial yang dibawa oleh penguasaan asing. Dalam menyebarkan doktrin perlunya ummat Islam bersatu, betapa pentingnya mereka kembali kepada Islam yang suci dan asli tanpa pencemaran adat yang menghalang kemajuan, dan mengenai persamaan taraf sosial ummat Islam pada pandangan Tuhan, mereka menemui tentangan daripada anasir-anasir tradisional masyarakat Melayu yang sudah berkuasa, terutamanya daripada Raja-Raja dan pentadbiran agamanya dan ulama' desa'.<sup>17</sup>

Golongan ini kemudiannya juga bertentangan dan ditentang oleh golongan nasionalis yang memperjuangkan semangat kemelayuan yang nampaknya terpisah daripada

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

ummat Islam.

Dalam pada itu, kedua-dua golongan ini bagaimanapun bersatu menentang musuh bersama iaitu penjajah Inggeris. Penyatuan ini berlaku dalam Partai Kebangsaan Melayu Semalaya (PKMM) dan dalam UMNO sendiri. Golongan agama dalam PKMM menubuhkan Hizbu'l Muslimin. Sering juga disebut justeru Hizbu'l Muslimin ditubuhkan di bawah naungan Partai Kebangsaan Melayu, ianya tidak dikaitkan dengan semangat kebangsaan, apatah lagi untuk menyatakannya sebagai salah satu sayap Islam dalam konteks perjuangan kebangsaan.<sup>38</sup>

Bagaimanapun hayat Hizbu'l Muslimin tidak lama apabila dalam bulan Ogos, 1948, tujuh orang pemimpin parti itu, termasuk Presiden dan kebanyakan Jawatankuasa Kerjanya ditangkap di bawah peraturan-darurat yang mengizinkan tahanan tanpa perbicaraan ... Pemimin-pemimpin Hizbu'l Muslimin percaya ahli-ahli kanan UMNO turut serta dalam merangka tuduhan-tuduhan itu (kegiatan-kegiatan yang menghalang kerajaan Inggeris melaksanakan perintah darurat) yang akhirnya pudar...'.<sup>39</sup>

Dari itu, golongan yang pertama yang dikenakan Peraturan-Peraturan Darurat sehingga kepada ISA adalah kemimpinan agama. Akibat dari tindakan itu, gerakan Hizbu'l Muslimin terbantut tetapi satu perkara yang jelas ialah ia adalah pertubuhan politik yang pertama yang memperjuangkan nasionalisme Melayu-Islam'.<sup>40</sup> Ia juga mendapat sokongan yang menggalakkan daripada bangsa Melayu.

Perpaduan di antara kedua-dua golongan ini bagaimanapun bersifat sementara, mereka kemudian berpecah. Bagitulah halnya dengan golongan agama dalam UMNO. Golongan ini yang tidak berpuas hati terhadap UMNO sebagai sebuah parti yang peraturannya tidak berdasarkan al-Quran dan Hadith, keluar daripada parti itu dan menubuhkan PAS. Hizbu'l Muslimin dikatakan sebagai '*yang pertama sebelum PAS*'.<sup>41</sup>



## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Hubungan antara kedua-dua parti itu (Hizbu'l Muslimin dan PAS) tidak sahaja dalam-bidang ideologi; empat daripada mereka yang menjadi anggota Jawtankuasa Kerja Hizbu'l Muslimin kemudian memainkan peranan penting dalam PAS

.....  
Bagaimanapun, PAS sebenarnya lahir daripada ahli-ahli UMNO.<sup>42</sup> Dasar yang sentiasa berubah-ubah, antara lain-lain sebab membawa kepada "*pemisahan bahagian agamanya pada 1951. Ia kemudian menubuhkan Persatuan Islam Se-Malaya atau PAS.*"<sup>43</sup> Pada mulanya PAS dikenali sebagai Persatuan Ulama' Se-Malaya yang wujud dalam UMNO. Tetapi persatuan ini mendapati bahawa cita-cita Islam tidak boleh dijelmakan dan dicapai dalam UMNO, kerana itu satu parti Islam perlu dilahirkan untuk menyatukan golongan yang mahu kepada Islam demi memperolehi islah.

PAS setelah beberapa tahun tidak mendapat tempat dalam arena politik, berjaya menyatukan kumpulan-kumpulan anti-UMNO dan bangun mencabar UMNO dalam merebut kepimpinan Melayu.<sup>44</sup>

Dari segi kepimpinan, pemimpin-pemimpin UMNO biasanya daripada kerabat di Raja dan juraian datuk-datuk tradisi, terutama pada permukaan penubuhannya.<sup>45</sup> Pada masa ini lebih ramai peniaga-peniaga Melayu memonopoli kepimpinan UMNO.<sup>46</sup>

Manakala kepimpinan PAS pula mewakili orang-orang berpengetahuan agama, terutama guru agama (sekolah pondok), selalunya pemimpin-pemimpin mereka bukannya terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan.<sup>47</sup> Namun begitu, dari segi politiknya, ulama' bukan kerajaan memihak kepada PAS. Kedua-dua kumpulan ini sering tidak sekata mengenai soal-soal agama dan isu-isu yang bersangkutan dengan orang Melayu.

Lanjutan dari pembahagian kepimpinan ini, bangsa

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Melayu terbahagi kepada dua golongan, sebahagian dipimpin dan mendokong dasar perjuangan UMNO, sementara sebahagian yang lain dipimpin dan mendokong dasar perjuangan PAS.

Dari sejak pemisahan itu, kedua kelompok ini bertarung merebut pengaruh dan kuasa untuk memerintah negara ini meskipun dalam Barisan Nasional. Lanjutan dari perebutan dan pertarungan ini berlakulah perpecahan di kalangan bangsa Melayu-Islam. Dengan kata-kata lain, perpecahan ummat Islam di negara ini ada hubungannya dengan perpecahan pemimpin-pemimpinnya.

Justeru itu, untuk menyatukan ummat Islam di negara ini, usaha-usaha mestilah dibuat untuk menyatukan kedua-dua kelompok ini. Perpaduan dua kelompok ini akan menjamin penyatuan masyarakat Islam di negara ini. Tetapi sekiranya ini gagal dilakukan, sampai bilapun, perpaduan tidak mungkin tercapai melainkan salah satu kelompok itu mengalah dan menerima ideologi kelompok yang satu lagi

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

<sup>1</sup>Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, **Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1969, hal. 2.

<sup>2</sup>Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, *ibid.*, hal. 5.

<sup>3</sup>Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, *ibid.*, hal. 6.

Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, *ibid.*, hal. 2.

<sup>5</sup>Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, *ibid.*, hal. 30.

<sup>6</sup>Syed Muhammad al-Naquib al-Attas *ibid.*, hal. 8.

<sup>7</sup>Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, **Islam, and Secularism**, ABIM, Kuala Lumpur, 1978, hal. 15 yang memetik daripada Harvey Cox, *The Secular City*, New York, 1965, hal. 2.

<sup>8</sup>Harvey Cox, **The Secular City**, New York, 1965, hal. 21-23.

<sup>9</sup>Syed Muhammad al-Naquib al-Attas **Islam and Secularism**, hal.16.

<sup>10</sup>Syed Muhammad al-Naquib al-Attas,

<sup>10</sup>**Encyclopedia Britannica**, Vol 9, 1974, hal. 523D.

<sup>11</sup>Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, *op. cit.*, hal. 13.

<sup>12</sup>Syed Muhammada al-Naquib al-Attas, *ibid.*, hal. 13.

<sup>13</sup>Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, *ibid.*, hal. 8.

<sup>14</sup>Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, *ibid.*, hal. 9.

<sup>15</sup>Barbara Watson Andaya and Leonard Y. Andaya, **A History of Malaya**, MACMILIAN Asian Histories Series, London, 1982, hal. 159.

<sup>16</sup>Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *ibid.*, hal. 160.

<sup>17</sup>**Perlembagaan Persekutuan**, Bahagian 1, Perkara 3, Agama Persekutuan, Ceraian 2,

'Dalam tiap-tiap negeri melainkan Negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai ketua Agama Islam dalam Negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan juga, tertakluk kepada Perlembagaan Negeri itu, segala hak, keistimewaan, hak kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam tidaklah tersentuh dan tercatat, tetapi dalam, apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap orang Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua Agama Islam membenarkan Yang di Pertuan Agung mewakilinya'.

Ceraian 3, 'Perlembagaan-Perlembagaan bagi Negeri-Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi kepada Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua Agama Islam dalam Negeri itu (Akta A3534)'.

Ceraian 5, "Walau apa-apa jua dalam Perlembagaan ini (Persekutuan) Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi maksud ini Parlimen boleh dengan

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

undang-undang membuat peruntukan bagi mengadakan peraturan mengenai hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara berhubung dengan agama Islam (Akta A206)

<sup>18</sup>Barbara Watwon Andaya dan Leonard Y. Andaya, op. cit., hal. 54.

<sup>19</sup>Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, op. cit., hal. 11.

<sup>20</sup>Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, op. cit., hal. 48.

<sup>21</sup>ibid., hal. 56.

<sup>22</sup>ibid., hal. 56.

<sup>23</sup>ibid., hal. 144.

<sup>24</sup>ibid., hal. 144.

<sup>25</sup>ibid., hal. 145.

<sup>26</sup>ibid., hal. 146.

<sup>27</sup>ibid., hal. 146.

<sup>28</sup>ibid., hal. 154.

<sup>29</sup>ibid., hal. 155.

<sup>30</sup>ibid., hal. 151.

<sup>31</sup>ibid., hal. 151.

<sup>32</sup>ibid., hal. 153.

<sup>33</sup>ibid., hal. 151 - 152.

<sup>34</sup>ibid., hal. 153 - 154.

<sup>35</sup>Siddiq Fadil, **Kebangkitan Ummat: Kenyataan dan harapan** Yayasan Dakwah Islamiah, Kuala Lumpur, 1977, hal. 2.

<sup>36</sup>O. Hashem, **Menakluk Dunia Islam**, Surabaya, 1968, hal. 29, memetik Christian Snouck Hurgronje, penasihat Belanda dalam memperkerandakan agama ummat Islam.

<sup>37</sup>W.R. Roff, **The Origins of Malay Nationalism**, Penerbitan University Malaya, Kuala Lumpur, 1980, hal. 251.

<sup>38</sup>W.R. Roff, ibid., hal. 255.

<sup>39</sup>W.R. Roff, ibid., hal. 254.

<sup>40</sup>John Fuston, **Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO and PAS**, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., Kuala Lumpur, 1980, 1<sup>st</sup> ed., hal. 87.

<sup>41</sup>John Funston, ibid., hal. 91.

<sup>42</sup>John Funston, ibid., hal. 92.

<sup>43</sup>John Funston, ibid., hal. 41.

<sup>44</sup>Ahmad Kamar, **Malay and Indonesian Leadership: In Perspective**, Kuala Lumpur, 1984, hal. 40.

<sup>45</sup>Ahmad Kamar, ibid., hal. 42.

<sup>46</sup>Ahmad Kamar, ibid., hal. 44.

<sup>47</sup>Ahmad Kamar, ibid., hal. 102, juga lihat John Funston, bab 'Background of Party (UMNO and PAS) Leaders, hal. 102.

## DASAR PERJUANGAN UMNO DAN PAS

### Satu Perbandingan Ringkas

Mengariskan secara umum batas-batas iman dan kufur tidak memadai untuk memahami perpecahan yang melanda dan menimpa negara ini. Persoalan ini akan difahami dengan lebih jelas lagi setelah kita meninjau dasar perjuangan PAS dan UMNO, sekaligus meninjau pendekatan parti-parti berkenaan terhadap Islam. Ini penting kerana PAS dan UMNO, masing-masing merebut kepimpinan masyarakat Melayu-Islam dan masing-masing mempunyai pengikutnya sendiri.

Sebagaimana yang diketahui umum, PAS menegaskan ia adalah satu-satunya parti politik yang berjuang menegakkan Islam di negara ini. Bagi kebanyakan orang Islam, faham Islam yang dibawa oleh PAS adalah Islam tulen. Imej parti itu wujud bukan saja kerana ia mempunyai dasar politik yang berbeza, ia juga kerana matlamatnya hendak menegakkan Negara Islam, dengan pandangan bahawa Islam adalah penyesuaian semua masalah, dengan pemimpin-pemimpinnya mempunyai latarbelakang pendidikan Islam.<sup>1</sup>

Pengkaji-pengkaji politik PAS sering membuat kesimpulan bahawa di dalam banyak hal, politik PAS berlegar di sekitar isu-isu keagamaan yang bersifat '**purist**' (tulen). PAS juga dikatakan mengamalkan politik '**holier than thou**' (lebih mulia daripada kamu).

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

PAS menurut John Funston, '*...dengan perjuangannya yang berlandaskan falsafah politik Islam, ia dianggap oleh semua penulis sebagai sebuah parti yang mempunyai ideologi yang jelas...*'<sup>3</sup> Tambahnya lagi, PAS mewarisi dasar-dasarnya daripada tiga tradisi ideologi; pendekatan PKM yang bercorak nasionalis dan sosialis, gerakan modenisma Islam daripada Hizbu'l Muslimin, dan yang lebih kuat lagi gerakan anti-UMNO pada tahun 1950-an. Setiap aliran ini lebih mementing-ketulusan daripada kepraktikalan ideologi. Penumpuan ke arah ideologi tulen juga dikuatkan oleh hakikat bahwa sebagai sebuah parti pembangkang, PAS perlu mengkompromikan ketulenan ideologinya dengan kehendak-kehendak pemerintahan. (Peranannya dalam mentadbir Kelantan dan Terengganu tidak memberi kesan kerana kuasa yang terhad yang ada pada kerajaan negeri-negeri, dan kerana kebanyakan daripada pemimpin PAS adalah dari negeri-negeri lain). Dengan itu, tanggungjawab PAS yang utama ialah bangsa Melayu, sebuah Negara Islam, ekonomi-sosialis Islam dan anti-penjajahan. Tetapi berbeza dengan pendapat umum, ideologi PAS juga mempunyai aspek-aspek praktikal seperti dalam pendekatannya di bidang Islam dan ekonomi yang dijelaskan secara menyeluruh dan sistemik'.<sup>3</sup>

Dalam soal ini, Shafie Ibrahim pula berpendapat, '*PAS boleh dikatakan sebagai sebuah parti agama kerana perjuangannya hendak mendaulatkan Islam. Jika Islam ditafsirkan seperti yang difahami oleh PAS, maka ia adalah lebih daripada sebuah parti agama.*'<sup>4</sup>

Sambungannya lagi, '*... sebagai sebuah parti yang berasaskan ideologi atau doktrin, PAS percaya kepada sesuatu ideologi atau doktrin yang membezakan parti itu daripada parti-parti politik yang lain, dan yang mempengaruhi tingkahlaku dan tindakannya. Ciri-ciri paling nyata dalam pernyataan politik parti itu berlandaskan Islam. Islam adalah matlamat akhirnya. Setiap tindakan mestilah mengikut doktrin agama ini. Setiap tindak balas terhadap sudut pandangan Islam. Umumnya, penerimaan atau penolakannya dalam sebarang tawar menawar politik adalah berasaskan sama ada ia memberikan keuntungan politik atau tidak.*'

'Dan Islam adalah ideologinya, parti itu mempunyai fahaman dan tafsirannya yang tersendiri mengenai istilah agama. Parti itu

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

melihat Islam secara keseluruhannya. Ini bermakna PAS percaya dengan semua ajaran Islam dan menerimanya sebagai adeologinya yang lengkap. Ia tidak hanya percaya kepada sebahagiannya sahaja, tetapi kepada keseluruhannya, iaitu semua aspek ajaran Islam seperti politik, ekonomi, nilai sosial dan lain-lain. Daripada sudut pandangan ini PAS berbeza dari UMNO. Sekiranya pemimpin-pemimpin UMNO mendakwa mereka orang Islam, ini bermakna bahawa Islam pada UMNO terhad kepada aspek-aspek tertentu. Tetapi jika pemimpin-pemimpin PAS mendakwa bahawa mereka berjuang untuk Islam, ia bermakna bahawa mereka berjuang untuk melaksanakan ajaran Islam, bukan sahaja dalam bidang ibadah, juga dalam politik, ekonomi dan lain-lain'.

'Kerana ini adalah komitmen yang menyeluruh, parti itu bersuara atau menjelaskan ideologinya mengikut fahamannya terhadap Islam, yang kebanyakannya berasaskan nas-nas. Jadi, rujukan kepada al-Qur'an dan Hadith adalah perkara biasa dalam kenyataan parti itu'.<sup>5</sup>

Menurut pandangan seorang penulis lain, PAS '*oleh kerana sifat dan orientasi keagamaannya bercorak Islam, struktur Parti dan Islam dirangka sebegitu rupa sehingga ia menyerupai suatu sistem di mana nilai-nilai keagamaan (Islam) seolah-olah menjadi teras dalam prinsip perjuangannya... Malah untuk memperkuatkan kedudukan dan identitinya sebagai sebuah parti politik yang berteraskan keislaman satu bahagian yang dikenali dengan nama Dewan Ulama' diwujudkan dalam struktur parti tersebut*'.<sup>6</sup>

Dari segi catatan bertulis, dokumen yang dapat memberi gambaran sebaik-baiknya tentang dasar perjuangan PAS ialah perlembagaan parti itu. Fasal Tiga, perlembagaan itu menyatakan dasar PAS, Fasal Lima menggariskan sebab PAS ditubuhkan, Fasal Enam menggalurkan usaha-usaha PAS ke arah memperjuangkan Islam, manakala Fasal Ketujuh memaparkan hukum dan kekuasaan tertinggi dalam parti itu.<sup>7</sup> Seajar dengan ini, PAS memperjuangkan perlembagaan Islam<sup>8</sup>.

UMNO menurut John Funston, '*... tidak ada ideologi melainkan dalam perkara-perkara yang samar seperti memperjuangkan politik kompromi dan politik majmuk atau pembangunan ...*'<sup>9</sup> Katanya

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

lagi, 'Boleh dikatakan UMNO mempunyai satu ideologi yang jelas mengenai satu isu sahaja, iaitu mengenai semangat kebangsaan Melayu. Walaupun pada praktiknya ia memberikan orang-orang bukan Melayu peluang yang banyak, ia sentiasa berpegang kepada satu konsep sempit bangsa Melayu dan sebenarnya lebih perkauman daripada apa yang dapat dilihat. Dalam isu-isu lain, ia bertindak lebih untuk kepentingan pemerintahan daripada berasaskan kepada satu ideologi jelas yang sudah ditentukan. Jadi ia lebih mementingkan satu ideologi praktikal dan sudut pandangannya yang lebih besar — sokongan ke atas sekularisma, perdagangan bebas dan Dunia Barat (terutama kuasa yang pernah menjajah negara itu) — juga jelas kelihatan'.<sup>10</sup>

Ahmad Kamar pula berpendapat, '*Nyatalah UMNO memperjuangkan matlamat kebangsaan (fahaman yang kerap dianggap bertentangan dengan ajaran Islam)...*'.<sup>11</sup>

Dalam hal ini, Perlembagaan UMNO menegaskan bahawa ia adalah '*sebuah parti politik yang progresif berjuang menurut lunas-lunas demokrasi dengan tujuan menghasilkan cita-cita kebangsaan*'.<sup>12</sup>

Dari petikan-petikan di atas dapat dirumuskan bahawa dari segi sejarah perkembangan dasar perjuangannya, PAS dari mula-mula lagi adalah merupakan sebuah parti politik yang meneruskan perjuangan Islam. Manakala UMNO pula kekal dari saat-saat penubuhannya sampailah ke hari ini sebagai sebuah parti yang pragmatik tanpa sebarang ideologi yang pejal, yang digarap untuk dapat menjadi dasar perjuangannya.

Meskipun begitu, petikan-petikan ini hanyalah pandangan orang di luar atau pemerhati-pemerhati, ia tidak semestinya mencerminkan orang di dalam atau mereka yang terlibat secara langsung dalam PAS atau UMNO.



## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

<sup>1</sup>Dr. Chandra Muzafar, 'Controlling Religion'. dalam **ALIRAN Quarterly**, Vol. 2, No. 4, 1984, hal 5.

<sup>2</sup>John Funston, **Malay Politics in Malaysia: A Study of PAS and UMNO**, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1980 hal. 135.

<sup>3</sup>John Funston, *ibid.* hal. 161.

<sup>4</sup>Shafie bin Ibrahim, **The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages and Ideology**, University of Malaya Press, 1981, hal. 79.

<sup>5</sup>Shafie bin Ibrahim, *ibid.*, hal. 94 dan 95.

<sup>6</sup>Alias Mohamed, **Wasiat nasionalisme Melayu**, Utusan Publications and Distribution Sdn Bhd., 1982, hal. 94.

<sup>7</sup>**Perlembagaan PAS**, Fasal 3, 'Dasar PAS ialah Islam'. Fasal 5, Ceraian 1, 'Tujuan PAS ialah; Memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini, masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah'.

Fasal 6, Ceraian 1, 'Untuk mencapai tujuan-tujuan di atas, PAS berusaha: Menyeru ummat Islam kepada shari'at Allah dan Sunnah Rasul-Nya melalui da'wah secara lisan, tulisan dan amalan' Ceraian 2, 'Memperjuangkan Islam sebagai aqidah dan ideologi politik dan memperkenalkan nilai-nilai keislaman dalam usaha menegakkan keadilan dan kemajuan di segenap bidang, termasuklah bidang politik, ekonomi, sosial dan pelajaran'.

Fasal 7, Ceraian 1, 'Hukum dan Kekuasaan: Adapun hukum yang tertinggi dalam pegangan PAS ialah Kitabullah dan Sunnah rasul serta Ijma' Ulama' dan Qias yang terang dan nyata, dengan tertakluk kepada hukum tertinggi itu, kekuasaan PAS adalah dipegang oleh Muktamar Tahunan'.

<sup>8</sup>Perlembagaan PAS, *ibid.*

<sup>9</sup>John Funston, *op. cit.*, hal. 134.

<sup>10</sup>John Funston, *ibid.*, hal. 161.

<sup>11</sup>Ahmad Kamar, **Malay and Indonesian Leadership: In Perspective**, 1984, hal. 39.

<sup>12</sup>**perlembagaan UMNO**, Fasal 3, 'UMNO adalah sebuah parti politik yang progresif berjuang menurut lunas-lunas demokrasi dengan tujuan menghasilkan cita-cita kebangsaan'.

Ceraian 2, 'Mendukung Perlembagaan Malaysia, Perlembagaan-Perlembagaan Negeri-Negeri dan mempertahankan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya ...'

## PERBALAHAN UMNO-PAS

Masalah perpecahan bangsa Melayu di negara ini ada kaitan rapat dengan perbalahan di antara PAS dengan UMNO. Ini adalah kerana PAS dan UMNO, masing-masing mendokong menganuti dasar perjuangan dan ideologi politik yang berlainan. Kesan dari memperjuangkan faham masing-masing, perpecahan di kalangan bangsa Melayu, bukan sahaja dapat dilihat dari garis-garis kepartian, tetapi lebih dari itu garis-garis keislaman (**'aqidah, iman dan syahadah**). Hal ini berlaku kerana kedua-dua parti itu dianggotai oleh bangsa Melayu yang beragama Islam.

Dalam erti kata lain, perpecahan bangsa Melayu berpunca dari Islam yang diperjuangkan oleh PAS dan UMNO. Terdapat jurang yang besar di antara Islam yang diperjuangkan oleh PAS dengan Islam yang diperjuangkan oleh UMNO. PAS dan UMNO mempunyai pendekatan dan memberi penekanan yang jauh berbeza dalam mempertahankan dan memperjuangkan Islam. Oleh kerana Islam tidak boleh dan tidak dapat dipisahkan dari sumber sebenarnya iaitu al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad s.'a.w., maka soal keyakinan dan keimanan kepada sumber-sumber itu menjadi teras kepada pendekatan dan penekanan tersebut.

'Mengenai Islam ... ada perbezaan dalam penekanan yang diberikan oleh kedua-dua parti kepada isu itu; PAS kelihatan

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

lebih tegas dalam memperjuangkan matlamatnya. Satu lagi perbezaan penting ialah mengenai perjuangan PAS menegakkan sebuah Negara Islam dan penolakan UMNO terhadap konsep ini. Pemimpin-pemimpin UMNO berulang kali mengisytiharkan bahawa Malaysia tidak akan menjadi sebuah Negara Islam, dan pada suatu ketika, Tunku menyatakan 'pembentukan masyarakat itu memerlukan setiap orang bukan Melayu dalam negara itu dihapuskan'.<sup>1</sup>

Gesaan ini diulang semula dan diperbaharui oleh Tunku, katanya *'Malaysia tidak seharusnya dijadikan sebuah negara Islam ... Malaysia dibentuk sebagai sebuah negara sekular ... Malaysia mesti terus menjadi negara sekular.'*<sup>2</sup>

Penerangan ini dipersetujui oleh Presiden UMNO sekarang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, katanya *'Saya yakin selagi kerajaan campuran yang dimulakan oleh Tunku terus memerintah, dasar dan prinsip-prinsip perjuangan Tunku akan terus dilaksanakan.'*<sup>3</sup>

John Funston berpendapat kenyataan Tunku itu bermakna, Islam dianggap tidak sesuai untuk dijadikan panduan dalam menghadapi masalah-masalah kompleks sebuah negara moden. Untuk menyebut apa yang dikatakan Tunku sekali lagi, Islam memberikan makanan rohani untuk difikirkan, sedangkan politik lebih mementingkan kemajuan kebendaan. ...didapati pandangan itu tidak disokong oleh kaedah agama ... Pendekatan seperti itu tidak sesuai dengan pandangan golongan moden atau tradisional dan memberikan gambaran jelas bahawa pemimpin-pemimpin UMNO lebih terpeosna dengan tradisi Barat dalam bentuk negara sekular.<sup>4</sup>

Nada penekanan UMNO kepada agama dijelaskan sebelum kemerdekaan dalam dua dokumen penting: memorandum Perikatan kepada Suruhanjaya Reid (yang bertanggungjawab menyusun cadangan perlembagaan untuk

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

sebuah Malaya yang merdeka). Perikatan mahukan Islam dianggap sebagai agama negara itu. ... dan Malaya menjadi negara sekular. Akhirnya, perlembagaan dengan nyata menyebut bahawa Islam adalah agama rasmi negara itu; perkara ini, bukannya rujukan-rujukan lain, adalah cukup untuk menyatakan bahawa yang dicadangkan adalah sebuah negara sekular.<sup>5</sup>

Kenyataan-kenyataan menunjukkan bahawa UMNO adalah sebuah parti sekular, justeru kerana ia mempelopori dan mempertahankan penubuhan sebuah negara sekular di negara ini. Sehubungan dengan ini, PAS berpendapat bahawa 'kepimpinan UMNO dan kerajaan dipegang oleh golongan sekular yang kagum dan beriman dengan peradaban Barat. Mereka telah memilih corak pemerintahan ala Barat untuk negara ini ... Perlembagaan negara ini dirangka tanpa berasaskan prinsip-prinsip Islam ... bahkan ia berdasarkan kepada penerimaan total falsafah hidup Barat yang berasaskan faham sekularisma, meskipun terdapat perbezaan-perbezaan dalam melaksanakan prinsip sekularisma itu'.<sup>6</sup>

Pas juga menuduh 'pemimpin-pemimpin UMNO dengan segala kekuatan yang ada pada mereka, berusaha secara sedar atau tidak, mengembangkan faham sekularisma dalam masyarakat Islam di negara ini. Pemimpin UMNO sering menekankan konsep pemisahan agama dan politik, yang bertentangan dengan Islam kepada pengikut mereka, bahkan kepada seluruh rakyat'.<sup>7</sup>

Selain dari itu, PAS juga mendedahkan pemimpin-pemimpin UMNO yang mencemuh 'hukum Islam dan menolak penghayatan ajaran-ajaran Islam secara menyeluruh dalam sistem negeri'.<sup>8</sup>

Ini bermakna UMNO bertanggungjawab menyebarkan dan menyebabkan perpecahan (di kalangan bangsa Melayu dan ummat Islam), jelas PAS.<sup>9</sup>

'Pemimpin-pemimpin UMNO juga pernah membuat tuduhan membuta tuli terhadap keupayaan Islam memerin-

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

tah masyarakat majmuk yang menimbulkan rasa tidak yakin ummat Islam terhadap keupayaan dan kesempurnaan Islam sebagai al-Din'.<sup>10</sup>

Lebih berat lagi, PAS menjelaskan kedudukan pemimpin-pemimpin UMNO yang sering mengeluarkan fatwa-fatwa mengenai berbagai-bagai masalah ekonomi, masyarakat, politik dan lain-lain atas nama Islam, padahal tidak berdasarkan kaedah-kaedah pengambilan hukum Islam dari sumbernya. Fatwa-fatwa yang dimaksudkan adalah bertanggungjawab memecahbelahkan masyarakat Islam'.<sup>11</sup>

Dengan ini, tuduhan-tuduhan di antara PAS dan UMNO adalah '**mutual**'. Bagaimanapun, PAS berpendapat, UMNO memulakan perbalahan ini apabila Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menuduh PAS '*lebih bahaya dari komunis*'. Presiden UMNO itu, kata PAS, meletakkan PAS lebih rendah dari kafir kerana komunis itu bukan sahaja kafir tetapi mulhid, sekaligus tidak percayakan langsung kewujudan Tuhan.

Kepada Dr. Chandra Muzaffdar, PAS adalah sebuah parti yang beranggapan bahawa sesuatu yang tidak kena dengan penafsiran Islamnya disifatkan sebagai tidak sah dan batil. Oleh kerana yang demikian, salah satu sebab kenapa UMNO dianggap sebagai '**kafir**' ialah hubungan UMNO dengan parti-parti yang bukan Islam.<sup>13</sup>

Pas menyangkal tuduhan itu, kata parti itu, 'Pemimpin-pemimpin UMNOlah yang menyebarkan berbagai-bagai kekeliruan mengenai ajaran Islam. Penafsiran mengenai Islam dibuat mengikut fikiran sendiri dan bukan mengikut sumber-sumber yang sah dan kaedah-kaedah pengambilan umum hukum yang muktabar'.<sup>14</sup>

Tegas PAS lagi, perlembagaan parti itu memperuntukan penyertaan dan 'bekerjasama dengan badan-badan, persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang tidak berlawanan tujuannya dengan PAS bilamana dan selamanya mustahak dan sesuai serta tidak bercanggah dengan

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

undang-undang negara'.<sup>15</sup> Jelaslah bahawa PAS tidak menghalang, melarang atau menegah, apatah lagi menganggap kafir sesiapa dan mana-mana badan yang ada hubungan dengan kaum lain.

Dalam hal perpecahan yang melanda dan menimpa umat Islam di negara ini, UMNO menuduh, menyalahkan dan menganggap PAS yang bertanggungjawab kerana ia memeralatkan Islam untuk kepentingan politiknya dan menggunakan ayat-ayat al-Qur'an bagi mendapatkan pengaruh 'Betapa Islam telah dipermainkan untuk menjadi modal politik dan kepentingan diri (PAS)'.<sup>16</sup> Isu-isu dan persoalan-persoalan sosial, ekonomi dan politik yang ada hubungan dengan agama Islam telah dipergunakan oleh pemimpin-pemimpin dan penyokong-penyokong PAS ...'.<sup>17</sup>

Menolak tuduhan ini, PAS menyatakan pemimpin-pemimpin UMNOlah yang mengisytiharkan bahawa sistem ekonomi Barat yang bertentangan dengan Islam harus dilaksanakan kerana keadaan ekonomi Islam berada dalam keadaan cemas.<sup>18</sup>

Tuduh UMNO lagi, PAS tergamak berbuat demikian kerana ia gilakan kuasa. 'Dalam PAS usaha untuk menggunakan agama Islam untuk mencapai kuasa politik ... [menjadi semacam suatu mainan]'.<sup>19</sup>

Tetapi kata PAS, UMNO tidak pernah mengemukakan **bukti-bukti terhadap tuduhan itu** dan 'pemimpin-pemimpin UMNO tidak pernah berupaya mengemukakan apa-apa hujah mereka berlandaskan al-Qur'an dan al-Sunnah. Sungguhpun demikian, mereka menuduh orang-orang yang berhujah dengan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai menyeleweng, menggunakan agama untuk politik dan lain-lain tuduhan yang mengelirukan dengan tujuan memesongkan pemikiran rakyat daripada melihat sesuatu menerusi penelitian agama yang berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah'.<sup>20</sup>

PAS juga dituduh sebagai parti yang tidak memperdulikan realiti masyarakat Malaysia yang berbilang kaum,

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

agama dan budaya. PAS dikatakan terlalu asyik dan ghairah hendak menegakkan negara Islam di negara ini tanpa memikirkan permasalahan bagaimana ia hendak melaksanakan Islam dalam realiti masyarakat majmuk.

'Misalnya apa yang dimaksudkan dengan 'Kerajaan Islam' atau '**Islamic State**' oleh perlembagaan parti dan pemimpin-pemimpin PAS dalam pengertian masalah-masalah politik, sosial dan ekonomi dalam negara ini secara praktik tidak dapat dijelaskan parti itu sendiri'.<sup>21</sup>

Tuduhan ini disanggah oleh PAS sambil mengungkap peruntukan dalam perlembagaan parti itu yang menghendaki ia 'menyediakan rencana-rencana dan bertindak bagi memperbaiki susunan serta institusi-institusi masyarakat, bentuk politik dan keadilan ekonomi dan negara, untuk membela kepentingan ummat Islam dan rakyat seluruh'.<sup>22</sup>

Mengenai perkara ini, John Funston membuat analisa berikut: 'Pandangan PAS mengenai sebuah Negara Islam dijelaskan dalam hal-hal berkaitan dengan dasar ekonomi, sistem perundangan dan kebebasan awam ... Dalam manifesto pilihanraya 1969 sebagai contoh, ia berjanji bahawa sekiranya Islam berkuasa dalam politik, ia tidak bermakna bahawa orang bukan Islam akan dipaksa menjadi Islam, kerana dalam ajaran Islam, kebebasan beragama dan hak-hak asasi manusia adalah dijamin oleh negara'.<sup>23</sup>

Terhadap tuduhan-tuduhan UMNO bahawa PAS kini telah menukar haluan perjuangannya, menjadi radikal, militan, fundamentalis, ekstremis, PAS mensifatkan '*pemimpin-pemimpin UMNOlah yang menyebarkan istilah-istilah (tersebut) yang dicipta oleh musuh-musuh Islam ... ke atas orang-orang yang memperjuangkan agama Islam ...*'.<sup>24</sup>

Pemerhatian yang dibuat oleh John Funston mengenai perkara ini ialah '*... pada amnya, PAS mengambil tindakan yang jika dilihat dari kaca mata Barat, adalah terlalu fanatik; contohnya penentangan ke atas pengimportan anasir-anasir munkar dari Barat, seperti tari menari, muzik gila, pelbagai kegiatan seks, perjudian (terutama loteri yang dian-*

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

*jurkan kerajaan) dan peminuman arak. Mungkin perlu ditegaskan bahawa pendapat golongan modenis dan tradisional tidak berbeza dalam isu-isu ini, pandangan Islam tentang perseimbangan antara akal dan nafsu diperjuangkan oleh kedua-dua golongan ini'.<sup>25</sup>*

Untuk mengesahkan rancangan-rancangan kerajaan, UMNO berkata, Islam adalah agama pragmatik dan liberal. Perkara ini pernah dinyatakan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad, *'UMNO adalah sebuah badan yang pragmatis yang sederhana liberalnya berasaskan kepada kebangsaan Melayu ... Dan kalau kita pragmatis dalam cara kita bertindak, ini adadalah satu cara yang sesuai dengan kehendak Islam'.<sup>26</sup>*

PAS mensifatkan pandangan-pandangan seperti ini *'dibuat tanpa merujuk kepada kaedah-kaedah shara' dan dengan meraba-raba dalam kejahilan'.<sup>27</sup>*

Berdasarkan kepada apa yang telah dibentangkan di atas, terdapat perbezaan yang luas ibarat langit dan bumi di antara PAS dan UMNO, dan mereka tidak mungkin dapat dicantumkan lagi selepas 'perkahwinan mut'ah' di antara keduanya gagal apabila PAS keluar daripada Barisan Nasional. Bagaimanapun, PAS 'menegaskan bahawa PAS bersedia menerima kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dengan syarat ia meminda perlembagaan UMNO, membuang sikap pragmatisme dan men-daulatan dasar-dasar Islam di negara ini'.

*'Sekiranya Perlembagaan UMNO dipinda daripada perjuangan kebangsaan kepada perjuangan Islam tulen, maka PAS akan memberi sokongan penuh kepada Datuk Seri Dr. Mahathir untuk menjadi Perdana Menteri buat selamanya tegas Ketua Dewan Ulama PAS, Ustaz Nik Abdul Aziz Nik Mat. Beliau menegaskan demikian ketika berucap merasmikan penubuhan cawangan PAS, Kampung Takel, Dewan Besar, Labok dekat Machang pada 26hb Ogos 1984'.<sup>28</sup>*



## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Dengan lain perkataan PAS tidak akan menentang UMNO dan menawarkan kerjasamanya kepada parti itu, asalkan merubah perjuangannya dan melaksanakan Islam sepenuhnya di negara ini.

Malah, sebelum daripada itu, Presiden UMNO merangkap Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menawarkan kepada PAS supaya menyertai semula BN bagi mengelakkan perpecahan ummat Islam di negara ini.<sup>29</sup>

Tawaran yang dibuat menjelang pilihanraya umum 1982 itu ditolak bulat-bulat oleh Yang Di Pertuan Agong PAS ketika itu, Datuk Asri haji Muda.<sup>30</sup>

Sementara itu, Ketua Pemuda PAS Pusat, Encik Mustafa Ali mengemukakan dua syarat yang harus dipatuhi oleh UMNO sebelum PAS menyertai semula Barisan Nasional.

Dua syarat itu ialah UMNO harus mengubah perlembagaannya yang ada sekarang kepada satu perlembagaan berunsur Islam dan menggunakan kuasanya sebagai tunggal Barisan Nasional.

Encik Mustafa memberitahu, kecuali syarat-syarat itu dipatuhi, titik pertemuan antara kedua-dua parti tidak mungkin ada.<sup>31</sup>

Dengan ini adalah jelas perpaduan bangsa Melayu tidak mungkin tercapai selagi kedua-dua dari yang dianggotai oleh orang-orang Melayu ini belum sepakat tentang dua perkara iaitu adakah kebangsaan Melayu bercanggah atau boleh diterima oleh Islam sebagai dasar perjuangan dan adakah orang Islam atau orang Melayu itu sendiri sebagai penyelamat bangsa Melayu. Selagi persoalan ini tidak dijawab dengan memuaskan, selama itulah bangsa Melayu akan berpecah kepada Melayu dan Melayu-Islam.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

- <sup>1</sup>John Funston, **Malay Politics in Malaysia: A study of PAS and UMNO**, halaman 145.
- <sup>2</sup>**The Star**, 9hb Februari, 1984.
- <sup>3</sup>**The Star**, 9hb, 1984.
- <sup>4</sup>John Funston, op. cit, hal. 145 - 146.
- <sup>5</sup>**Memorandum Parti Islam Se-Malaysia** kepada Menteri Dalam Negeri Mengenai Penangkapan Tiga Orang Pemimpin Dewan Pemuda PAS Pusat, hal. 4.
- <sup>7</sup>Ibid., hal. 5.
- <sup>8</sup>Ibid., hal. 6.
- <sup>9</sup>Ibid., hal. 5.
- <sup>10</sup>Ibid., hal. 5.
- <sup>11</sup>Ibid., hal. 6 dan 7.
- <sup>12</sup>
- <sup>13</sup>Dr. Chandra Muzaffar, 'Controlling Relligion', **ALIRAN Quarterly**, Vol. 2, No. 4, 1984, hal. 5.
- <sup>14</sup>**Memorandum**, po. cit., hal. 11.
- <sup>15</sup>**Perlembagaan PAS**, Fasal 6, Ceraian 6.
- <sup>16</sup>Alias Muhammad, **Sejarah perjuangan Parti PAS: Satu Delimma**, hal. 51.
- <sup>17</sup>Alias Muhammad, *ibid.*, hal. 47.
- <sup>18</sup>**Memorandum**, op. cit., hal. 12 dan 13.
- <sup>19</sup>Alias Muhammad, op. cit., hal. 55.
- <sup>20</sup>**Memorandum**, op. cit., hal. 12.
- <sup>21</sup>Alias Muhammad, op., cit., hal. 49.
- <sup>22</sup>**Perlembagaan PAS**, op. cit., Fasal 6, Ceraian 5.
- <sup>23</sup>John Funston, op. cit., hal 148.
- <sup>24</sup>**Memorandum**, op. cit., hal. 12.
- <sup>25</sup>John Funston, op. cit., hal. 148.
- <sup>26</sup>Temubual dengan kahbar **Berita Minggu**, 7hb. Februari, 1982.
- <sup>27</sup>**Memorandum**, op. cit., hal. 12.
- <sup>28</sup>**Berita Harian**, 27hb Ogos, 1984.
- <sup>29</sup>**Berita Harian**, 26hb Mac, 1982.
- <sup>30</sup>**Berita Harian**, 27hb Mac, 1982.
- <sup>31</sup>**Berita Harian**, *ibid.*

## **KAJIAN PERPECAHAN BANGSA MELAYU MASA KINI: Kes Terengganu**

Perpechan bangsa Melayu di negara ini dikatakan berpunca daripada kejadian kafir mengafir. Kejadian kafir mengafir ini telah menyebabkan berlakunya sembahyang dua imam, sembahyang berasingan, tanah perkuburan berlainan, masalah pembayaran zakat, perebutan masjid dan sebagainya.

Fitnah kafir mengkafirkan ini dilaporkan terjadi secara meluas dan bermaharajalela di negeri-negeri pantai Timur dan Barat Semenanjung Malaysia, iaitu negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah, di mana Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dilaporkan aktif dan kuat. Fitnah kafir-mengkafir ini juga dilaporkan berlaku di negeri-negeri di mana parti tersebut mula bertapak.

Berbanding dengan negeri-negeri lain, negeri Terengganu dilaporkan teruk dan tenat dilanda oleh fitnah berkenaan. Dari daerah-daerah lain di negeri itu, daerah Besut dikatakan paling terkenal dan kerap berlaku peristiwa kafir mengkafir.

Kejadian kafir mengafir ini disifatkan oleh sebuah risalah sebagai, '...suatu penyakit yang menyebabkan mangsa-mangsanya memutuskan silatur-rahim, perhubungan suami-isteri, sahabat-handai, tidak mengharuskan sembahyang dan menjadi imam sembahyang dan lain-lain lagi. Penyakit ini adalah fitnah kafir mengkafir sesama orang Islam.'<sup>1</sup>

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Sementara satu risalah lain pula menyebut kafir mengkafir sebagai '... tuduhan-tuduhan mengkafirkan sesuatu pihak ... seperti kerana berikat dengan orang kafir memerintah negeri, kafir kerana tidak menjalankan hukum Allah sepenuhnya, kafir kerana memisahkan agama dan politik'.<sup>2</sup>

Datok Perwira Negara, Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu menyebut kafir mengkafir sebagai menuduh orang Islam lain sebagai kafir seperti tuduhan bahawa orang-orang UMNO dalam Barisan Nasional (BN) adalah murtad, tidak sah menjadi ma'mum kepada imam Barisan Nasional dan sebagainya.<sup>3</sup>

Pada pandangan saya, ada dua cara bagaimana fitnah kafir mengkafir ini boleh berlaku, pertama, dengan terus menghukum seseorang Islam itu atau sesuatu kumpulan itu sebagai kafir, kedua, dengan menerangkan ciri-ciri kekufuran dan kekafiran. Cara kedua ini ditafsirkan dan disalah-ertikan oleh penyokong-penyokong UMNO atau Barisan Nasional sebagai ditujukan kepada mereka.

### DUA IMAM

Kejadian sembahyang dua imam dilaporkan mula-mula berlaku di Kampung Gong Pasir dalam daerah Besut. Kampung ini terletak kira-kira tujuh batu dari kampung Raja — pusat pentadbiran daerah Besut. Besut adalah sebuah daerah dalam negeri Terengganu.

Peristiwa ini berlaku apabila seorang imam PAS telah dipecat dan digantikan dengan imam-imam lain yang dikatakan penyokong UMNO. Pemecatan dan perlantikan itu dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT).

Imam yang dipecat itu, Haji Hussain Ahmad telah menjadi imam di kampung itu selama 18 tahun<sup>4</sup>. Haji Hussain telah diberikan tauliah imam oleh Sultan Terengganu pada 24hb. Februari, 1976. [Sila lihat Lampiran A] tetapi pada 24hb.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Jun, 1981, JHEAT telah menarik balik tauliah imam menerusi surat rasmi kepada Haji Hussain. [Sila lihat Lampiran B]

Surat pemecatan itu cuma ditandatangani oleh Dato' Bentara Dalam, Pesuruhjaya JHEAT. Apa yang aneh di sini ialah kuasa melantik imam di negeri Terengganu adalah di dalam tangan Sultan, tetapi pemecatan dalam kes ini tidak dilakukan oleh Sultan sendiri.

Di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Shara' Negeri Terengganu (1955), Seksyen 88, memperuntukkan kuasa melantik imam kepada Sultan negeri itu. Bagaimanapun, kuasa memecat imam tidak begitu jelas diperuntukkan di bawah Seksyen 90, enakmen yang sama. Tetapi, oleh kerana enakmen itu memberi kuasa kepada Sultan untuk melantik imam, maka bolehlah dianggap bahawa kuasa memecat juga terletak di tangan Sultan.

Tindakan JHEAT memecat imam PAS itu menimbulkan salah faham dan tanggapan bahawa penarikan balik tauliah itu adalah disebabkan oleh pendirian politik Haji Hussain. Tanggapan ini bertambah kuat memandangkan surat pemecatan itu tidak menyebut sebab musabab kenapa tauliah Haji Hussain ditarik balik.

Hampir setahun kemudian, tiga orang imam telah dilantik sebagai imam percubaan menggantikan Haji Hussain. Mereka ialah Encik Wan Ahmad bin Ibrahim, Tuan Haji Awang Yusof, Encik Awang bin Islam; semua mereka adalah penyokong UMNO.

Ini memperkukuhkan lagi tanggapan penyokong-penyokong Haji Hussain bahawa pemecatannya itu disebabkan campurtangan politik, apatah lagi apabila ada bukti-bukti menunjukkan bahawa penarikan balik tauliah bekas imam itu dibuat atas permintaan mesyuarat UMNO Tanah Merah.<sup>5</sup>

Tetapi apa yang dikesalkan di sini ialah sikap JHEAT yang memberi kerjasama kepada UMNO dalam usahanya menyingkirkan Haji Hussain. JHEAT sepatutnya tidak memihak

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

kepada mana-mana parti politik dalam hal seperti ini. Ia sepatutnya bersikap berkecuali dan cuba mencari penyelesaian yang adil dan saksama, yang dapat diterima oleh kedua belah pihak, setidak-tidaknya yang dapat memuaskan 'conscience' JHEAT.

Meskipun dipecat, Haji Hussain terus menjadi imam di kampung atas desakan penyokong-penyokongnya. Akibat dari keengganannya untuk menerima keputusan pemecatan itu, maka berlakulah sembahyang dua imam di kampung itu. Perkara ini kemudiannya diperbesar-besarkan oleh akhbar-akhbar tempatan.

Mengikut hukum shara', seseorang imam itu boleh dipecat atau dilucutkan tanggungjawabnya sebagai imam atas beberapa sebab, pertama, kerana akhlak imam itu atau perwatakannya tidak menurut Shakhsiyyah Islamiyyah, kedua, kerana imam itu telah melanggar syarat-syarat tertentu, dan ketiga, kerana anak qariyah dimana dia menjadi imam tidak menyukainya lagi.

Imam Ghazali berkata, 'Bahawa tidaklah seseorang itu tampil menjadi imam kepada orang banyak yang tidak suka kepadanya. Kalau orang banyak itu tidak sekata, maka dilihat ialah yang terbanyak. Dan golongan itu sedikit, terdiri daripada orang-orang baik dan beragama, maka memandang kepada pendapat mereka adalah lebih utama.'<sup>5</sup>

Sehubungan dengan ini, Rasulullah s.'a.w. telah bersabda, *Aku mela'nat tiga perkara, orang lelaki yang mengimamkan satu-satu kumpulan/kaum, sedangkan mereka benci kepadanya,...*

— dari al-Hassan, katanya aku dengar daripada Anas bin Malik bahawa Rasulullah s.'a.w. pernah bersabda.

Dalam satu hadith lain, Rasulullah s.'a.w. bersabda,

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

*'Allah tidak menerima sembahyang orang yang menjadi imam kepada satu-satu kaum, sedangkan mereka benci kepadanya'.*

— daripada Abdullah bin Amru.

Justeru itu, JHEAT hendaklah terlebih dahulu menyiasat sama ada benar atau tidak seseorang imam itu telah berbuat sesuatu yang dari segi Islamnya boleh menghilangkan kelayakannya sebagai imam, sebelum tindakan yang sewajarnya ke atas imam tersebut.

Dalam banyak hal yang membabitkan soal pemecatan imam-imam di negeri Terengganu, alasan-alasan yang diketengahkan oleh JHEAT adalah lemah dan rapuh hingga menyebabkan ianya boleh dipertikaikan. Hal ini, antara sebab-sebab lain, mencetuskan kejadian sembahyang dua imam.

JHEAT dalam mengambil tindakan memecat Haji Hussain sebagai imam, tidak mengikut dan salah dari segi tatacara pemecatan dan ia tidak memberi peluang [hak] kepada Haji Hussain untuk membela dirinya, sekiranya JHEAT telah bertindak ke atas Haji Hussain dengan adil dan memberi peluang kepadanya membela dirinya, kejadian dua imam di kampung itu tidak akan berlaku.

Prinsip 'keadilan semulajadi' (**natural justice**) memberi hak kepada seseorang itu membela dirinya terhadap sebarang tuduhan hendaklah diamalkan. Sehubungan dengan ini, Perlembagaan Persekutuan menyebut, 'Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang'.<sup>6</sup>

*'... law must serve justice because law without justice is as unacceptable as is justice whithout law. The former leads to injustice, whilst the letter is a mere euphemism for arbitrariness. Thus, law and justice must exist side by side'?*

*'...the Law of God and man both give the party an opportunity to make his defence, if he has any'.<sup>8</sup>*

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Bagi menyelesaikan masalah dua imam ini, Dr. Chandra Muzaffar mengesyorkan supaya, *'The Kariah (local religious community) should be allowed to elect its own imam and other religious functionaries. It should be stipulated that the candidates be free any vice as defined in the Syari'ah (the Islamic legal code). Moreover, decision making should be guided by the concept of syura (consultations).'*

Beliau menambah, *'For the government to adopt this suggestion, there must be a willingness on its part to let aside political and party considerations. There must be a readiness to share power with the ordinary people... In Malaysia, as in many other countries, the tendency is to control and even destroy local-level initiative and autonomy. Consequently, imams, khadis, penghulus and ketua kampung become part of a sprawling bureaucracy, with actual power concentrated at the apex.'*<sup>9</sup>

Sebagai satu cadangan JHEAT atau Jawatankuasa Masjid di di kampung-kampung hendaklah memilih beberapa orang calon yang layak menurut shara' bagi memegang amanah menjadi imam. Calon-calon ini, kemudiannya hendaklah dikemukakan kepada ahli-ahli qariyah untuk mereka melakukan pemilihan melalui pungutan undi dalam mesyuarat agung atau mesyuarat khas. Mana-mana calon yang mendapat undi terbanyak akan dilantik sebagai imam.

Adalah mustahak dipastikan supaya perlantikan pegawai-pegawai masjid dibuat tanpa terpismbangan politik kerana *'...the appointment of partisan figures as mosque officials has been a major factor in village divisions along religious line. It is of paramount importance that the role of mosque officials be free from public display of party harm in overtly wooing incumbent mosque officials and appointing party supporters whenever a vacancy exist.'*<sup>10</sup>



## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

### SEMBAHYANG BERASINGAN

Menurut risalah Carilah Kebenaran,<sup>11</sup> terdapat 22 buah kampung di seluruh daerah Besut di mana kelab-kelab PAS telah dijadikan tempat bersembahyang Juma'at, di 18 kampung lain terdapat kelab atau bangunan PAS yang dijadikan tempat sembahyang berjama'ah.

Jumlah surau lama yang diambil-alih oleh penyokong-penyokong PAS untuk bersembahyang Juma'at ialah sebanyak tujuh buah, manakala jumlah surau lama yang diambil-alih oleh penyokong-penyokong PAS untuk dijadikan tempat sembahyang berjama'ah ialah sebanyak tiga buah semuanya. Risalah itu bagaimanapun, tidak menyatakan bila maklumat-maklumat itu dikumpulkan.

Sembahyang berasingan adalah suatu gejala bilamana penyokong-penyokong parti pemerintah mendirikan sembahyang di masjid yang dibina oleh kerajaan, manakala penyokong-penyokong parti pembangkang mengerjakan sembahyang ditempat-tempat beribadat mereka sendiri. Terdapat sebanyak 74 buah surau atau kelab PAS yang digunakan sebagai tempat bersembahyang Juma'at dan sembahyang berasingan di seluruh negeri Terengganu.

Penyokong-penyokong UMNO mendakwa bahawa kejadian sembahyang berasingan berlaku kerana penyokong-penyokong PAS menganggap orang-orang UMNO adalah kafir dan tidak sah berimamkan mereka. Hal ini dikatakan berlaku berikutan fatwa-fatwa Tok Guru Haji Mustafha Haji Abu Bakar,<sup>12</sup> [Sila Lihat Lampiran C] yang dikatakan mempengaruhi sebilangan besar penyokong parti pembangkang itu.

Dalam soal ini, penyokong-penyokong PAS pula berpendapat bahawa kejadian sembahyang berasingan berpunca dari pemecatan imam-imam dan ahli-ahli jawatankuasa masjid yang pro-PAS. Kerana itu, kata mereka, penyokong-penyokong PAS memulau masjid-masjid atau surau-sarau yang digunakan oleh penyokong-penyokong UMNO.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Selain dari sebab di atas, penyokong-penyokong PAS juga mendakwa bahawa mereka ragu untuk berimamkan imam-imam yang menyokong kerajaan kerana ada di antara imam-imam ini yang melafazkan kata-kata menghina Islam seperti sekiranya hukum Islam dilaksanakan di negara ini, maka negara ini akan menjadi huru-hara dan kata-kata seumpamanya.

Juga disebut sebagai sebab kenapa berlakunya sembahyang berasingan adalah kerana diskriminasi UMNO terhadap penyokong-penyokong PAS sehinggakan mereka perlu membentuk kelompok sendiri untuk merasa lebih selamat.

Rencana Pengarang Berita Minggu, <sup>13</sup> berpendapat bahawa manusia memang cenderung untuk hidup berkelompok dan bermasyarakat. Kecenderungan ini mungkin lahir daripada keinginan untuk selamat dan terpelihara daripada suatu persekitaran yang dianggap mengancam.

Setengah-setengah kalangan menganggap perkembangan ini sebagai luar biasa, tetapi sesuatu yang luar biasa itu tidak mungkin berlaku jika tidak disebabkan oleh faktor-faktor yang luar biasa juga. Sesuatu itu, selalunya berlaku secara **'reciprocal'** (tindak balas).

Sebenarnya dari segi hukum shara' adalah tidak salah mengerjakan sembahyang berjama'ah di mana-mana tempat, asalkan syarat-syarat sah sembahyang dipenuhi.

Tetapi lainlah halnya dengan sembahyang Juma'at yang dilakukan di kelab-kelab PAS, ini adalah kerana Enakmen Pentadbiran Hukum Shara' Negeri Terengganu melarang sesiapa pun berbuat demikian. Seksyen menjadikan satu kesalahan bagi sesiapa yang mengambil bahagian dalam sembahyang Juma'at di mana-mana bangunan atau masjid yang dibina dan digunakan sebagai tempat mengerjakan sembahyang Juma'at tanpa terlebih dahulu mendapatkan

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

kebenaran JHEAT, meskipun tempat itu boleh secara shari'yy dikerjakan sembahyang.

Seksyen itu dimasukkan ke dalam Enakmen tersebut menerusi pindahan yang dibuat dalam tahun 1981. Jika thabit kesalahan, pesalah-pesalah itu boleh dihukum enam bulan penjara atau didenda \$1,000 atau kedua-duanya sekali seperti yang diperuntukkan dibawah Seksyen 142A. Empat orang lelaki pernah dibicarakan dan didapati bersalah di bawah seksyen ini.

### TANAH PERKUBURAN BERLAINAN

Isu tanah perkuburan berasingan pula tidaklah sehebat mana (yang digambarkan oleh sebaran am tempatan) — ia merupakan beberapa kejadian terpisah (daripada isu kafir mengkafir).<sup>14</sup> Dalam pada itu, akhbar-akhbar tempatan melaporkan seolah-olah terdapat tanah perkuburan berasingan di setiap kampung dan mukim di negeri Terengganu, khususnya di daerah Besut.

Kejadian seumpama ini berlaku di Kampung Gong Pasir dalam daerah Besut pada 16hb. Julai 1982, bila seorang ahli dan penyokong PAS, Encik Mohd Hassan bin Yusoff meninggal dunia dan dikebumikan di atas sebidang tanah yang tidak diwartakan sebagai tanah perkuburan.

Ini telah ditafsirkan sebagai keengganan untuk dikuburkan bersama orng-orang UMNO di perkuburan rasmi. Sebenarnya tanah itu adalah kepunyaan si mati yang telah ditafsirkannya untuk dijadikan perkuburan awam lebih kuang dua tahun terdahulu dan simati telah mewasiatkan agar jenazahnya dikebumikan di tanah tersebut yang terletak berdekatan dengan rumah simati.

Encik Sulaiman Ismail, seorang waris kepada Allahyarham Encik Mohd Hassan dan Puan Esah isteri kepada si mati sedang menunggu perbicaraan di bawah Seksyen 5(1), Enakmen Tanah Perkuruban (1963), kerana telah

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

mengkebumikan jenazah Allahyarham Encik Mohd Hassan di tanah perkuburan tidak rasmi.

Walaupun tanah tersebut telah diwakafkan tetapi ia belum menjadi tanah perkuburan rasmi, melainkan setelah ia diwartakan mengikut Seksyen 1(ii), enakmen berkenaan.

Dalam tempoh satu kejadian lain, seorang penyokong UMNO telah meninggal dunia dalam tahun 1980 dan si mati telah mewasiatkan agar jenazahnya dikebumikan di atas tanahnya sendiri berhampiran dengan rumah supaya senang diziarahi oleh keluarganya.

Ini berlaku di Kampung Darau, daerah Besut juga. Sebahagian dari tanah itu telah diambil oleh kerajaan negeri untuk pembinaan masjid dan kubur kini terletak di dalam kawasan masjid berkenaan.

Para penyokong PAS di daerah Besut mempersoalkan kenapakah tindakan undang-undang tidak diambil ke atas keluarga Haji Draman (si mati). Pada anggapan penyokong-penyokong PAS ini adalah kerana Haji Draman adalah seorang penyokong UMNO manakala Encik Mohd Hassan adalah seorang penyokong PAS.

'Tanah perkuburan berasingan ini juga dikatakan berlaku di Kampung Apal Jertih, daerah Besut, di mana seramai 12 orang penyokong PAS telah dikebumikan di situ sejak tahun 1980 lagi...'

'Khairat kematian yang ditubuhkan oleh ahli-ahli PAS di kampung itu telah membeli tanah tanah perkuburan tersebut dalam tahun 1979 dengan harga \$500.00 dan digunakan sebagai tanah perkuburan sehinggalah hari ini'.<sup>15</sup>

## PERCERAIAN POLITIK

Perceraian politik ini juga disifatkan sebagai salah satu kesan daripada fatwa yang dikeluarkan oleh PAS. Menurut Kadhi Daerah Besut, Tuan Haji Wan Salleh,<sup>15</sup> sejak daripada tahun 1979 sehingga 12hb. Disember 1981, sebanyak 200 pasangan dilaporkan telah bercerai dan 300

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

pasangan lagi berkahwin semula akibat daribada perbezaan fahaman politik.

Katanya lagi, perceraian akibat fahaman politik yang berlainan di seluruh daerah Besut sejak tahun 1978 ialah sebanyak 204. Perceraian ini berlaku kerana sebilangan besar suami yang menjadi penyokong PAS merasakan mereka tidak layak beristerikan wanita yang keluarganya menyokong UM-NO, katanya.<sup>16</sup>

Dalam kenyataannya yang terbaru, Haji Wan Salleh berkata, sejak empat tahun lalu (dari tahun 1978 sehingga tahun 1983) jumlah pasangan yang bercerai kerana perbezaan fahaman politik ialah sebanyak 208 dan dari jumlah itu, sebanyak 20 pasangan telah berkahwin dan meruju' semula.<sup>17</sup>

Jika diperhatikan dengan teliti, ketiga-tiga kenyataan ini bercanggah di antara satu dengan lain dan agak sulit hendak menentukan yang mana yang tepat dan benar kerana kekurangan sumber.

### MASALAH PEMBAYARAN ZAKAT

Terdapat ahli-ahli dan penyokong-penyokong PAS yang enggan membayar zakat fitrah kepada amil-amil yang dilantik oleh kerajaan dan, sebaliknya membayar dan mengagih-agihkan bayaran kutipan zakat itu kepada orang-orang yang mereka rasakan dan fikirkan menerimanya.

Penyokong-penyokong PAS memberi dua alasan utama kenapa mereka keberatan membayar zakat kepada amil-amil kerajaan. Pertama kerana mereka khuatir wang yang dipungut itu akan digunakan untuk pelaburan yang disyaki bertentangan dengan hukum Islam atau disalah-gunakan untuk projek ekonomi yang membabitkan perkara-perkara haram.

Kedua, kerana anggapan mereka bahawa zakat adalah hak Allah dan sebuah kerajaan yang tidak mahu menjalankan hukum hudud-Nya tidak layak dibayar zakat kepadanya atau

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

memungut zakat daripada rakyatnya. Kerana anggapan-anggapan ini, penyokong-penyokong PAS membayar zakat kepada orang-orang yang mereka rasakan layak menerimanya, seperti ahli-ahli PAS yang miskin atau yang telah didiskriminasikan dalam pemberian subsidi-subsidi.

Sehubungan dengan ini, Dr Yusuf al-Qardhawy dalam bukunya *Fiqh al-Zakat*, antara lain menyatakan bahawa pemerintah yang boleh dibayar zakat kepadanya ialah yang Islam dan beriman dengan Islam, redha Islam itu sebagai suatu sistem dan berjihad untuk Islam. Sebaliknya pemerintah yang zalim dan terkeluar daripada hukum Islam kerana kepentingan hawa nafsu tidak harus diberikan zakat kepadanya.<sup>18</sup>

Berkaitan dengan soal zakat ini, Mufti Terengganu telah mengeluarkan fatwa melarang segolongan masyarakat yang membayar zakat kepada amil-amil bukan lantikan kerajaan. Fatwa ini dipersoalkan oleh penyokong-penyokong PAS. Menurut mereka, fatwa cuma boleh dikeluarkan berhubung dengan perkara-perkara yang tidak jelas hukumnya.

Enakmen Pentadbiran Hukum Shara' Negeri Terengganu menjadikan satu kesalahan bagi sesiapa yang enggan membayar zakat kepada JHEAT menerusi amil-amil yang dilantik olehnya. Kesalahannya itu adalah di bawah Seksyen 152(1), enakmen berkenaan. Sesiapa yang didapati bersalah boleh dihukum tiga bulan penjara atau didenda \$500 atau kedua-duanya sekali.

### MASALAH SEMBELIHAN BINATANG

Masalah sembelihan binatang berlaku pada Hari Raya Qurban (1979), di Kampung Pasir Akar ahli-ahli PAS dikatakan mencurahkan gulai daging sembelihan orang-orang UMNO.

Satu kejadian yang sama dikatakan berlaku di sebuah sekolah di Kerandang yang disediakan oleh kerajaan.<sup>19</sup>

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Menurut penyokong-penyokong UMNO, orang-orang PAS tidak mahu makan sembelihan mereka kerana orang-orang PAS menganggap sembelihan orang-orang UMNO tidak sah kerana orang-orang UMNO adalah kafir.

Menjawab tuduhan ini, ahli-ahli PAS berakata, soal mahu makan daging sembelihan orang UMNO atau tidak adalah soal peribadi dan sikap yang diambil oleh seseorang ahli PAS itu tidak ada kaitannya dengan arahan (fatwa) pemimpin-pemimpin PAS.

### JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JKKK)

Matlamat penubuhan JKKK adalah untuk membantu rakyat luar bandar meninggikan dan meningkatkan taraf hidup mereka sejajar dengan aspirasi kerajaan. Dalam usaha untuk mencapai tujuan tersebut, JKKK hendaklah menjalankan tugas-tugasnya tanpa mengira perbezaan-perbezaan fahaman politik serta berlaku adil dan saksama.

Walaupun pada dasarnya tugas dan tanggungjawab JKKK adalah baik, mendatangkan manfaat dan menguntungkan rakyat, tetapi dari segi pelaksanaannya adalah sebaliknya. Ini adalah kerana, dalam banyak hal, keputusan-keputusan dan kegiatan-kegiatan JKKK dipengaruhi oleh orang-orang politik pemerintah.

JKKK kadangkala bertindak seolah-olah ia adalah sebahagian dari sayap parti pemerintah dan dalam konteks Negeri Terengganu khususnya di daerah Besut, bergerak sebagai satu unit UMNO. Secara tidak langsung ia meruncingkan lagi masalah yang sedia ada.

Perlantikan ahli JKKK adalah kuasa mutlak Menteri Besar Terengganu<sup>20</sup> Dato' Wan Mokhtar. Ini tentu sahaja memungkinkan Menteri Besar itu melantik orang-orang yang dianggap olehnya sebagai penyokong setia UMNO. Menteri Besar itu juga berkuasa sepenuhnya untuk menamatkan keanggotaan mana-mana ahli JKKK dalam keadaan dan

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

ketika mana jua pun.<sup>21</sup>

Memandangkan bahawa sebahagian dari tugas-tugas JKKK adalah untuk menjaga keselamatan dan melaporkan kegiatan-kegiatan parti lawan, dan oleh kerana kegiatan-kegiatan PAS itu dianggap tidak sihat dan mencurigakan, maka adalah tidak menghairankan jika ahli-ahli JKKK terdiri daripada penyokong-penyokong parti pemerintah.

Dengan meletakkan penyokong-penyokongnya sebagai ahli-ahli jawatankuasa, barulah JKKK dapat berperanan sebagai **'watch-dog'** kerajaan.

Hal ini memang ada manasabahnya memandangkan bahawa JKKK adalah satu unit di peringkat kampung dalam rangka melaksanakan dasar-dasar kerajaan menerusi penyelarasan di antara keduanya. Oleh itu, adalah penting ahli-ahli JKKK dilantik dari kalangan para penyokong UMNO.

Kepentingan ini amat dirasai menjelang pilihanraya kerana ia dapat mendatangkan **'strategical and tactical advantage'** kepada UMNO dan Barisan Nasional.

*'Party politics was [and still is] a feature of local government...there were benefits for local politicians: the party machinery was kept from getting rusty between national (and state) elections, party members could also be rewarded and given scope for enthusiasm by being nominated as candidates.'*<sup>22</sup>

Melantik penyokong-penyokong UMNO menganggotai JKKK bukanlah **'per se'** salah, tetapi masalah yang timbul ialah bilamana keputusan-keputusan yang dibuat oleh JKKK kerap kali berat sebelah dan menguntungkan penyokong-penyokong parti pemerintah, sekaligus mengenyepikan serta menafikan hak-hak penyokong-penyokong parti pembangkang.

Penyokong-penyokong PAS sering mengadu tentang ketidakadilan dan diskriminasi politik yang dilakukan oleh



## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

JKKK. Kontroversi ini banyak berkait dengan pemberian subsidi-subsidi.

*'The UMNO-led government — so it is said — has often discriminated against PAS members and supporters when it comes to development aids'.<sup>23</sup>*

Kes-kes di mana ahli-ahli PAS dipecat dan ditamatkan tempoh perkhidmatannya sebagai ahli-ahli JKKK juga dikatakan mengakui hal ini. Di samping itu, adalah juga diakui bahawa sebahagian besar dari aduan-aduan yang dibuat oleh rakyat (khasnya oleh ahli-ahli dan penyokong-penyokong PAS) memang ada benarnya.

Diskriminasi ini mungkin timbul disebabkan sikap pemimpin-pemimpin UMNO yang menganggap pembangunan sebagai suatu '*favour*' yang mesti dihargai dan dibayar dengan ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada kerajaan.

Kita sering mendengar pemimpin-pemimpin UMNO, termasuk Presidennya sendiri, Dato' Seri Dr. Mahathir Muhammad menyelar para pelajar, khasnya para pelajar, luar negeri yang mengkritik dasar-dasar kerajaan sebagai pelajar-pelajar yang tidak tahu mengenang budi, tidak tahu berterima kasih dan tidak tahu bersyukur.<sup>24</sup>

*'...it shows that they (UMNO leaders) see development carried out for the people as a great favour done by them. It is not something that the people are entitled to ..., (UMNO leaders) expectation of gratitude ... reveals how UMNO leaders link gratitude to an unquestioning attitude and an unquestioning attitude to loyalty'.*

*'That criticism should be interpreted as ingratitude indicates that gratitude has only one meaning; unquestioning loyalty to the leadership'.<sup>25</sup>*

Lantaran itu, UMNO mahukan sokongan yang bulat kepada parti pemerintah sebagai balasan kepada '*favour*'

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

yang telah diberikan olehnya. Andainya ini tidak dihargai, maka 'favour' itu akan dihentikan atau ditarik balik atau dinafikan kepada mereka yang menentang kerajaan.

Menyentuh hal ini, Islam amat menekankan penyempurnaan keperluan-keperluan asasi dalam kehidupan kepada semua warganegaranya tanpa mengira darjat dan agama.<sup>26</sup>

Dek kerana tekanan-tekanan yang dikenakan ke atas penyokong-penyokong PAS oleh JKKK, menyebabkan antara lain, pulau memulau atau tindak-balas mengasingkan diri dan membentuk kelompok-kelompok sendiri.

Untuk mengatasi masalah ini, beberapa perubahan dasar perlulah dilakukan terhadap struktur pentadbiran dan pertanggungjawaban JKKK. Jika kini JKKK bertanggungjawab cuma kepada Menteri Besar Terengganu,<sup>27</sup> maka pindaan hendaklah dibuat supaya JKKK bertanggungjawab kepada masyarakat setempat,<sup>28</sup> misalnya menerusi mesyuarat agung tahunan yang disertai oleh penduduk kampung.

Selain itu, apa yang patut dipinda ialah bidang kuasa JKKK, khususnya berkaitan dengan fasal pembangunan dan keselamatan. Pindaan-pindaan itu mestilah memasukkan takrif yang jelas tentang tugas dan tanggungjawab ini supaya keputusan yang dibuat atas pertimbangan politik kepartian dapat dielakkan, jika tidak dapat dihapuskan sama sekali. Mungkin kerana takrif-takrif itu kabur, menyebabkan keputusan-keputusan yang dibuat oleh JKKK tidak adil, tidak saksama, memihak dan menguntungkan pihak tertentu sahaja.

Di samping cadangan-cadangan itu, adalah dicadangkan supaya ahli-ahli JKKK dianggotai oleh perwakilan PAS supaya ada perimbangan kuasa dan supaya keputusan yang dibuat dapat diterima sebagai keputusan oleh kedua belah pihak — PAS dan UMNO.

Menerusi cara ini, ia dapat berfungsi sebagai forum kecil dan sebagai titian penyambung di antara kedua-dua parti politik itu di peringkat 'grass-root'. Cara ini juga mem-

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

bolehkan segala masalah yang menyentuh pergeseran di antara penyokong-penyokong parti-parti tersebut dapat diselesaikan di meja perundingan JKKK itu sendiri, tanpa dijadikan isu nasional.

### PEREBUTAN MASJID

Turut terbabit dalam pertarungan UMNO-PAS ini ialah institusi masjid, institusi yang dipandang mulia dan tinggi dalam masyarakat Islam sebagai pusat pengurusan kenegaraan.

Di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Shara' Negeri Terengganu, 1955. Seksyen 2 menyebut masjid sebagai bangunan yang dibina atau digunakan untuk mengadakan sembahyang dan upacara-upacara yang berkaitan dengan ajaran Islam. Istilah masjid ini terangkum di dalamnya juga surau-surau.

Seksyen 83 enakmen berkenaan melarang pembinaan masjid atau penggunaan bangunan untuk dijadikan masjid tanpa mendapat kebenaran dari JHEAT. Seksyen 142 pula memperuntukan hukuman tidak lebih dari 6 bulan penjara atau denda tidak melebihi \$1000 bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Seksyen 83 itu.

syen 83 itu.

Masjid menurut takrif seorang penulis ialah,

*'... teh populist centes the Ummah where the 'will man submits itself to the Will of Allah on permanent basis'.<sup>29</sup>*

Dalam pengertian yang sempit, masjid merupakan tempat ummat Islam berkumpul untuk mengerjakan sembahyang, tetapi dalam pengertian yang lebih luas, masjid *'act as a forward base for Islam's political and military power'.<sup>30</sup>*

Kerana itu, perebutan masjid di antara UMNO dan PAS mengakibatkan *'...(a) serious strains particularly within*

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

*closely knit rural community. When schism appear in this sphere, the unity and harmony of the community as a whole are badly affected.*<sup>31</sup>

Masjid dijadikan tempat untuk melancarkan propaganda politik masing-masing dalam pertarungan itu. Mana-mana parti politik yang menguasai masjid akan memungkinkan pengaruh dan fahaman politiknya disebar-luaskan, khususnya menerusi khutbah-khutbah.

Menteri Besar Terengganu, Dato' Wan Mokhtar pernah menyebut tentang adanya pihak-pihak tertentu yang menggunakan khutbah Juma'at untuk melepaskan geram.<sup>32</sup>

*'Critics of the PMIP (PAS) have claimed that Muslim religious leaders and imams used their mosques to propagate the political values of the PMIP ... despite rules prohibiting such activities.'*<sup>33</sup>

Oleh kerana kes-kes mengkritik dasar-dasar kerajaan dikatakan kerap berlaku, maka Dewan Undangan Negeri Terengganu telah bertindak meminda Enakmen Pentadbiran Hukum shara' (1955) dengan memasukkan Seksyen 83B. Pindaan ini dibuat dalam sidanganya pada 24hb. September, 1981.

Seksyen ini menegah imam-imam masjid di seluruh negeri Terengganu daripada membaca khutbah, sama ada khutbah sembahyang Juma'at atau sembahyang Hari Raya, selain daripada khutbah yang disediakan dan diarahkan oleh JHEAT.

Walaupun peruntukan ini diadakan, namun masih kedapatan lagi imam-imam yang enggan membaca khutbah-khutbah yang dikeluarkan oleh JHEAT, dan ini berakhir dengan pemecatan imam-imam tersebut.

Dan secara kebetulan pula, imam-imam ini terdiri daripada penyokong-penyokong PAS. Sebagai menggantikan mereka, imam-imam yang 'not up to standard' daripada kalangan-kalangan penyokong UMNO dilantik. Perkembangan ini

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

dengan mudah menjadikan masalah ini isu politik.

Keadaan bertambah tegang lagi apabila khutbah-khutbah Juma'at yang disediakan oleh JHEAT mengandungi bidasan-bidasan secara tersirat dihalakan kepada PAS. Ada kalanya, khutbah-khutbah ini dikatakan mengandungi kecaman-kecaman langsung kepada PAS.

Kerana itu, PAS menuduh JHEAT memihak kepada UM-NO dan ini memburukkan lagi imej jabatan ini di kalangan penyokong-penyokong PAS. Bahkan mereka menganggap JHEAT sebagai alat kepada parti pemerintah. Ini menyulitkan lagi perhubungan JHEAT dengan penyokong-penyokong PAS, sekaligus menyukarkan JHEAT dalam mencari penyelesaian kepada sebarang isu keagamaan.

Meskipun pada dasarnya JHEAT menyekat sebarang ceramah berunsur politik kepartian di dalam mana-mana masjid di negeri Terengganu, namun pada hakikatnya sekatan ini cuma dikenakan ke atas PAS sahaja.

Keadaan ini menjadi bertambah buruk apabila masjid dijadikan isu politik. Apabila hampir pilihanraya, ceramah-ceramah politik diadakan dalam masjid. Yang anehnya, hanya parti kerajaan sahaja dibenarkan berceramah di dalam masjid. Tindakan ini menyebabkan parti pembangkang membina masjid mereka sendiri.

Dalam ceramah politik peringkat kampung, kadangkadang masjid menjadi modal politik mereka. Umpamanya, untuk menunjukkan sumbangan sesuatu parti ke arah perkembangan Islam, masjid ditunjukkan sebagai contoh. Jadi dakwaan ini, seolah-olah masjid adalah binaan sebuah parti tertentu (sedangkan ianya dibina dengan wang rakyat). Maka tidak hairan kenapa ada ahli parti lain yang memulaukan masjid ini.<sup>34</sup>

Ekoran dari itu, penyokong-penyokong PAS memulaukan masjid kerajaan dan mengerjakan sembahyang di kelab-kelab parti itu. Gejala ini sebenarnya bukan sahaja terbatas kepada negeri ini semata-mata.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Majalah Arabia melaporkan '*...the wild mosques, mosques savages are gradually multiplying in the garages, flats, populus residential complexes and also in the faculties and hospitals. These mosques represent a public attempt to escape the preaching of governmental imams and to enjoy a sincere and free one*'.

Seterusnya penulis rencana itu merumuskan bahawa '*mosques can mobilise the public and secularly oriented politician cannot be as succesful as Islamic activists in making use of them*'.<sup>35</sup>

### JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU (JHEAT)

Terjebak dan tersepit ditengah-tengah gelanggang tuduh menuduh ini ialah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT). JHEAT merupakan instisusi Islam yang tertinggi sekali ditubuhkan dalam negeri Terengganu. Meskipun begitu, jabatan ini tidak berkemampuan menyelesaikan masalah keagamaan yang berbangkit di negeri itu.

Bidang kuasa, peranan, tugas dan tanggungjawab jabatan ini termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Shara' Negeri Terengganu (1955). Enakmen ini tidak menerangkan tugas-tugas sebenar jabatan ini selain dari menyebut tentang perlantikan seorang Pesuruhjaya dan Setiausaha.

Dari segi pertanggungjawaban, jabatan ini terletak dibawah Dewan Undangan Negeri Terengganu dan kerana itu, ia tidak berperanan sebagai badan yang berkecuali dan bebas dari pengaruh politik. Oleh itu, tindakan-tindakan dan keputusan-keputusan sering dianggap berbau politik atau dipengaruhi oleh parti politik pemerintah.

Ini adalah kerana jabatan ini tertakluk kepada dasar-dasar yang digubal oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu, sebahagian besar daripada anggotanya terdiri daripada politikus-politikus UMNO. Sebagai badan kerajaan, jabatan ini mahu tidak mahu terpaksa menyelaraskan tindak-tanduknya sejajar dengan dasar-dasar itu.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Lantaran itu, jabatan ini tidak terlepas dari dipengaruhi oleh kemahuan dan araham UMNO, kerana UMNOlah parti yang memerintah negeri Terengganu. Oleh kerana 'circumstances' ini, jabatan ini dicap sebagai tunggangan parti pemerintah. Tanggapan ini akan menghindarkan tugas-tugas JHEAT untuk mencari penyelesaian terhadap masalah keagamaan di negeri itu.

Seksyen 5 enakmen berkenaan merumuskan kuasa jabatan ini sekadar menjadi pentadbir hukum-hukum shara' sebagaimana (tidak terkeluar dari apa) yang digariskan dalam enakmen itu.

Apa yang dapat dilakukan oleh jabatan ini berdasarkan peruntukan-peruntukan di dalam enakmen itu adalah mengeluarkan fatwa, (kadhi-kadhi) membicarakan orang-orang yang melakukan kesalahan-kesalahan tertentu (jika didapati bersalah boleh dihukum enam bulan penjara atau didenda \$1000 kedua-duanya sekali), memecat mana-mana imam atau pegawai masjid, menyediakan khutbah-khutbah Juma'at dan beberapa tugas lain yang terbatas sifatnya.

Dalam usaha-usahanya untuk mencari penyelesaian kepada masalah keagamaan di negeri itu, tindakan yang selalu diambil oleh jabatan ini adalah dengan memecat imam-imam yang dikatakan terlibat atau menyebabkan masalah itu. Tindakan-tindakan ini jauh dari menyelesaikan masalah, bahkan ianya mengujudkan masalah lain pula.

Jabatan ini tidak pernah mengusahakan atau menganjurkan pertemuan di antara UMNO-PAS atau menjemput kedua-dua parti politik itu ke meja perundingan untuk mencari penyelesaian terhadap ada sebarang peruntukan membolehkan jabatan ini berbuat demikian. Lantaran itu, jabatan ini gagal mempertahankan kemuliaan dan kesucian agama Islam di negeri itu.

Sebagai sebuah jabatan yang ditubuhkan untuk 'mentadbir' hukum-hukum Islam, badan ini tidak mempunyai kuasa

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

yang luas, sedangkan Islam itu sendiri mencakupi atau merangkumi pelbagai liku kehidupan, ukhrawi dan duniawi. Mungkin ini adalah di antara beberapa sebab kenapa jabatan ini tidak dapat menyelesaikan masalah keagamaan di negeri Terengganu.

Kelemahan dan kekurangan jabatan ini telah menjadi sasaran serangan PAS yang menganggapnya sebagai kesan langsung dari faham sekularisme dan proses sekularisasi yang diteruskan dan disambungkan oleh UMNO dari tinggalan penjajahn Barat. PAS mensifatkan kelemahan dan kekurangan ini sebagai kesan akibat dari memperkotak-kotakkan Islam bagi menjadikan Islam itu tidak bermaya dan berperanan dalam kehidupan penganutnya.

Menurut PAS, dalam konteks negara sekular seperti Malaysia (hal ini termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan), keadaan-keadaan sebegini akan terus berlaku. Ibarat kata Ustaz Haji Abdul Hadi Awang, Naib Yang Di Pertua PAS Pusat merangkap Pasuruhjaya PAS Negeri Terengganu, Islam diperintah dan bukannya memerintah negara ini.

Untuk mengembalikan maruah dan kepercayaan rakyat kepada JHEAT, ia hendaklah berlaku adil dan saksama, membela rakyat dan menegakkan keadilan. Cuma dengan cara ini sahajalah, JHEAT dapat membersihkan nama baiknya daripada terus dianggap sebagai 'alat' kepada satu-satu parti politik. Jika ini tidak dilakukan, JHEAT akan gagal menjalankan tugas-tugasnya dengan berkesan dan sempurna.

Tambahan kepada itu, badan-badan lain yang menggerakkan jentera kerajaan negeri Terengganu, termasuklah kakitangannya (pentadbir, pegawai-pegawai, hatta wakil-wakil rakyat sendiri) hendaklah berlaku adil dan saksama dengan tidak menunjukkan kecenderungan kepada mana-mana parti politik. Wakil-wakil rakyat harus ingat bahawa meskipun mereka bertanggungjawab atas tiket satu-satu parti politik dan dipilih oleh sebahagian rakyat, tetapi sebaik saha-



## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

ja mereka terpilih, mereka bertanggungjawab kepada seluruh rakyat tanpa memperdulikan pendirian politiknya.

### SEBARAN AM DAN KAFIR MENGKAFIR

Sebagai orang surat khabar, saya berpendapat isu kafir mengkafir ini tidaklah sehebat atau sebahaya mana yang digambarkan oleh sebaran am tempatan. Ia lebih merupakan isu politik yang sengaja digembar-gemburkan, '**play-up**' dan '**blown out of proportion**' demi menjatuhkan pihak lawan. Liputan-liputan bermotif ini meruncingkan lagi masalah itu dan menyukarkan lagi penyelesaiannya.

Kebanyakan akhbar dalam negeri, terutamanya akhbar-akhbar berbahasa Malaysia memberi gambaran yang agak berat sebelah apabila membuat laporan mengenai isu ini. Ini sukar disangkal kerana sebahagian besar dari akhbar di negara ini dikuasai oleh parti pemerintah, khasnya UMNO. Namun begitu, tidaklah dinafikan kewujudan akhbar-akhbar yang membuat liputan seimbang, tetapi akhbar-akhbar seperti ini sedikit sangat jumlahnya dan pembacaannya tidak meluas seperti akhbar-akhbar yang dikuasai oleh parti pemerintah.

Pemberitaan sebaran am tempatan termasuk televisyen dan radio yang berat sebelah, '*bias and prejudice*' telah menghangatkan lagi api kemarahan yang telah sedia ada. Cara ini berjaya memburukkan sesuatu pihak, tetapi ia jauh sekali dari menyelesaikan masalah bangsa Melayu-Islam di negara ini.

Isu perpecahan bangsa Melayu-Islam ini juga diberi liputan yang agak meluas oleh akhbar-akhbar dan media massa luar negeri seperti *Time*,<sup>36</sup> *Far Eastern Economic Review*,<sup>37</sup> *Asiaweek*,<sup>38</sup> dan lain-lain. Bagi saya, laporan-laporan akhbar-akhbar asing ini juga tidak adil dan sakama. Ini adalah kerana pemberitaan itu banyak bergantung kepada bahan-bahan dan butir-butir daripada media massa tempatan yang berat sebelah.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

*'Even if one were to concede all the alleged objectivity of the western media, the virtual monopoly on news carries with it the in-built biases of individuals that are coloured by cultural and historical factors. The picture is further confused by the preferences of such vested groups as multinationals and even governments that are one of the largest advertisers in the market. And no newspaper or magazine can survive without advertising revenues.'*<sup>39</sup>

Dengan kata-kata lain, sebaran am telah **'indoctrinate'** dan **'conditioned'** orang ramai, dan dengan ini, membentuk **public opinion** yang salah dan **'memasakkan'** suasana bagi membolehkan kerajaan membuat pindaan-pindaan kepada Kanun Acara jenayah dan Kanun Keseksaan atau tindakan-tindakan yang sebegitu.

Laporan-laporan akhbar tempatan mengenai isu perpecahan bangsa Melayu-Islam ini menggambarkan seolah-olah masalah kafir mengkafir itu merupakan masalah nasional yang memerlukan penyelesaian di peringkat nasional pula. Akhbar-akhbar telah berbuat ini menerusi laporan-laporan yang menyemai kebimbangan dan ketakutan dalam fikiran orang ramai tentang isu ini.

Tindakan PAS, lebih-lebih lagi UMNO yang menggunakan akhbar-akhbar sebagai saluran untuk menyerang, menjatuhkan dan memburukkan parti lawan adalah tidak sihat. Ini adalah kerana sikap akhbar yang tidak **'neutral'**. Mungkin kerana menyedari hal ini, PAS menggunakan majlis-majlis umum untuk melancarkan serangan balas terhadap tuduhan-tuduhan parti pemerintah.

Sehubungan dengan ini, media kerajaan iaitu Kementerian Penerangan telah menayangkan filem kejadian sembahyang dua imam, sekaligus sembahyang berasingan bulan Ogos 1982. Datuk Seri Mohd Adib Adam, Menteri Penerangan tatkala itu, mempertahankan penayangan filem itu dan berkata, ia tidak ditunjukkan untuk kepentingan politik Barisan Nasional atau UMNO, tetapi **'untuk kepentingan**

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

*negara secara keseluruhannya dan dunia Islam amnya'.<sup>40</sup>*

PAS mensifatkan penayangan filem tersebut sebagai lakonan yang sengaja dibuat-buat dan tidak menggambarkan kejadian yang sebenarnya. PAS mendakwa, 'pelakon-pelakon tambahan dibawa masuk dari luar untuk meramaikan jama'ah yang bersembahyang di belakang imam UMNO dalam lakonan sembahyang dua imam dan sembahyang berasingan di Kampung Gong Pasir.

Penayangan itu menunjukkan betapa tidak bijaknya kerajaan menangani masalah yang timbul itu. Ia tidak menyelesaikan masalah berkenaan, bahkan ia menegangkan lagi suasana, lantas memanjangkan lagi buruk sangka dan perasaan curiga mencurigai di antara penyokong-penyokong PAS dan UMNO. Penayangan tersebut merumitkan jalan penyelesaian masalah itu, di samping memburukkan nama baik ummat Islam negara ini di mata rakyat bukan Islamnya dan juga memburukkan nama baik Malaysia di pandangan Dunia Islam.

Malah penayangan filem itu laksana membuka pekung di dada, menampakkan kelemahan ummat Islam di negara ini dan memperlihatkan ketidak-matangan kerajaan sendiri. Ia juga menunjukkan betapa JHEAT tidak berkeupayaan berdepan dan mengatasi masalah itu. Tanggapan yang timbul dari penayangan filem itu ialah sekiranya JHEAT tidak berkemampuan menyelesaikan masalah dalam satu kampung, apatah lagi diharapkan kepadanya untuk menyelesaikan masalah keagamaan di seluruh negeri Terengganu.

Baru-baru ini, Kementerian Penerangan telah menayangkan filem bertajuk 'Perpaduan Ummah' pada hari Juma'at. Seperti penayangan filem dua imam itu, penayangan filem ini juga disifatkan oleh PAS sebagai berat sebelah dan tidak mencerminkan keadaan yang sebenarnya.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Penayangan kedua-dua filem ini, tidak memberi atau mendatangkan sebarang manfaat ke arah mencari penyelesaian masalah perpecahan bangsa Melayu di negeri itu. Jika ada kejayaan yang ditempah oleh penayangan filem itu, maka kejayaan itu ialah menjatuhkan imej dan nama baik PAS, serentak dengan itu menjatuhkan nama baik Islam sekali.

Patut dipersalahkan sama dalam menggambar-gambarkan fitnah kafir mengkafir ini ialah risalah 'Carilah Kebenaran'. Risalah ini diterbitkan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama Negeri Terengganu. Jawatankuasa ini tidak diletakkan di bawah bidang kuasa JHEAT, tetapi diletakkan di bawah pengawasan Menteri Besar Terengganu sendiri. Kerajaan negeri Terengganu membiayai penerbitan majalah ini.

Adapun isi kandungan majalah ini ialah ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin UMNO yang menyelar dan menyerang PAS, di samping keratan-keratan akhbar. Rencana-rencana dalam risalah ini memihak kepada politik parti pemerintah dan tidak menampakkan sebarang usaha yang sungguh-sungguh untuk mencari penyelesaian terhadap masalah itu menurut al-Qur'an dan al-Sunnah.

Ia sebenarnya adalah sebuah risalah yang dikeluarkan untuk melancarkan dakwah politik terhadap PAS. Sepatutnya sebuah majalah yang diterbitkan oleh jawatankuasa seperti itu tidak wajar melakukan demikian, sebaliknya ia wajib berusaha mencari penyelesaian yang adil dan saksama, yang dapat diterima oleh kedua-dua belah pihak.

Serupa dengan penayangan kedua-dua filem tersebut, risalah ini berjaya memuaskan hati penyokong-penyokong parti pemerintah dan serentak dengan itu, berjaya pula membakarkan lagi api kemarahan penyokong-penyokong PAS. Tetapi adakah ini menyelesaikan perbalahan itu?

Sikap media massa tempatan menyalahkan PAS dan menganggap cuma PAS sahaja yang bertanggungjawab memulakan dan menyukarkan penyelesaian kepada masalah

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

itu, boleh menyebabkan parti itu berdegil dan menjadi keras kepala sebagai tindak-balas yang rasional dan psikology dari sebagai serangan-serangan berat sebelah itu.

## PENAHANAN PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS

Ekoran dari masalah kafir mengkafir yang meledak di Besut, dua pemimpin PAS ditahan di bawah Enakmen Kediaman Terhadap, Seksyen 2. Mereka ialah Ustaz Mohammad @ Stimat bin Jusoh dan Ustaz Latif Mohammad. Ustaz Mohammad bin Jusoh adalah calon PAS bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Besut, salah satu dari empat kerusi Dewan Undangan Negeri Besut, manakala Ustaz Abdul Latif pernah bertanding atas tiket PAS dalam Pilihanraya Umum 1982 di Kawasan Dewan Undangan Negeri Bukit Kenak. Mereka tewas dalam pilihanraya itu.

Ustaz Mohammad kemudiannya dibuang negeri ke Kampar Perak, sementara Ustaz Abdul Latif dibuang negeri ke Sitiawan, Perak. Pada 10hb Julai, 1984, tiga pemimpin Dewan Pemuda PAS ditahan di bawah Akta Keselatan Dalam Negeri atau ISA. Mereka ialah Mohammad Sabu, Setiausaha Dewan Pemuda PAS Pusat, Buniyamin Yaakob, EXCO Pemuda PAS Pusat merangkap Ketua Penerangan Dewan Pemuda PAS Pusat dan Abu Bakar Chik, EXCO Dewan Pemuda PAS Pusat.

Menurut Pemangku Ketua Polis Negera, Tan Sri Mohd Amin Osman, mereka disyaki menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh mengakibatkan perpecahan di kalangan masyarakat Melayu dan ummat Islam.<sup>41</sup> Mohammad Sabu kini dibuang negeri ke Kuala Pilah, Negeri Sembilan,

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Buniyamin dibuang negeri ke Ipoh, Perak manakala Abu Bakar Chik masih di tahan di bawah ISA di Kem Tahanan Kamunting, Taiping, Perak.

Mereka ini ditahan tanpa bicara dan ini menimbulkan kemarahan penyokong-penyokong PAS. PAS mensifatkan penahanan ini sebagai tindakan UMNO yang 'sewenang-wenangnya menggunakan kekuatan dan mengeneipkan keadilan dan mempermainkan undang-undang untuk kepentingan kuasa pemimpin-pemimpin UMNO'.<sup>42</sup> PAS juga mensifatkan 'Akta zalim itu' '... adalah tidak wajar dan merupakan penyalahgunaan kuasa yang berlawanan dengan keadilan dan mencabul hak asasi manusia'.<sup>43</sup>

Dalam Islam, kebebasan seseorang individu itu tidak boleh dicabuli. Jika dia didapati melakukan sesuatu yang mencanggahi undang-undang, dia harus diberi peluang untuk membela diri terhadap tuduhan-tuduhan ke atas dirinya ... selagi tidak ada sesuatu tuduhan dihadapkan ke atas seseorang, dia tidak boleh ditahan atau dipenjarakan.

Imam Khattabi, ketika menghuraikan satu hadith ini di dalam kitabnya **Ma'alim al-Sunnah**, menyatakan bahawa penahanan dalam Islam hanya boleh berlaku secara;

1. penahanan atas pemerintah mahkamah, seperti apabila seseorang itu dijatuhkan hukuman oleh pihak mahkamah dan dipenjarakan sehingga tempoh hukuman ke atas dirinya; dan
2. penahanan kerana hendak melakukan siasatan. Selain daripada ini, tidak ada asas yang boleh menafikan kebebasan seseorang.

Imam Abu Yousof dalam kitabnya al-Kharaj juga menyentuh perkara yang sama, yakni, tidak ada seseorang juapun yang boleh dipenjarakan atas tuduhan-tuduhan yang palsu atau tidak dapat dibuktikan. Rasulullah s.a.w. sendiri tidak pernah memenjarakan sesiapa hanya kerana di dituduh.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Tatkala menjatuhkan hukuman dalam suatu kes semasa pemerintahan beliau, Saidini Umar pernah berkata, *'Dalam Islam, tidak ada sesiapa yang boleh dipenjarakan tanpa dijamin keadilan'*.<sup>44</sup>

Berdasarkan alasan-alasan ini, tindakan kerajaan menahan ketiga-tiga pemimpin PAS itu adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip keadilan Islam. Ini adalah kerana mereka tidak dithan untuk siasatan lanjut atas perintah mahkamah bagi menghadapi sebarang perbicaraan, sebaliknya mereka dihukum tanpa bicara. Hal ini memperlihatkan kerakusan kuasa pemimpin-pemimpin politik kerajaan Barisan Nasional dan UMNO, di samping menampakkan ketakutan mereka terhadap PAS. Penafian perbicaraan itu merupakan suatu perkosaan terhadap prinsip demokrasi yang digembar-gamburkan oleh kerajaan. Jika kerajaan benar dalam dakwaan mereka terhadap PAS, kerajaan tidak sepatutnya teragak-agak apatah lagi gentar untuk mendedahkan 'penyelewengan PAS' dalam mahkamah terbuka.

### PENANGKAPAN

Penangkapan ketiga-tiga pemimpin PAS ini tidaklah menyelesaikan masalah, bagaimanapun ia mungkin dapat menakut-nakutkan penyokong-penyokong PAS. Dalam pada itu penyokong-penyokong PAS menganggap tindakan itu sebagai membuktikan dakwaan mereka bahawa kerajaan sekarang sememangnya menentang perjuangan Islam. Dengan itu, jelaslah siapa lebih Islam daripada siapa. Penyokong-penyokong PAS juga beranggapan bahawa tekanan yang dikenakan ke atas PAS menunjukkan kebenaran perjuangan mereka, kerana kata mereka, perjuangan Islam sepanjang sejarah Nabi Muhammad s.a.w. penuh dengan tekanan dan penindasan.



## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

### KESAN KAFIR MENGKAFIR KE ATAS PERUNDANGAN

Pindaan-pindaan yang dibuat ke atas Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah dirangsang dan disebabkan oleh pertentangan UMNO-PAS di negeri-negeri di mana kedapatan penduduk Melayu-Islam yang besar jumlahnya. Dari segi politik, penguasaan ke atas penduduk Melayu-Islam oleh mana-mana partipolitik Melayu dan parti politik Islam akan menentukan hidup-matinya parti tersebut.

Pindaan-pindaan ini telah dibentangkan dan diluluskan dengan undi terbanyak daripada ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, termasuk UMNO dalam sidang Parlimen pada 10hb. Disember 1982. Undang-undang pindaan ini kemudiannya diberikan perkenan Di Raja pada 19hb. Februari pada tahun yang sama.

Desakan dan gesaan awal untuk meminda atau menggubal undang-undang pindaan ini mula timbul dan diperkatakan dengan hangatnya di Perhimpunan Agung UMNO yang ke 33 pada 10, 11 dan 12hb. September, 1982. Seorang perwakilan UMNO dari Besut, Encik Shafie Daud<sup>45</sup> dalam perhimpunan itu mensifatkan PAS sebagai penjenayah aqidah kerana memutar-belitkan maksud-maksud al-Qur'an dan tuduhan-tuduhan seumpama itu.

Perwakilan itu juga telah memasang satu keset ucapan Ustaz Haji Abdul Hadi Awang yang disifatkan olehnya sebagai penafsiran yang menyeleweng ke atas al-Qur'an. Selain itu, video yang menggambarkan kejadian sembahyang berasingan dan kubur berasingan juga ditayangkan dalam perhimpunan berkenaan. Dengan cara-cara ini, Encik Shafie boleh dikatakan berjaya mempengaruhi para perwakilan yang untuk bertindak ke atas PAS.

Kesan dari itu, Perhimpunan Agung UMNO Malaysia yang bersidang bagi kali ke 33 membuat ketetapan mendesak pihak kerajaan mengambil langkah-langkah menggubal suatu akta untuk memelihara kesucian agama Islam bagi negara

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

ini untuk mengawal supaya nilai-nilai Islam sejati dapat dipertahankan dan tidak diperalatkan. Perbahasan terhadap usul ini berjalan begitu hangat dan kemudiannya usul ini diluluskan sebulat suara. Dengan ini, jelaslah bahawa undang pindaan tersebut adalah didorong oleh faktor politik (**politically motivated**).

Oleh kerana undang-undang pindaan tersebut digubal atas desakan dan tuntutan ahli-ahli perawakilan UMNO, maka dakwaan bahawa pindaan-pindaan itu perlu dibuat untuk menjaga keselamatan negara dapat dipersoalkan. Kepentingan siapa yang hendak dijaga, kepentingan politik parti pemerintah atau kepentingan negara?

Rang undang-undang itu memasukkan satu seksyen 298A yang baru dalam Kanun Keseksaan yang berbunyi;

*'Adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana orang yang menyebabkan atau cuba menyebabkan, di atas alasan-alasan agama, susana tidak harmoni, perpecahan atau niat jahat antara orang-orang atau kumpulan-kumpulan yang menganut agama yang sama atau yang berlainan, atau melakukan sesuatu yang berkemungkinan menyebabkan perkara yang sama'.*

Seksyen ini juga bertujuan menjadikan satu kesalahan bagi sesiapa, di atas alasan-alasan yang sama, memudaratkan atau cuba memudaratkan atau melakukan sesuatu berkemungkinan memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan rakyat dari agama yang sama atau berlainan.

Dalam ungkapan lain, adalah menjadi kesalahan bagi seseorang Islam menuduh seorang penganut agama Kristian tidak Kristian, atau menyatakan orang Islam itu tidak Islam.

Hukuman yang boleh dikenakan ke atas kesalahan yang disebutkan ialah tidak melebihi tiga tahun penjara atau denda atau kedua-duanya sekali. Sekiranya kesalahan tersebut dilakukan di tempat beribadat atau berhampiran dengan-

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

nya, hukuman penjara boleh ditambah kepada lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Ceraian-ceraian di bawah seksyen tersebut juga menyebut kegiatan-kegiatan dan perlakuan-perlakuan yang boleh menyebabkan perpecahan masyarakat seperti berikut:

- \* Kalau seorang itu mengatakan sebarang tindakan sah oleh mana-mana pegawai agama dilantik sebagai tidak boleh diterima dari segi kepercayaan agama seseorang itu atau orang lain.
- \* Kalau seseorang itu mengkebumikan mayat di tempat lain dari yang ditetapkan oleh undang-undang atau meminta orang lain berbuat demikian.
- \* Mengerjakan ibadat di suatu tempat berasingan dari tempat yang disahkan sebagai tempat ibadat, dan
- \* Menjalankan tugas-tugas agama seperti mana-mana pegawai agama tanpa dilantik.

Sesiapa yang melakukan kesalahan di bawah pindaan-pindaan ini boleh ditangkap tanpa ikat jamin.

Seorang wartawan yang bersetuju dengan peruntukan ini berkata, 'Sesiapa yang bersalah dan thabit kesalahan-kesalahan itu dibawah pindaan-pindaan ini, tidak dibenarkan ikat jamin, — dia mungkin akan memburukkan lagi keadaan apabila dibebaskan dan mengambil kesempatan terhadap penahanannya untuk mengujudkan huru-hara'.<sup>46</sup>

Pandangan wartawan ini tidak dapat diterima kerana kesalahan di bawah pindaan tersebut bukan bersifat jenayah, tetapi dianggap jenayah kerana undang-undang mengatakannya sebagai jenayah.

'Perkara yang terlibat di sini bukan suatu perlakuan jenayah. Ia merupakan suatu pendapat, suatu pengamatan yang digarap menerusi konsep-konsep keagamaan tertentu,

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

meski betapa ia diselewengkan. Seseorang itu tidak menentang pemikiran seperti ini perkara-perkara ini hanya dengan penguatkuasaan undang-undang'.<sup>47</sup>

Pada hemat saya, sekiranya kerajaan bertindak menggunakan peruntukan-peruntukan ini ke atas PAS, tindakan kerajaan itu akan dianggap sebagai usaha-usaha menekan dan menindas PAS dan lebih dari itu ke atas kebebasan beragama itu sendiri. Tindakan undang-undang di bawah peruntukan itu adalah tidak wajar dan batal. Ia akan menimbulkan tanggapan 'Islam tulen, Islam palsu'.

PAS sendiri telah merasakan bahawa undang-undang ini ditujukan kepadanya, :setelah kita diracuni dengan fitnah-fitnah dan kebebasan rakyat dijerut dengan akta ISA, sekali lagi jerut yang mengikat kebebasan rakyat itu diperkukuhkan dengan pindaan baru ke atas undang-undang kesalahan jenayah'.

Pindaan itu jelas ditujukan terutamanya kepada PAS dan alasan untuk membuat panafsiran itu bersandarkan kepada fitnah yang dilemparkan kepada PAS ... *pindaan undang-undang itu dibuat semata-mata untuk menjaga kepentingan politik parti pemerintah*'.<sup>48</sup>

Lebih dari itu, pindaan-pindaan ini membawa kepada kuku besi dalam penafsiran agama dan agama dikawal dan dibendung oleh pihak berkuasa. 'Sekiranya kita menyatukan ungkapan "menyebabkan perpecahan" (yang boleh merangkumi semua jenis kegiatan) dengan ungkapan "sesiapa yang mencabar tindakan mana-mana pegawai agama" dan ungkapan yang mensyaratkan mahkamah untuk "menerima penafsiran yang dibuat oleh mana-mana pegawai agama", jelaslah betapa luasnya kuasa yang diberikan kepada mereka'.<sup>49</sup>

Bahayanya pindaan ini adalah kerana 'pegawai-pegawai agama di kebanyakan tempat cenderung untuk mempertahankan kepentingan kelas pemerintah yang mana mereka menjadi sebahagian daripadanya. Nilai-nilai dan prinsip-

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

prinsip agama disesuaikan dan kerap kali diselewengkan demi memastikan kedudukan mereka yang berkuasa terus dapat dipertahankan'.<sup>50</sup>

Pindaan-pindaan ke atas Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah adalah satu lagi contoh 'cara pengubatan yang lebih parah daripada penyakitnya. Seperti kebanyakan undang-undang lain yang bertujuan untuk mengawal dan mencegah, ia akan hanya berjaya memperkukuhkan aliran kekukubesian dalam masyarakat'.<sup>51</sup>

Sesuatu dengan hal ini, eloklah kita perhatikan bagaimana Saidina Ali, Khalifah Islam yang keempat bersikap lapang dada kepda kebebasan dalam pendapat dan berkeyakinan. 'Dalam zamannya, aliran yang dikenali sebagai Khawarij memberontak. Aliran ini serupa dengan golongan anarkis dan nihilis zaman moden. Ahli-ahlinya mengengkari negara secara terbuka dan menafikan keperluannya (negera) dalam Islam, dan mereka membuat persiapan untuk menghapuskan dengan pedang (kekerasan). Ali menyampaikan pesanan berikut kepada mereka;

*'Kamu boleh tinggal di mana sahaja kamu suka, cuma satu-satunya syarat di antara kita ialah kamu jangan sekali-kali menumpahkan darah atau menggunakan cara-cara yang merosakkan (untuk menumbangkan kerajaan).'*

Pada suatu ketika yang lain, Saidina Ali berpesan kepada mereka;

*'... selagi kamu tidak terbabit secara langsung dalam tindakan kacau-bilau dan porak peranda, kami tidak akan memerangi kamu'.*

Dari ungkapan-ungkapan ini adalah jelas bahawa Negara Islam tidak akan menghalang atau menggugat sesuatu kumpulan atau organisasi yang berpegang kepada sesuatu keyakinan dan beramal dengannya secara aman. Tetapi sekiranya ia cuba memaksa ideologinya ke atas orang lain menerusi cara-cara yang ganas dan membayakan

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

keselamatan (dalam pengertian Islam) atau pentadbirannya, maka tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap kumpulan itu.<sup>52</sup>

### KERTAS PUTIH

Kertas Putih mengenai '**Ancaman Kepada Perpaduan Ummat Islam dan Keselamatan Negara**' setebal 20 muka surat dan memuatkan 14 lampiran, memperuntukkan 11 muka surat tentang 'tindakan mengkafir oleh PAS' dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti 'kegiatan memulau', 'kegiatan menghasut', dan pecahan-pecahannya di bawah tajuk '**Ancaman Golongan-golongan Yang Memperalatkan Agama Islam**'.

Apa yang termuat dalam helaian-helaian kertas itu cuma dakwaan-dakwaan belaka berdasarkan petikan-petikan kenyataan dua bekas pemimpin PAS (yang tidak terbukti dalam mahkamah terbuka). Meskipun begitu, Kertas Putih tersebut tidak mengemukakan sebarang cadangan atau saranan bagaimana hendak menyelesaikan masalah yang kononnya mengancam keselamatan dan perpaduan ummat Islam.

Apa yang diketengahkan ialah perlunya kerajaan mendedahkan 'kegiatan-kegiatan anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab itu supaya rakyat jelata mengetahui keadaan sebenar serta menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membendung serta membantras segala kegiatan seperti itu'.<sup>61</sup> Anasir-anasir yang dimaksudkan itu termasuklah Parti Komunis Malaya, golongan rohaniah dan lain-lain.

Daripada pendedahan itu, kesimpulan yang dapat dibuat ialah kerajaan cuba '**over-simplify**' masalah kafir mengkafir dan perpecahan masyarakat Melayu di negara ini. Ia menunjukkan sikap kerajaan yang suka mengambang-hitamkan sesuatu pihak bagi diletakkan kesalahan, dan dengan itu kerajaan lepas tangan dari berusaha bersungguh-sungguh untuk

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

mendapatkan penyelesaian terhadap masalah yang timbul.

Perkara seperti ini tidak sepatutnya berlaku dan ia tidak sekali-kali membina persefahaman di antara pihak-pihak yang bertikai. Sebaliknya, tindakan kerajaan itu akan menjauhkan lagi kemungkinan pihak-pihak yang bertikai dari mencapai pemuafakatan. Tambahan pula, Kertas Putih itu tidak disediakan oleh badan bebas yang berkecuali dan boleh ditafsirkan oleh PAS sebagai senjata yang akan digunakan untuk mengesahkan tindakan selanjutnya terhadap PAS.

Jika benar masalah kafir mengkafir dan perpecahan masyarakat Melayu di negeri ini berlaku, maka ia mesti dipandang berat dan diselesaikan mengikut shari'at Islam. Sebenarnya masalah ini, jika ada pun, berpunca dan berkait rapat serta bertali temali dengan masalah-masalah lain khususnya campurtangan politik kepartian dalam urusan pentadbiran kerajaan di negeri-negeri di mana masalah itu dikatakan timbul. Bagi mengatasi masalah ini, diskriminasi politik kerana perbezaan faham politik mestilah dihindarkan dalam urusan-urusan pentadbiran kerajaan.

Persoalannya sekarang ialah adakah benar PAS itu sendiri sebagai suatu parti politik telah secara rasmi 'mengkafirkan UMNO' atau pemimpin-penyokong parti itu? Atau adakah isu ini semata-mata dakwaan dan tuduhan pemimpin-pemimpin UMNO sahaja? Soalan-soalan ini tidak dijawab oleh Kertas Putih itu yang sepatutnya menjelaskan keadaan.

### DEBAT-MUZAKARAH UNMO-PAS

Sejak tercetusnya masalah kafir mengkafir, PAS sering kali mengesyorkan dan mencabar kerajaan dan UMNO untuk bermuzakarah dengannya bagi menyelesaikan masalah tersebut, jika memang ada masalahnya. Ini kerana PAS mahu membersihkan fitnah dan tohmah yang dilemparkan oleh UMNO terhadapnya.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Fitnah dan tohmah itu dikatakan berpunca daripada pemimpin-pemimpin UMNO, *'In the battle for Muslim votes, UMNO accused PAS of creating the kafir mengkafir problem...'*<sup>53</sup> [Dalam perbuatan untuk memenangi undi orang-orang Islam, UMNO menuduh PAS menimbulkan masalah kafir mengkafir].

Dalam sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 6hb November, 1982, wakil PAS dari kawasan Batu Buruk, Encik Wan Mutalib Embong<sup>54</sup> telah mengusulkan supaya Dewan itu membincangkan fitnah kafir mengkafir, perpecahan masyarakat Islam dan perkara-perkara yang sehubungan dengannya. Usul ini bagaimanapun ditolak oleh wakil-wakil UMNO dalam Dewan itu, dengan alasan bahawa ia tidak memberi apa-apa faedah dan kesan<sup>55</sup>. Terdapat lima wakil rakyat PAS daripada 27 anggota Dewan itu, selebihnya adalah wakil-wakil UMNO.

Saya hairan kenapa masalah itu yang dianggap sebagai masalah nasional tidak dibahaskan dalam 'forum' paling tinggi dalam negeri Terengganu. Penolakan usul tersebut oleh ahli-ahli Dewan yang mewakili parti pemerintah memberikan hujah yang kuat kepada PAS untuk mengatakan bahawa isu itu sahaja diada-adakan atau diperbesar-besarkan oleh UMNO.

Selepas itu, soal kemungkinan UMNO dan PAS berdebat mengenai masalah kafir mengkafir dibangkitkan pula oleh Menteri Besar Terengganu, Dato' Wan Mokhtar dalam ucapannya di Ijtima' Ulama' SeMalaysia yang diadakan di Kota Bharu, Kelantan pada 1 dan 2 haribulan November 1982. Cadangan ini disahut dan diterima oleh Pesuruhjaya PAS Negeri Terengganu yang juga Naib Yang Di Pertua PAS Pusat, Ustaz Haji Abdul Hadi Awang.<sup>56</sup>

Cabaran berdebat dan penerimaannya adalah wajar kerana Menteri Besar Terengganu itu merupakan Ketua Biro Agama UMNO, manakala Ustaz Haji Abdul Hadi Awang seorang tokoh ulama' PAS yang dihormati dan disegani memandangkan ilmu beliau yang luas dan mendalam ten-



## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

tang selok belok Islam. Bagaimanapun, isu debat ini lenyap dan hilang begitu sahaja.

Baru-baru ini isu menyelesaikan masalah fitnah kafir mengkafir ini timbul semula apabila Naib Yang Di Pertua PAS Ustaz Haji Abdul Hadi Awang dalam temuramahnya dengan akhbar *Asiaweek*,<sup>57</sup> berkata, PAS pernah mengajak pemimpin-pemimpin UMNO berbincang mengenai persoalan itu, tetapi sehingga kini parti itu tidak memberi sebarang jawapan. Katanya, UMNO sering mencari helah untuk mengelak diri menemukan penyelesaian.

'Ajakan' ini disahut oleh Presiden UMNO, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed dengan menegaskan bahawa UMNO bersedia mengadakan perdebatan terbuka di televisyen bagi menghadapi PAS mengenai isu-isu keIslaman.<sup>58</sup> Dari awal PAS hanya mengajak UMNO untuk berbincang bagi menyelesaikan masalah itu, tetapi UMNO pula mencabar PAS untuk berdebat. Hal ini mendapat liputan akhbar yang meluas selama hampir dua bulan.

Ekoran dari itu, tarikh debat itu telah ditetapkan pada 11hb. November, 1984. Menjelang hari perdebatan itu, tajuk debat telah dipinda sebanyak tiga kali. Tajuk pertama debat itu ialah mengenai 'Ekonomi, Hubungan Antarabangsa dan Perubatan', tajuk kedua menyentuh 'Fatwa Haji Hadi' dan tajuk terakhirnya ialah 'PAS Mendakwa Bahawa Ahli UMNO Adalah Kafir Dan Barangsiapa Yang Menentanginya, Jika Mati Adalah Mati Syahid'.

Walau bagaimanapun, debat itu dibatalkan oleh Yang Di Pertuan Agung atas nasihat Majlis Raja-Raja, Dato' Ahmad Zainal Abidin berkata, PAS dan UMNO tidak berhak mengkafirkan mana-mana kumpulan orang Islam. Namun begitu, kita tidak dapat menolak kemungkinan campurtangan Presiden UMNO, bahkan UMNO dan kerajaan sendiri membatalkan perdebatan tersebut.<sup>60</sup>

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Saya merasakan debat terbuka bukanlah caranya untuk menyelesaikan masalah ini. Saya berkata demikian kerana maksud debat ialah untuk menguji kepetahan berhujah, berlawan hujah dan bertujuan mempercecil-kecilkan pihak lawan bagi menentukan siapa benar dan siapa pula yang salah. Saya kira PAS dan UMNO mempunyai sebab tersendiri untuk berdebat.

Sebagai ganti kepada debat, muzakarah hendaklah diadakan bagi menyelesaikan kebuntuan masalah kafir mengkafir. Muzakarah ini bolehlah dianjurkan oleh pihak ketiga yang berkecuali dan tidak mempunyai kepentingan dalam pertikaian ini. Ia hendaklah diadakan secara rasmi dan pihak-pihak yang bertikai hendaklah menghantar orang-orang yang berkewibawaan untuk mewakili parti masing-masing. Sebarang keputusan yang dicapai dalam muzakarah itu, jika ada, mestilah mengikat kedua-dua belah pihak. Malahan keputusan-keputusan itu bolehlah diisytiharkan kepada umum. Harus juga dinyatakan bahawa cadangan untuk menyelesaikan masalah itu secara syura sama sekali tidak menepati, justeru kerana syura mempunyai pengertian, ciri dan cara serta tujuannya yang tersendiri.<sup>61</sup>

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

### Footnotes

- <sup>1</sup>**Fitnah Kafir Mengkafir Sesama Islam**, Persatuan Kadhi-Kadhi Kelantan, Kota Bharu, 1981, hal. 3.
- <sup>2</sup>**Khulasah dari Risalah Carilah Kebenaran Fitnah Kafir Mengkafir Sesama Islam**, Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama Negeri Terengganu, Kuala Terengganu, (tanpa tarikh).
- <sup>3</sup>**Berita Harian**, 3hb Mac., 1982.
- <sup>4</sup>Pengakuan Ketua Kampung Tanah Merah, Gong Pasir, Encik Mohamad bin Mahmud' dalam Mingguan bumi, 14hb Ogos, 1982.
- <sup>5</sup>Imam al-Ghazali, **Ihya' Ulumiddin**, Penerbitan Asli, Indonesia, hal. 589.
- <sup>6</sup>**Perlembagaan Persekutuan**, Bahagian 2, Kebebasan Asasi, Perkara 8, Fasal 1.
- <sup>7</sup>Tan Sri Dato' Haji Mohamed Salleh bin Abas, **Constitution, Law and Judiciary, Malaysia Law Publisher**, 1984, hal. 146.
- <sup>8</sup>Hueston, **Essays on Constitutional Law**, (Edisi kedua), Stevens and Sons, London, 1964, hal. 185.
- <sup>9</sup>Dr. Chandra Muzaffar, '*Controlling Religion*' dalam **ALIRAN Quarterly**, Vol.2, No. 4, 1982, hal. 6.
- <sup>10</sup>Salleh Omar, '*Village Politics and Traditional Dispute Resolution Methods*', Kertas Projek Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 1981/82, hal. 69.
- <sup>11</sup>**Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama Negeri Terengganu**, Keluaran 7, hal. 21.
- <sup>12</sup>Tok Guru Haji Abu Bakar telah didapati bersalah di bawah undang-undang Hukum Shara' Negeri Terengganu kerana mengelurakan fatwa-fatwa tersebut, sedangkan beliau bukan seorang Mufti atau seorang yang diberi kuasa untuk berbuat demikian.
- <sup>13</sup>'*Sembahyang Dua Imam: Mengapa Ia Bertapak Semula di Terengganu*' dalam **Berita Minggu**, 3hb Julai, 1983.
- <sup>14</sup>Azmi bin Mohd Ali, '*Isu Kafir Mengkafir dan Pindaan ke atas Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah*', Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983/84, hal. 38-41.
- <sup>15</sup>**Berita harian**, 13hb Disember, 1983.
- <sup>16</sup>**Utusan Malaysia**, 11hb. Ogos, 1982.
- <sup>17</sup>**Utusan Malaysia**, 26hb Januari, 1983.
- <sup>18</sup>(cetakan pertama), Darul Irshad, Beirut, 1969, hal. 789-791.
- <sup>19</sup>Azmi bin Mohd Ali, op. cit., hal. 45-46.
- <sup>20</sup>**Buku Panduan JKKK Negeri Terengganu**, hal. 5.
- <sup>21</sup>ibid., hal. 5.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

- <sup>22</sup>R.S. Milne and Diane K. Mauzy, **Politics and Government in Malaysia**, Time Books International, Singapore, hal. 205.
- <sup>23</sup>Dr. Chandra Muzaffar, op. cit., hal. 6.
- <sup>24</sup>**Utusan Malaysia**, 25hb Januari, 1984.
- <sup>25</sup>Dr. Chandra Muzaffar, **Protector**, ALIRAN, Pulau Pinang, 1979, hal. 98-99.
- <sup>26</sup>Abdul A'la Maududi, **The Islamic Law Constitution**, Islamic Publication Ltd., Lahore, Pakistan, 1980, hal. 250-251.
- <sup>27</sup>**Buku Panduan JKKK Negeri Terengganu**, op. cit., hal. 3.
- <sup>28</sup>Dr. Chandra Muzaffar memberi pendapat yang sama dalam '*Public Accountability by Local Authorities*' ALIRAN Speaks, 1981, hal. 146-148.
- <sup>29</sup>Kalim Siddiqui, **Issues in the Islamic Movement: 1981-82**, The Open Press Ltd., London, 1983, hal. 23.
- <sup>30</sup>Kalim Siddiqui, ibid, hal. 24.
- <sup>31</sup>Dr. Chandra Muzaffar, '*Controlling Religion*' op. cit., hal.6.
- <sup>32</sup>**Utusan Malaysia**, 4hb September, 1981.
- <sup>33</sup>Gordon P. Means **Malaysia Politics**. Hodder and Stoughton, London, 1976, hal. 231.
- <sup>34</sup>Ismail Yusof, '*Perpecahan Masyarakat Punca Dari Binaan Masjid*' dalam **Watan**, 11hb November, 1983, hal. 12-13.
- <sup>35</sup>Fathi Osman, *Islamic Challenge to Authoritarianism*, dalam **Arabia**, London, Bil. 21, Mei, 1983, hal. 23-24.
- <sup>36</sup>'*Muslim against Muslim*' dalam **time**, 16hb September, 1982, hal. 14.
- <sup>37</sup>'*The East is Green, And the Rest Are Worried*' dalam **Far Eastern Economic Review**, 3hb Mac, 1983.
- <sup>38</sup>**Asiaweek**, 17hb Disember, 1982, hal. 21.
- <sup>39</sup>Zafar Bagash, **Crescent International Newsmagazine of the Islamic Movement**, Toronto, Canada, 1980.
- <sup>40</sup>**Berita Harian**, 18hb Mac, 1983.
- <sup>41</sup>**Berita Harian**, 11hb Julai, 1984.
- <sup>42</sup>**Memorandum PAS** kepada Menteri Dalam Negeri mengenai penangkapan tiga orang pemimpin PAS, hal. 15.
- <sup>43</sup>**Memorandum**, ibid., hal. 15.
- <sup>44</sup>S. Abul A'la Maududi, **The Islamic Law and Constitution**, Islamic Publications Ltd., Lahore, 1980, hal. 249-250.
- <sup>45</sup>**Berita Harian**, 12hb. September, 1982.
- <sup>46</sup>Sharifah Rozita, '*Government Treads Carefully a Sensitive PAS*', dalam **The New Straits Times**, 7hb. Disember, 1982.
- <sup>47</sup>Dr. Chandra Muzaffar, '*Controlling Religion*', dalam **ALIRAN Quarterly**, Vol. 2, No. 4, hal. 6.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

- <sup>48</sup>**Ke arah Pembebasan Ummah**, [Ucapan Dasar Mu'tamat Tahunan PAS Ke 29], Pejabat Agung PAS, 1983, hal. 37.
- <sup>49</sup>Dr. Chandra Muzaffar, op. cit., hal. 7.
- <sup>50</sup>Dr. Chandra Muzaffar, ibid., hal. 8.
- <sup>51</sup>Dr. Chandra Muzaffar, ibid., hal. 8.
- <sup>53</sup>**Far Eastern Economic Review**, 3hb Mac, 1983, hal. 24.
- <sup>54</sup>**Utusan Malaysia**, 7hb. November, 1982.
- <sup>55</sup>**Utusan Malaysia**, 7hb. November, 1982.
- <sup>56</sup>Suhaimi Said, **Apakah Pilihan UMNO**, P.T.Nor, Shah Alam. 1983, hal. 58.
- <sup>57</sup>**Asiaweek**, 24hb. Ogos, 1984.
- <sup>58</sup>**Berita harian**, 26hb. Ogos, 1984.
- <sup>59</sup>**Berita Harian**, 9hb. November, 1984.
- <sup>60</sup>**Perlembagaan Persekutuan**, Bab 2, Perkara 38, Fasal 3:  
'Apabila Majlis Raja-Raja menimbangkan perkara-perkara dasar negeri, Yang Di Pertuan Agung hendaklah disertai oleh Perdana Menteri, dan Raja-raja yang lain dan Gabnor-Gabnor disertai oleh Menteri-Menteri Besar atau Ketua-Ketua Menteri mereka; dan pertimbangan-pertimbangan itu adalah antara tugas-tugas yang dijalankan oleh Yang Di Pertuan Agung mengikut nasihat Jama'ah Menteri, dan oleh Raja-Raja yang lain dan Gabenor-Gabenor mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan mereka'.
- <sup>62</sup>Kertas perintah 56, 1984, '*Ancaman Kepada Perpaduan Ummat Islam dan Keselamatan Negera*', hal. 6.
- <sup>63</sup>ibid., hal. iv.

## KAFIR MENGKAFIR DALAM SEJARAH UMMAT ISLAM

Masalah kafir mengkafir bukan suatu persoalan baru atau asing kepada ummat Islam, malah ia telah pun berlaku dalam sejarah ummat Islam, bahkan setelah Nabi Muhammad s.a.w. wafat iaitu dalam masa dan pemerintahan supupunya, Saidina Ali a.s.

Kejadian itu tercetus ekoran dari peristiwa penetapan keputusan perbalahan di antara tentera Saidina Ali dengan tentera Mu'awiyah dalam peperangan a'l-Siffin. Ini adalah peperangan saudara yang pertama dalam sejarah ummat Islam. Berikutan dari peperangan itu, ummat Islam berpecah kepada beberapa puak yang sentiasa berbalah di antara satu sama lain sehinggalah ke hari ini.

Peristiwa penetapan keputusan inilah, lebih daripada yang lain, yang menimbulkan perpecahan di kalangan ummat Islam, menyebabkan munculnya kumpulan-kumpulan dan golongan politik ... Perpecahan pertama dalam bentuk ini berlaku dalam tentera Ali di mana satu kumpulan menolak keputusan itu kerana ia tidak sesuai dengan pendapat mereka.<sup>1</sup>

Kumpulan ini menolak prinsip pemutusan itu sendiri, bukan keputusan-keputusannya kerana menurut mereka 'tidak ada pemerintahan kecuali pemerintahan ALLah' atau 'tidak ada hukuman melainkan hukuman ALLah', sehubungan dengan peperangan di antara Saidina Ali dengan Mu'awiyah hendaklah diselesaikan menerusi perang kerana Gebenor

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Syria itu (Mu'awiyah) enggan mengikat bai'ah kepada Saidina Ali, sedangkan ummat Islam Madinah telah memberi bai'ah mereka kepadanya.<sup>2</sup>

Kumpulan ini adalah berdasarkan ayat al-Qur'an yang berbunyi,

*'Dan jika dua pihak dari orang-orang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya, jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah.'*

Al Hujurat: 9

Kalimah tersebut menjadi '*... slogan semua aliran yang berbeza dalam Khawarij*<sup>3</sup>. Khawarij adalah perkataan dari bahasa Arab yang membawa maksud '*untuk keluar dengan maksud suatu pemisahan dan pemberontakan. Merekalah puak yang pertama wujud dalam Islam.*<sup>4</sup>

Golongan Khawarij merupakan aliran radikal yang amat dikenali dalam sejarah ummat Islam. Golongan ini terus memisahkan diri mereka daripada aliran Islam yang utama dalam era pembentukannya. Seperti kebanyakan aliran lain, kedudukan (aliran) mereka membabitkan penyatuan sikap dan pendirian politik dan agama.<sup>5</sup>

Setiap aliran dalam Khawarij membentangkan tafsiran yang berbeza kepada slogan (aliran itu sendiri) menyebabkan salah tafsiran dan akibatnya sehingga mereka melakukan banyak kegiatan yang bertentangan dengan agama ... huru hara dan dikatakan bahawa setiap aliran menganggap ia menjadi pelaksana perintah Allah dalam semua perkara, kecil atau besar ... dan dengan berusaha melaksanakan perintah itu ... ia menimbulkan perpecahan di kalangan ummat serta mengakibatkan pembunuhan sesama sendiri.<sup>6</sup>

Akibat dari tafsiran sempit golongan Khawarij terhadap ayat berkenaan, berlakulah perpecahan di kalangan ummat Islam, bahkan golongan Khawarij itu sendiri berpecah lebih

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

dua puluh puak. Di samping itu, atas alasan kalimah tersebut, golongan Khawarij melancarkan peperangan dan serangan ke atas ummat Islam, khususnya terhadap pemimpin-pemimpin negara mereka. Ini membawa dan mendatangkan porak peranda dan huru-hara.

Selagi slogan 'tidak ada pemerintahan melainkan pemerintahan Allah ditafsirkan menurut pandangan Khawarij, dan kerana orang ramai biasanya mempunyai pendapat yang berbeza-beza mengenai perkara-perkara yang agak kontroversial, setiap perbezaan pendapat dianggap sebagai suatu pemberontakan menentang keputusan Allah atau kufur dengan keputusan itu. Jadi tidak boleh langsung ada berbezaan pendapat. Setiap aliran akan melawan aliran yang mempunyai pendapat yang berbeza dengannya kerana setiap aliran menganggap ia di jalan yang benar dalam menegakkan pemerintahan Allah di bumi.<sup>7</sup>

—Saidina Ali sendiri menyelar tafsiran golongan Khawarij terhadap ayat tersebut. Katanya, *'la adalah suatu kebenaran, tetapi digunakan untuk tujuan-tujuan jahat'*.<sup>8</sup>

Tujuan jahat yang dimaksudkan oleh Saidini Ali itu ialah tuduhan Khawarij bahawa beliau telah berlaku kufur. Golongan Khawarij menganggap sesiapa yang tidak mengikut atau mendokong ajaran mereka sebagai kafir. Kerana tuduhan ini, golongan Khawarij telah mengisytiharkan peperangan ke atas pemerintahan Saidini Ali dan akhirnya mereka telah membunuh beliau semasa mengerjakan sembahyang.

Satu lagi aliran yang lahir dari pemutusan tersebut ialah golongan Shi'ah. Bagaimanapun, ada pendapat mengatakan bahawa golongan ini wujud selepas peristiwa pembunuhan cucu Rasulullah s.a.w., Saidina Hussein di Karbala, Iraq.<sup>9</sup> Aliran Shi'ah mula membezakan diri mereka dengan yang lain apabila satu pasukan tentera Ali terus berdiri di belakangnya apabila beliau ditinggalkan oleh golongan Khawarij.<sup>11</sup> Shi'ah Ali atau golongan Ali, mungkin tidak



## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

lebih daripada apa yang dimaksudkan, yakni, satu golongan atau suatu kecenderungan orang-orang yang menyokong tuntutan Ali menjadi Khalifah. Tuntutan itu diasaskan kepada hubungan persaudaraan Ali dengan Muhammad ...<sup>10</sup>

Selain dari golongan Shi'ah, satu lagi golongan yang mendatangkan kesan politik ke atas sejarah ummat Islam ialah golongan al-Mu'tazilah. Golongan ini dibentuk oleh Wasil bin 'Ata dan Amr bin 'Ubaid dalam awal abad kedua Hijrah.

Mereka meninggalkan fahaman Hassan al-Basri yang mengajarkan bahawa orang-orang yang berbuat dosa besar adalah fasiq ... Mereka (al-Mu'tazilah) berpendapat bahawa orang itu berada di antara iman dan kufur ... Fahaman ini membuatkan orang itu dianggap tidak beriman tetapi tidak memasukkan dia dalam golongan kufur atau munafiq.<sup>12</sup>

Tafsiran golongan Mu'tazilah yang paling merbahaya berdasarkan ajaran mereka itu ialah apabila mereka membuat kesimpulan bahawa '... salah satu daripada pihak dalam Peperangan Unta (maksudnya Ali dan pasukannya serta Talha, al-Zubair dan 'Aishah dan pasukan mereka) adalah fasiq; tetapi kerana tidak dapat dipastikan pihak mana yang fasiq, golongan Mu'tazilah memutuskan kedua-dua belah pihak adalah fasiq'.<sup>13</sup>

Mu'tazilah juga memperkenalkan satu gagasan baru dalam mentafsirkan 'amar ma'ruf nahi munkar', dengan mewajibkannya sebagai sebahagian dari iman, tanpanya iman tidak lengkap'.<sup>14</sup> Tafsiran ini mempunyai kesan terhadap pandangan politik golongan Mu'tazilah yang menyuruh ummat Islam campur tangan secara langsung dalam urusan kerajaan mereka sekiranya mereka menghendaki kesempurnaan iman.

Mereka (Mu'tazilah) menyeru supaya rakyat memberontak menentang pemerintah yang zalim dengan menyatakan bahawa ini diizinkan bila ada tanda bahawa pemerintah itu mungkin dapat digulingkan. Jadi mereka tidak sependapat

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

dengan golongan Khawarij yang berpendapat bahawa pemberontakan menentang pemerintah zalim adalah satu tanggungjawab peribadi tanpa memperdulikan sama ada ia akan berjaya atau sebaliknya.<sup>15</sup>

Tafsiran seperti ini mewajibkan pemberontakan terhadap pemerintah yang dianggap menyeleweng dari pengertian pemerintahan Islam sebagai prasyarat kepada penyempurnaan iman. Tafsiran itu akan menggerakkan tindakan politik daripada mereka yang menerima penafsiran sebegini. Dan sememangnya tafsiran itu dibuat berdasarkan atau tersirat di dalamnya perkiraan, pengamatan dan pembacaan politik.

Kejadian kafir mengkafir juga terjadi berikutan bahasan-bahasan mengenai dasar-dasar Islam dan asas-asas iman di kalangan pemikir-pemikir dan pengasas-pengasas mazhab fiqh. Imam al-Ghazali pernah dikafirkan, Ibn Taimiyah juga pernah dikafirkan Imam al-Hanbali<sup>16</sup> telah mengkafirkan al-Ash'ari dan sebaliknya.<sup>17</sup> Tuduh menuduh ini berpunca dari ta'wilan-ta'wilan mereka mengenai keEsaan Zat Allah, mengenai Sifat-Nya, al-Qur'an itu makhluk, adakah al-Qur'an itu baru atau qalim dan sebaliknya.

Di zaman Kesultanan Islam Aceh, kejadian mengkafir pernah berlaku ketikamana seorang ulama' fiqh, Nuruddin al-Raniri mengkafirkan seorang ulama' sufi, Hamzah Fansuri kerana ajarannya dianggap serupa dengan i'tiqad golongan falsafah, Majusi dan seumpamanya.<sup>18</sup>

Kadang kala tuduh menuduh ini berpunca dari kefahaman yang berbeza tentang ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith s.a.w. Ini adalah lumrah kerana setiap manusia mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Tidak kurang juga hal itu berpunca dari perasaan iri hati, hasad dengki, bahkan kerana merebutkan kuasa. Ekoran dari kejadian-kejadian seperti ini, ummat Islam berpecah kepada golongan-golongan dengan i'tiqad yang berbeza-beza, adakalanya berlawanan di antara satu sama lain dan hal ini merumitkan

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

agama.<sup>19</sup>

Perpecahan di kalangan ummat Islam berbeza dengan ummat Kristian, kerana ummat Islam berpecah di atas sebab-sebab politik. Ini tidak bermakna bahawa persoalan-persoalan usulud'din tidak menjadi sebab kepada perpecahan ini. Bagaimanapun, punca utama daripada mana perpecahan ini mula timbul adalah kerana politik yang melibatkan soal kepimpinan ummah.

Dengan sebab itu, dapatlah dirumuskan bahawa perbalahan, percakaran, perselisihan dan peperangan yang berlaku di antara ummat Islam berpuca dari tafsiran-tafsiran yang sempit dan menyeleweng terhadap al-Qur'an dan Hadith. Di antara faktor yang menyebabkan tafsiran-tafsiran seumpama itu berpunca dari sikap ta'sub (fanatik) kepada satu-satu mazhab atau golongan tanpa mengetahui batas-batas atau garis sempadan (had) di antara iman dan kufur.<sup>20</sup>

Akibat dari amalan ini, 'setiap golongan mengkafirkan orang yang bersalahan dengannya dan terus menganggapnya sebagai membohongi Rasulullah s.a.w.<sup>21</sup> Untuk menghindarkan amalan ini dari berlarutan, maka ummat Islam, lebih-lebih lagi para ulama'nya hendaklah menafsirkan al-Qur'an dan Hadith dengan tepat, jitu dan shari'iy. Di antara sebab utama tercetusnya pergolakan kafir mengkafir di negara ini dikatakan juga berpunca dari perbezaan tafsiran PAS dan UMNO terhadap Islam itu sendiri lebih-lebih lagi menyentuh persoalan batas-batas iman dan kufur. Tuduh menuduh di antara PAS dan UMNO mengenai hal menyelewengkan penafsiran al-Qur'an yang sebenar menjadi perkara biasa.<sup>22</sup> Ini adalah kerana dasar perjuangan parti-parti itu yang berbeza diantara satu dengan yang lain.

Perbezaan ini dapat dihindarkan sekiranya sesuatu ayat atau kalimah dalam al-Qur'an dan sunnah ditafsirkan menurut tradisi keilmuan Islam seperti yang telah dirumuskan kaedah-kaedahnya oleh ulama' yang muktabar. Qur'an dan Sunnah itu ditanzilkan dalam bahasa Arab.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Justeru itu, kefahaman yang lengkap dan sempurna mengenai bahasa Arab menjadi prasyarat dalam menafsir intipati daripada al-Qur'an dan al-Sunnah bagi membuat kesimpulan dan keputusan yang muktamad terhadap sebarang masalah yang berbangkit di kalangan ummat Islam.

Selain itu, hendaklah diperhatikan persekiran (Makkah dan Madinah) di mana kalimah-kalimah atau ayat-ayat itu diturunkan. Bagaimanapun, kita tidak boleh menjadikan kebiasaan orang ramai, tempat dan zaman lain sebagai alasan untuk meletakkan hukum kepada kalimah atau ayat-ayat al-Qur'an dan al-Sunnah. Dalam lain ungkapan, mana-mana istilah atau ayat di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah mestilah ditafsirkan menurut penafsiran yang dikehendaki oleh Allah dan Rasul-Nya. Dengan itu, 'tafsiran Allah dan Rasul adalah mutlak, leilbh-lebih lagi dalam ayat-ayat yang terang dan jelas.<sup>23</sup>

Penafsiran al-Qur'an dan al-Sunnah tidak patut tertakluk atau tunduk kepada kebiasaan orang ramai, tempat dan zaman, kecuali zaman shari'at diturunkan, sebaliknya kebiasaan orang ramai, persekitaran, tempat dan zaman itu sendiri mesti tertakluk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.

Sesungguhnya kebiasaan, persekitaran dan zaman itu adalah buatan manusia, dan pada mulanya berlandaskan petunjuk Ilahi tetapi kemudian manusia berpaling dari petunjuk itu dan membentuk kebiasaan, persekitaran dan zamannya sendiri.

Dari sejak Nabi Adam a.s. lagi Allah s.w.t. telah mentanzilkan wahyu-Nya dan membangkitkan Nabi-Nabi untuk melaksanakan shari'at-Nya. Syari'at inilah yang memerintah manusia dan manusia diperintah mencorak kebiasaan, persekitaran dan zaman menurut shari'at itu. Manusia tidak pernah wujud tanpa petunjuk daripada Allah s.w.t.

Petunjuk ini yang terkandung di dalam ayat-ayat al-Qur'an dan kalimah-kalimah Sunnah menjadi shari'at membimbing

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

manusia. Kalimah dan ayat-ayat itu datang daripada Allah s.w.t. dan Rasul-Nya. Oleh itu, tafsiran paling sahih terhadap kalimah dan ayat-ayat itu adalah dari Allah dan Rasul-Nya.

Kalimah iman dan kufur adalah salah satu dari kalimah yang terdapat di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, yang tidak harus ditafsirkan sewenang-wenangannya kecuali menurut tafsiran yang dikehendaki oleh Allah dan Rasul-Nya.

Apabila kita memperhatikan cara penggunaan kalimah iman di dalam al-Qur'an, kita akan dapati ianya digunakan di sekitar dua pengertian yang asasi;

1. Iman dengan pengertian membenarkan (tashdiq)
2. Iman dengan pengertian amal atau teriltizam dengan amal.<sup>24</sup>

Banyak ayat al-Qur'an yang menghimpunkan kedua-dua pengertian ini sebagai contoh, surah al-Hujurat, ayat 15 yang menerangkan sifat-sifat orang Mu'min, Maksudnya,

*'Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu hanyalah mereka yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudiannya mereka tidak ragu-ragu, mereka berjihad pada Jalan Allah dengan harta dan jiwa mereka, mereka itulah orang-orang yang benar'.*

Dengan itu, dapatlah kita katakan bahawa iman ialah membenarkan (tashdiq) Allah dan Rasul-Nya, tanpa syak dan ragu, berjihad pada Jalan Allah Allah dengan harta dan jiwa.

Dalam Islam, seseorang itu diterima sebagai orang yang beriman apabila dia mengucap dua kalimah syahadah iaitu 'Tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah'.

Persoalannya sekarang ialah apakah hukumnya orang-orang yang membenarkan hal tersebut di dalam hatinya atau melafazkan di bibirnya sahaja tanpa teriltizam dengan amal? Apakah orang seperti ini beriman atau tidak?

Saya rasa soalan ini dapat dijawab dengan mengemukakan mithalan berikut: Adakah masuk akal seseorang yang membenarkan perkhabaran tentang bencana yang akan ditimpa oleh Allah s.w.t. ke atas manusia yang derhaka, tidak

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

berusaha sedaya upayanya untuk menghindarkan dirinya dari bencana itu, sebaliknya berbuat sesuatu yang akan menyebabkan dia ditimpa bencana itu? Sudah tentu tidak.

Iman hati dan kepatuhan anggota, maksud saya patuh dan segera melakukan perkara-perkara yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. dan pesuruhnya-Nya, tidak bercerai tanggal. Ini adalah dalil akal yang jelas, dalil yang tidak dapat dipertikaikan lagi.<sup>25</sup>

Dari itu, kita dapat rumuskan bahawa sama ada seseorang itu beriman atau tidak, dapat dilihat dari perbuatan dan perlakuan zahirnya. Dan sememangnya lambat laun seseorang itu akan menzahirkan isi hatinya atau apa yang terpendam dalam sanubarinya.

Manakala 'kufur menurut istilah al-Qur'an dan Sunnah kadang kala membawa maksud kufur akhbar, iaitu kufur yang mengeluarkan seseorang itu dari agama Islam, kadangkala ia membawa maksud kufur asghar, iaitu kufur yang tidak mengeluarkan seseorang itu dari agama Islam'.<sup>26</sup>

Garis pemisah di antara kedua-dua kufur ini berkait dengan masalah berkekal dalam api neraka. '... kufur adalah hukum shara' sebagai mengharuskan darah (halal dibunuh, hartanya tidak wajib dilindungi, ianya tidak boleh dikebumikan di tanah perkuburan orang Islam) dan hukumnya kekal dalam api neraka'.<sup>27</sup>

Meskipun terdapat perbezaan di antara kedua-dua jenis kufur ini, tetapi ia tidak bermakna kufur jenis kedua ringan sedikit. Kita perlu ingat bahawa penyiksaan dari Allah s.w.t. adalah berat. Manusia kerap lupa hal ini, Allah s.w.t. selain dari Dia al-Rahman dan al-Rahim, Dia juga al-Aziz.

Untuk mengetahui apakah perkara yang membatalkan iman, kita mestilah terlebih dahulu menyedari bahawa 'iman adalah satu hakikat yang bersifat kulliyah (bulat) yang tidak dapat dipisahkan'.<sup>28</sup> Justeru itu, sekiranya kita 'mengasingkan dan engkar terhadap salah satu dari cabang iman bererti kita telah engkar cabang yang lain.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Sehubungan dengan ini diperhatikan pula ayat dibawah;  
*'Apakah kamu beriman kepada sebahagian kitab dan engkar terhadap sebahagian yang lain, tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian daripada kamu, melainkan kenistaan dalam kehidupan dunia dan pada hari akhirat mereka dikembalikan kepada siksa yang berat, Allah tidak lengah dari apa yang kamu perbuat'.*

al-Baqarah: 85.

Nas ini dengan jelas menerangkan bahawa kepada Kitab al-Qur'an mestilah menyeluruh dan tidak sebahagian-sebahagian. Sekalipun nas ini dirujuk kepada kaum Yahudi, pengajaran diambil berdasarkan lafaznya yang umum dan tidak nuzulnya yang khusus.

Berkaitan dengan ini, Imam al-Ghazali berkata, 'Maka saya ingin menyatakan bahawa kufur ialah membohongi sesuatu yang dibawa oleh Rasul a.s.s. Iman ialah mempercayai (tashdiq) apa yang dibawa olehnya. Kerana itu, setiap orang kafir adalah mereka yang membohongi Rasul-Rasul (a.s.s.) dan setiap mereka membohongi Rasul adalah kafir'.<sup>29</sup>

Sebagai kesimpulan dalam masalah ini, kita tidaklah dapat menentukan kadar yang diwajibkan ke atas mereka yang mengucapkan kalimah '**La ila ha il'lal'Lah**' dan menghukumkan kufur ke atas mereka yang tidak menunaikan kadar tersebut.

Kita tidak harus meletakkan sebarang hukum ke atas seseorang yang tidak melakukan amal wajib sesuai dengan tuntutan '**La ilaha illallah**', kecuali orang itu menyatakan dengan terang-terangan bahawa dia meninggalkan amal tersebut kerana enggan mematuhi perintah Allah dan merasa tinggi diri.<sup>30</sup>

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

- <sup>1</sup>Muhammad S El-Awa, **On the Political System of the Islamic State**, American Trust Publications, Indianapolis, 1980, hal. 54.
- <sup>2</sup>Muhamed S El-Awa, *ibid.*, hal. 54.
- <sup>3</sup>Edward Mortimer, **Faith and Power: The Politics of Islam**, Farber and Faber, London, 1982, hal. 41.
- <sup>4</sup>Muhamed S El-Awa, *op. cit.*, hal. 55.
- <sup>5</sup>Malide Ruthven, **Islam in the World**, Penguin Books Ltd., London, 1984, hal. 183.
- <sup>6</sup>Muhamed S El-Awa, *op. cit.*, 55.
- <sup>7</sup>Muhamed S El-Awa, *ibid.*, hal. 55.
- <sup>8</sup>Muhamed S El-Awa, *ibid.*, hal. 56.
- <sup>9</sup>Dr. Ahmad dAmin, **Islam Sepanjang Zaman**, Dewan Bahawa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, hal. 62.
- <sup>10</sup>Muhamed S El-Awa, *op. cit.*, hal. 57.
- <sup>11</sup>Edward Mortimer, *op. cit.*, hal. 43.
- <sup>12</sup>Muhamed S El-Awa, *op. cit.*, hal. 58-59, yang memetik dari **al-Fard Bayna'l-Firaq** oleh 'Abd al-Qaher al-Baghdali, [Edisi Beirut], 1973.
- <sup>13</sup>Muhamed S El-Awa, *ibid.*, hal. 59-60.
- <sup>14</sup>Muhamed S El-Awa, *ibid.*, hal. 60.
- <sup>15</sup>Muhamed S El-Awa, *ibid.*, hal. 60.
- <sup>16</sup>Imam al-Ghazali, **Penyelesaian Masalah Kafir Mengkafir**, Pustaka Ilmu Raya, Kuala Lumpur, 1982, hal. 19.
- <sup>17</sup>DR. Ahmad Amin, *op. cit.*, hal. 86.
- <sup>18</sup>Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, **The Mysticism of Hamzah Fansuri**, Univ. of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1970, hal. 31.
- <sup>19</sup>Untuk mengetahui perbezaan dan bahasan-bahsan mengenai pelbagai i'tiqad ini, sila rujuk K.H. Sirajuddin Abbas, **I'tiqad Ahlussunnah wal-Jama'ah**, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 1978.
- <sup>20</sup>Sila rujuk **Imam dan 20 Perkara Yang Membatalkan Shahadatain**, ABIM, Kota Bharu, tidak bertarikh. Buku ini mengumpulkan tulisan-tulisan Sayyid Abul A'la Maududi, al-Ustaz Said Haawa dan as-Shahid Sayyid Qutb berhubung dengan batas-batas iman dan kufur. Juga sila rujuk **Penghatar Aqidah**, Muhamad Sulaiman Haji Yassin, Peratuan Mahasiswa Timur Tengah Malaysia, 1981. **Batas-Batas Antara Iman dan Kufur**, Dr. Sanusi Daeng, Pakatan PAS, 1982, **Sistem Islam: Akidah dan Ibadat**, Sheikh Muhammad al-Mubarak, Yayasan Islam Terengganu, tidak bertarikh dan Imam al-Ghazali, **Ihya Ulumiddin**, Penerbit Asli, In-



- donesia 1980, Jilid 1, hal. 415.
- <sup>21</sup>Imam Ghazali, op. cit., hal. 19.
- <sup>22</sup>**The Star**, 20hb. Disember, 1981.
- <sup>23</sup>Dr. Abdul Rahman Khalid, **Garis Pemisah Antara Kufur dan Iman**, Penerbitan Ikhwan, Kuala Lumpur, 1981, hal. 1.
- <sup>24</sup>Dr. Abdul Rahman Khalid, *ibid.*, hal. 7.
- <sup>25</sup>Dr. Abdul Rahman Khalid, *ibid.*, hal. 7.
- <sup>26</sup>Dr. Abdul Rahman Khalid, *ibid.*, hal. 24.
- <sup>27</sup>Imam al-Ghazali, op. cit., hal. 19.
- <sup>28</sup>Dr. Abdul Rahman Khalid, op. cit., hal. 24.
- <sup>29</sup>Imam al-Ghazali, op. cit., hal. 19.
- <sup>30</sup>Dr. Abdul Rahman Khalid, op. cit., hal. 22.

## ISLAM TERAS PERPADUAN

Ummat Islam Malaysia kini berjumlah 6.9 juta<sup>1</sup>, 6 juta daripada jumlah itu adalah orang-orang Melayu, 7,428 adalah orang-orang China, 58,539 adalah orang-orang India dan 4,153 adalah orang-orang selain kaum-kaum tersebut.<sup>2</sup>

Perangkaan ini membuktikan bahawa penganut-penganut Islam terdiri dari berbagai-bagai bangsa yang berlainan warna kulit, bahasa, budaya dan keturunan. Semua kaum itu adalah satu ummah yang menganut dan berikat dengan aqidah dan konsep hidup yang sama.

Keimanan mereka kepada gagasan Islam melewati dan mengatasi perbezaan-perbezaan warna kulit, bahasa, budaya dan sentimen kaum, puak dan keturunan. Islam menjadikan mereka bersaudara.<sup>3</sup> Keupayaan Islam menarik penganut-penganut dari pelbagai perbezaan menunjukkan sifat agama itu yang universal atau sejagat.

Walaupun Islam menekankan konsep persaudaraan sejagat yang tidak mengenal dan tidak terbatas kepada perbezaan-perbezaan semulajadi, namun begitu terdapat juga pihak-pihak yang belum bersedia menerima hakikat ini dengan rela dan lapang dada. Pihak-pihak ini mempertahankan, bahkan memperjuangkan faham dan idea yang bertentangan dengan ajaran Islam:

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Faham-faham, idea dan dasar perjuangan itu sebenarnya tidak serasi dengan ajaran Islam yang utuh, murni dan suci bersih dari itu semua. Dalam masa itu, pihak-pihak ini cuba mengubah dan mewarnai faham-faham itu dengan topeng dan wajah Islam untuk mengesahkannya. Antara faham-faham itu ialah nasionalisma Melayu. Isma ini pada hemat dan pengamatan saya bertanggungjawab secara langsung menyebabkan huru-hara, kacau bilau, haru biru dan kelam kabut dalam masyarakat Islam negara ini. Lebih dari itu, ia adalah punca utama perpecahan perpaduan ummat Islam di sini.

Nasionalisma sering kali ditakrifkan sebagai '*... a political creed that underlies the cohesion of modern societies and legitimizes their claim to authority. Nationalism centres the supreme loyalty of the overwhelming majority of the people upon the nation-state, either existing or desired.*'<sup>4</sup>

Ia juga ditakrifkan sebagai '*... a state of mind in which the supreme loyalty of the individual (in fact, the society) is felt due to the nation-state.*'<sup>5</sup> Takrif-takrif ini tidaklah mutlak dan muktamad kerana nasionalisma belum mempunyai takrif yang tepat, jitu dan menyeluruh. Kesukaran mentakfirkan nasionalisma adalah disebabkan oleh sifatnya yang berubah-ubah tanpa makna diri yang bulat.

*'Every where nationalism differs in character according to the specific historic and conditions and the peculiar social structure of each country.'*<sup>6</sup>

(Di mana sahaja nasionalisma berbeza-beza sifatnya menurut keadaan sejarah dan struktur sosial negara masing-masing).

Nasionalisma ialah apa yang telah dijadikan oleh nasionalis; ianya bukan suatu konsep yang jelas, kemas dan tetap, tetapi adalah merupakan campuran pelbagai kepercayaan dan keadaan yang berbeza-beza.<sup>7</sup>

Kerana itu, nasionalisma adalah suatu konsep yang amat kompleks untuk dapat ditakrifkan dengan ringkas, tepat dan

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

jitu. Yang demikian adalah lantaran ia sentiasa berubah-ubah, fleksible lagi pragmatik serta tidak menentu sifat dan ciri-cirinya. Hal ini menyebabkan nasionalisma ditakrifkan menurut unsur-unsur, tahap-tahap dan proses perkembangan nasionalisma itu sendiri.

Dalam ungkapan lain, pentakrifan nasionalisma tertakluk kepada pembacaan dan pengamatan pengkaji-pengkaji faham itu. Tetapi yang lebih penting ialah semangat nasionalisma tetap tidak dapat dipisahkan dari ciri asasnya iaitu faham atau pemikiran yang menjadikan negara-bangsa sebagai tempat meletakkan kesetiannya. Faham ini mendatangkan bahaya dan malapetaka apabila ia dijadikan dasar dan aqidah perjuangan dan matlamat akhirnya.

Hasrat perjuangan nasionalisma untuk menubuh sebuah negara bersandarkan kemuliaan dan kebongkakan kaum, bangsa atau ras, inilah yang membahayakan dan boleh membawa porak peranda dalam sesebuah negara itu. Natijah dari melandaskan nasionalisma sebagai falsafah dan matlamat negara akan mendorong faham kedaerahan, kesukuan, berpuak-puak dan aliran-aliran seperti ini. Dari itu, nasionalisma mencambah dan menyemarakkan bibit-bibit perpecahan.

*'Lord Acton in his famous essay "Nationality" (1962), drew attention to the potentially dangerous implication of this identification of political organisation (including state set-up) with ethnic divisions'.<sup>8</sup>*

Nasionalisma dalam sejarah tidak diketahui wujud, *'before the eighteenth century, when it originated in North-Western Europe and Northern America, nationalism spread with ever growing rapidity all over the earth, and since the middle of the twentieth century it has become a universal idea-force of contemporary history'.<sup>9</sup>*

Oleh itu, nasionalisma adalah suatu gejala baru yang hanya dikenali pada abad 18 Masehi. Ia lahir di tengah-tengah masyarakat Barat ketika mana masyarakat itu

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

merungkaikan ikatan kesetiannya kepada tradisi dan kerajaan Kristian — pemisahan agama dari urusan negara — sekularisma. Pendek kata, faham itu lahir dalam suasana dan persekitaran yang tenat dan penuh dengan perbalahan, pemberontakan, peperangan dan kacau bilau.

Kelahirannya dalam keadaan seperti itu dan oleh kerana ia menyebabkan hal-hal itu, maká nasionalisma dikatakan membawa bersamanya perpecahan, bahkan perpecahan itu merupakan salah satu ciri faham itu. Perpecahan yang parah dan berpanjangan ini (sehingga membawa kepada Perang Dunia Pertama dan Kedua) mencatatkan rekod hitam bagi nasionalisma dalam sejarah Eropah.

Semangat inilah yang kemudiannya menyelinap dan menyusup masuk ke Dunia Islam sebagai penyakit yang membawa bersamanya wabak perpecahan. Akibatnya tumbuh menyemaraklah semangat nasionalisma Arab, Turki, Melayu dan lain-lain ke dalam struktur politik ummat Islam sehingga ummat Islam hancur lebur, berkecai hingga ke hari ini.

Permusuhan kesatuan ini menjadi kenyataan apabila penjajah Barat berjaya menumbangkan pemerintahan Islam Khalifah Uthmaniyyah yang terakhir di bumi ini. Kejayaan ini dicapai akibat perencanaan penjajah Barat merangsangkan nasionalisma Arab menentang bangsa Turki yang kebetulan menjadi pemerintah kerajaan Islam ketika itu.

Meskipun pemerintahan Uthmaniyyah tidak sepi dari penyelewengan, tetapi daulah itu merupakan benteng dan tempat bernaung ummat Islam. Apabila kubu itu runtuh, maka bersamanya runtuhlah ketahanan ummat Islam. Dengan itu, pakatan sulit dan angkara nasionalisma tajaan penjajah Barat berjaya memecah-belahkan ummat Islam sehingga ia tidak berdaya lagi menghadapi pencerobohan kuasa-kuasa Barat.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

Menerusi proses indoktrinasi dan 'brain-washing' yang dijalankan melalui sistem pendidikan ala Barat, ummat Islam atau lebih tepat lagi segolongan pribumi disogokkan dengan faham nasionalisma. Pribumi ini sebahagian besar daripadanya adalah dari golongan aristokrat (bangsawan) dan atasan dalam masyarakat Islam setempat.

Adalah menjadi perkiraan penjajah untuk menyerahkan kemerdekaan negara-negara ummat Islam kepada golongan ini. Sehubungan dengan ini, pada tahun 1908 M, Lord Cromer, perancang penjajahan Inggeris di Asia Barat dalam bukunya '**Modern Egypt**' menyatakan, 'Bahawa England jajahannya, sebaik-baik sahaja telah wujud tersedia generasi intelek dan ahli-ahli politik yang telah dibentuk melalui pendidikan Inggeris dan mendokong nilai-nilai Inggeris untuk mengambil alih (pemerintahan), tetapi dalam keadaan bagaimana sekalipun kerajaan Inggeris tidak akan bertolak ansur walau sesaat untuk penubuhan sebuah negara Islam yang merdeka'.<sup>10</sup>

Dalam erti lain, penjajah Barat telah merencanakan supaya kepada golongan ini diserahkan teraju atau tampok pemerintahan bumi Islam sejurus selepas mereka 'menganugerahkan' kemerdekaan dan berundur. Perencanaan ini diatur demi memastikan tujuan utama mereka menjajah bumi ummat Islam, iaitu memisahkan orang-orang Islam dari ikatan ajaran Islam, menjelma menjadi kenyataan dan tidak menjadi impian mereka semata-mata. Nampaknya, hasrat mereka ini berjaya sudah melalui nasionalisma.

Bagaimanapun, nasionalisma tidak berkemampuan dan sudah pun gagal sebagai suatu asas pengaturan masyarakat. Lebih dari itu, nasionalisma tidak memberi jawapan kepada masalah perpaduan masyarakat manusia sejagat, malah tidak juga dapat mengujudkan perpaduan yang benar-benar utuh dan kekal dalam negara nasional itu sendiri, apa lagi

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

jika penduduknya sendiri dari berbilang kaum, bahasa, agama dan budaya.

Sejarah telah membuktikan bahawa nasionalisma yang sering kali tidak terkendali adalah pencetus yang tidak terbatas kepada sesuatu daerah atau suku bangsa tetapi melewati garis-garis sempadan negara-negara yang berdaulat sebagaimana yang berlaku akibat nasionalisma German di bawah pimpinan Hitler. Justeru itu, perpaduank berdasarkan nasionalisma tidak dapat menggantikan perpaduan '**al-wahdah al-Islamiyyah**' yang berlandaskan aqidah dan bukannya darah dan daerah.

Biar betapa longgar takrif yang diberikan kepada faham nasionalisma, termasuk nasionalisma Melayu, namun ia tetap tidak universal. Takrifkanlah ikut mana sekalipun, nasionalisma Melayu tetap mempunyai ciri-ciri yang sempit dan sarat dengan buruk sangka, pecah belah, angkara jahat dan porak peranda. Nasionalisma Melayu mentakrifkan orang Melayu seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan penganut agama Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan adat resam Melayu.

Takrif ini dibuat berdasarkan kepercayaan dan dakwaan bahawa seratus peratus orang Melayu beragama Islam dan bersandarkan anggapan meleset bahawa orang-orang bukan Melayu rata-rata bukan Islam. Anggapan Islam itu Melayu dan Melayu itu Islam adalah songsang dan menyeleweng, lebih dari itu, ia mencemarkan kemurnian dan ketinggian Islam sebagai agama universal. Anggapan tersebut juga menconteng sifat perkauman kepada ajaran Islam dan milik bangsakan Islam — Islam itu agama Melayu. Tidakkah ini perbuatan fanatik, pelampau, ekstrimis dan militan?

Perbuatan ini terang-terang memperkecilkan penganut-penganut Islam dari kalangan orang-orang India, China dan saudara-saudara baru lainnya. Mungkin dari segi peratusan, angka bilangan dan jumlah mereka tidak ramai dan kecil, tetapi mereka tidak boleh dipertidakkan dan disisihkan dari persaudaraan dalam ummat Islam. Jika ada kumpulan yang

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

patut dikeluarkan dari keluarga kelslaman yang besar itu, maka kumpulan itu ialah mereka yang berani menyempitkan keuniversalan Islam, memberi imej perkauman kepada Islam dan menyisihkan orang-orang Islam lain sebagai penganut Islam.

Kerana itu, nasionalisma Melayu sanggup meletakkan perpaduan Melayu di atas segala-galanya termasuk perpaduan Islam. Perpaduan ini dikatakan boleh menjadi realiti kerana orang-orang Melayu seratus peratus beragama Islam. Kalau dakwaan ini benar, maka nescaya orang-orang Melayu bersatu padu, tetapi ini tidak berlaku, sebaliknya orang-orang Melayu dilanda krisis pecah-belah. Kenapa? Ini adalah kerana di kalangan bangsa Melayu yang dikatakan seratus peratus beragama Islam itu, ada yang menolak Islam sebagai sistem hidup sempurna. Pendek kata, termasuk dalam persatuan itu, orang Melayu yang derhaka, engkar dan berbuat maksiat di depan Allah s.w.t. Apakah mungkin perpaduan boleh dicapai di antara orang-orang yang benar-benar Islam dengan mereka yang berolok-olok Islam?

Ya! Islam menegah penganut-penganutnya berpecah-belah sesama mereka dan menjadi berpuak-puak. Tetapi perpecahan ummat Islam akan berlaku apabila sebahagian daripada mereka berpaling daripada petunjuk Ilahi dan berkiblat kepada falsafah, gagasan dan aturcara kehidupan selain daripada dasar-dasar yang ditentukan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Qur'an dan Sunnah. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud,

*'Jangan kamu mengikuti jalan-jalan yang lain, nanti kamu akan berpecah-belah dari jalan-Nya (Allah), itulah kamu diingatkan mudah-mudahan kamu bertaqwa (menjaga perintah dan larangan Allah s.w.t.)'*<sup>11</sup>

Andainya ummat Islam memilih jalan lain selain daripada jalan Allah s.w.t., maka akan timbul permusuhan dan mereka akan bertelagah-canggah di antara satu sama lain seperti yang berlaku hari ini. Ini adalah kerana mereka tidak sepakat



## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

dengan satu jalan sahaja iaitu jalan Allah s.w.t. Jalan Allah cuma satu, manakala jalan kesesatan pelbagai dan banyak.

Firman Allah s.w.t.,

*'Tetapi mereka melupakan sebahagian dari apa yang telah diperintahkan kepada mereka, sebab itu Kami timbulkan permusuhan dan kebencian di kalangan mereka'.<sup>12</sup>*

Hal ini terjadi lantaran sikap dan perbuatan ummat Islam membahagi-bahagikan memperkotak-katikkan dan mengambil sebahagian daripada ajaran Allah s.w.t. serta meninggalkan sebahagian yang lain. Natijah dari amalan ini, menyebabkan ummat Islam berpecah-belah kepada golongan-golongan dan ini mengakibatkan porak peranda.

Firman Allah s.w.t.,

*'Sesungguhnya orang-orang yang membahagi-bahagikan agama-Nya sehingga menjadilah mereka golongan-golongan yang berpisah-pisah, tidaklah engkau turut serta bersama mereka sedikitpun'.<sup>13</sup>*

Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud,

*'Perlahan-lahan di kalangan kamu penyakit ummat-ummat yang sebelum kamu, hasad dan kedengkian mencukur (memotong), aku tidak kata pisau cukur yang mencukur rambut tetapi pisau yang mencukur agama'.<sup>14</sup>*

Antara sebab-sebab lain kenapa berlaku perselisihan dan perpecahan di kalangan ummat Islam, termasuk bangsa Melayu-Islam ialah keengkaran, kederhakaan dan keengganan mereka untuk mematuhi hukum-hukum Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t.

*'Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan orang-orang yang berkuasa di kalangan kamu. Kiranya kamu berbantah-bantah di dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu kembalikannya kepada Allah dan Rasul, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat. Yang*

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

*demikian itu adalah lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya'.*

*'Tidak engkau (hairan) melihat (wahai Muhammad) orang-orang (munafiq) yang mendakwa bahawa mereka telah beriman kepada al-Qur'an yang diturunkan kepada mu dan kepada (Kitab-Kitab) yang diturunkan sebelum? Mereka suka hendak berhakim kepada taghut (melampaui batas), padahal mereka telah diperintah supaya kufur (engkar) kepada taghut itu. Dan syaitan pula sentiasa hendak menyesatkan mereka dengan kesesatan yang jauh-jauhnya'. 'Dan apabila dikatakan kepada mereka, marilah kita berhakim kepada al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah kepada Rasul, nescaya engkau melihat orang-orang munafiq itu berpaling serta menghalang (manusia) dengan bersungguh-sungguh daripada menghampirimu'.<sup>15</sup>*

Dari ayat-ayat di atas adalah jelas bahawa apabila orang-orang Islam berselisih faham dan berbalah-balah mengenai sesuatu perkara, mereka hendaklah merujuk hal itu kepada Allah dan Rasul untuk mendapatkan hukum dan keputusan terhadap masalah atau persoalan yang mereka hadapi. Mentaati perintah dan tegahan Allah dan Rasul adalah wajib ke atas ummat Islam dan pemerintahan mereka, dan hukum Allah dan Rasul adalah muktamad tidak boleh dicabar dan dipertikaikan sekiranya mereka benar-benar beriman.

Dalam hal taat kepada pemerintah atau orang-orang yang berkuasa di kalangan ummat Islam, tertakluk kepada beberapa syarat. Meskipun peruntukan ini menjadi dasar pemerintahan negara Islam dan kewajipan rakyat negara itu taat kepada pemerintahnya, namun hak memerintah dan kewajipan taat itu tidak mutlak.

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud,

*'Tidak boleh taat kepada makhluk dalam hal menderhaka kepada Allah'.<sup>16</sup>*

Sabda Pesuruh Allah itu lagi,

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

*'Sesiapa daripada pemerintah yang memerintah kamu dengan apa yang tidak membawa taat kepada Allah, maka janganlah sekali-kali kamu mentaatinya'.<sup>17</sup>*

Uli'l 'amri menurut pendapat Ibn Abbas r.a. ialah 'ahli-ahli fiqh atau fuqaha dan ahli-ahli ilmu, pada Mujahid dan Hassan al-Basri ialah golongan ulama', pada pandangan Ibn Kathir maksudnya adalah umum, manakala menurut Tabari pula, uli'l 'Amri ialah pemimpin-pemimpin agama dan mazhab fiqh.

Apabila Allah dan Rasul telah menetapkan sesuatu hukum adalah wajib ke atas ummat Islam termasuk pemerintah atau orang-orang yang berkuasa di kalangan mereka mematuhi tanpa kecuali dan pilihan. Firman Allah s.w.t., *'Dan tidaklah patut bagi orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan — apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan sesuatu keputusan mengenai sesuatu perkara — (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata'.<sup>18</sup>*

Firman Allah lagi,

*'Sifat-sifat orang-orang yang beriman ialah apabila mereka diajak berhakim kepada Allah dan Rasul-Nya, mereka berkata "Kami dengan dan kami taat"'.<sup>19</sup>*

Saya menyeru masyarakat Islam negara ini kembali kepada Islam kerana ajarannya lengkap sempurna seperti timana firman Allah s.w.t.,

*'Pada hari ini, Aku (Allah) telah sempurnakan bagi kamu agama (din) kamu, dan Aku telah cukupkan ni'matku kepada kamu, dan Aku telah redha Islam itu menjadi agama agama kamu'.<sup>20</sup>*

Kesempurnaan din Islam menjadikan ia '... suatu cara hidup yang sepadu dan lengkap, dari segi keduniaan dan keagamaan; ia adalah suatu rukun sistem perundangan yang

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

luas dan selaras; ia adalah suatu kebudayaan dan peradaban; ia adalah suatu sistem ekonomi dan mu'amalah; ia adalah politik dan tatacara pemerintahan; ia adalah suatu masyarakat istimewa dan selok belok urusan rumahtanga; ia menyediakan hukum-hukum mengenai pewarisan dan perceraian; pakaian dan akhlak, makanan (apa yang boleh dan tidak boleh) dan kebersihan peribadi. Ia adalah suatu sistem kemanisian dan kerohanian yang menyeluruh dan menggenapi, di sini kini dan di akhirat kelak'.<sup>21</sup>

Terangkum dalam pengertian din Islam itu ialah politik tetapi 'istilah politik adalah asing dalam suber-sumber Islam yang asal. Islam adalah panduan kepada manusia dalam semua lapangan hidupnya. Apabila al-Qur'an menyatakan bahawa Islam itu telah disempurnakan, adalah jelas apa yang dimaksudkan iaitu Islam adalah suatu sistem yang merangkumi segala sesuatu ... Kalimah 'tidak ada Tuhan melainkan Allah' sebenarnya mempunyai implikasi politik yang paling intim'.<sup>22</sup>

*'Islam pada permulaannya dikaitkan dengan tindakan politik<sup>23</sup> ... Islam adalah suatu budaya politik; ia sering menjuruskan isi bentuk dan caragaya penggarapan bagi tindakan-tindakan politik'.<sup>24</sup>*

Dengan ini adalah jelas bahawa 'politik Islam tidak terpisah dari aqidah, shari'ah dan akhlak. Ketiga-tiga unsur ini merupakan panduan yang saling kait-mengait. Politik Islam harus sejajar dengan ajaran Islam dalam ketiga-tiga aspek tersebut'.<sup>25</sup>

Memandangkan politik dalam Islam dipandu dan diletakkan di bawah pengawasan aqidah, hukum hakam dan akhlak Islam, maka politik Islam tidak membolehkan tindak tanduk politik menurut konsep Machiavelli 'matlamat perjuangan cara' seperti yang diamalkan dalam nasionalisma. Matlamat perjuangan nasionalisma tidak mungkin terkeluar dari matlamat sekularisma — pemisahan

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

agama dari urusan negara — memandangkan kerana nasionalisma itu adalah sayap politik sekularisma. Lantaran itu, perpaduan ummat Islam di negara ini akan terjamin jika kita berpolitik menurut kaedah Islam dan menolak cara, tujuan dan matlamat politik nasionalisma.

Selain itu, perpecahan di antara kita terjadi kerana ada di kalangan masyarakat Islam di negara ini yang menjadikan Islam sebagai agama upacara dan lambang-lambang semata-mata. Dalam kata-kata lain, menyempitkan skop atau ruanglingkup Islam yang luas lagi meliputi hal-hal duniawi dan ukhrawi.

'Faham din yang biasa dimengertikan sebagai agama, sebetulnya tidak sejajar dengan agama dan ditafsir dan dimengertikan sepanjang sejarah keagamaan Barat'.<sup>26</sup>

Ringkasnya, *'Islam itu bukan agama, ia adalah din, ia adalah suatu jaringan kehidupan yang saling menepati murni di antara bahagian-bahagiannya ... Justeru itu, agama harus diusir jauh sehingga memungkinkan din lahir menjelma ... (atau dengan memakai kata-kata lain)... agama Islam (yang biasa disebut] harus dilebur untuk mensecocoki faham din Islam'*.<sup>27</sup>

Akhir kata, oleh kerana masalah perpecahan masyarakat Melayu-Islam membabitkan orang-orang Islam, dan oleh kerana adalah menjadi kewajipan setiap orang Islam berda'wah kepada kebajikan, menyuruh yang ma'ruf dan mencegah kemunkaran, nasihat menasihati kepada kebenaran dan nasihat menasihti kepada kesabaran, maka penyelesaiannya terletak di atas pundak setiap ummat Islam.

Firman ALLah s.w.t.,

*"Katakanlah: Inilah jalan agamaku, aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada ALLah dengan hujah yang nyata".<sup>28</sup>*

WaLLahu'alam.

## PERPECAHAN BANGSA MELAYU

- <sup>1</sup>Laporan Am Banci Penduduk, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hal. 42.
- <sup>2</sup>ibid., hal. 230.
- <sup>3</sup>al-Qur'an, Surah al-Hujurat: 10.
- <sup>4</sup>
- <sup>5</sup>Encyclopedia Brittanica, Jilid 6, hal. 60.
- <sup>6</sup>Dipetik oleh Prof. Dr. H.M. Rasjidi dalam **Islam dan Nasionalisma di Indonesia**, Jakarta, hal. 17.
- <sup>7</sup>Shafar, B.C., **Nationalism: Myth and Reality**, New York, 1955, hal. 7.
- <sup>8</sup>
- <sup>9</sup>
- <sup>10</sup>Cromer, **Modern Egypt**, New York, 1908, Jilid 2, hal. 565.
- <sup>11</sup>al-Qur'an, Surah al-An'am: 153.
- <sup>12</sup>ibid, Surah al-Maidah: 14.
- <sup>13</sup>ibid, Surah al-an'm: 159.
- <sup>14</sup>Hadith riwayat Ahmad dan Tarmizi dari al-Zubair al-Awwam dan telah diisyaratkan sah oleh Imam al-Sayuti.
- <sup>15</sup>op. cit., Surah al-Nisa': 59 - 61.
- <sup>16</sup>Hadith riwayat Imam Ahmad.
- <sup>17</sup>Hadith riwayat Imam Muslim.
- <sup>18</sup>op. cit., Surah al-Ahzab: 36
- <sup>19</sup>ibid., Surah al-Nur: 51.
- <sup>20</sup>ibid., Surah al-Maidah: 3
- <sup>21</sup>G.H. Jansen, **Militant Islam**, Pan Books Ltd., London, 1979, hal. 17.
- <sup>22</sup>Kalim Siddiqui, **Issues in the Islamic Movement: 1981 - 1982**, The Open Press Ltd., London, 1983, hal.8.
- <sup>23</sup>Edward Mortimer, **Faith and Power**, Faber and Faber, London, 1982, hal. 38.
- <sup>24</sup>Edward Mortimer, ibid., hal. 407.
- <sup>25</sup>Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawy, **Masalah Ummat dan Penyelesaian Menurut Islam**, Gedung Gua, Kuala Lumpur, 1984, hal. 28.
- <sup>26</sup>Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, **Islam and Secularism**, ABIM, Kuala Lumpur, 1978, hal. 47.
- <sup>27</sup>Abd al Qadir as-Sufi, **Jihad A Groundplan**, Diwan Press, London, 1978, hal. 34.
- <sup>28</sup>Abd al-Qadir as-Sufi, ibid., hal. 47.

LAMPIRAN A

311. 32/1975



بسم الله

سورة تولىه اولم مسجدتک کتوبه

۵۵٪

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه اجمعين

بھوا بیت، توانکو اسماعیل نامرادین شله، درجه قرآنیہ پشامہ ملیا (D.K.)  
درجه قرآنیہ ملیسا (D.K. (2))، درجه ازلام سری میکووت نگارا (D.K. (1))، سری  
الدکھ میکووت ترکتار (D.K. (3))، ابن الرحیم مائین زین الابدین، مائین دن  
پشامرتون، ہاکی نگری ترکتار، سریت جہانن لطیف دن اولادولان، تله، متولہ  
دان ملتوق حسین بن احمد

بر کلرد نشان 2905470 منجادی امام مسجد دکھریف کریم فاسیر،  
مام کوند اغ، پشویہ جہانن ترکتارو.

2. مک برکولہ حسین بن احمد منجادی اولم لد مندیہکن  
سببیل جمعة دان دوا ہلری رای دانلائین، فکرجان تو ملدوقله سببیل جنازہ دن  
منظرناکن فکرجان بغ واجب انس کمالین اورغ اسلام.

3. بولولہ کامو منجالنکن سگل فکرجا بشرکتان دن مسجد ایت دان مندقلہ  
برسفکوم دان بر اوسوما منجالنکن دان منظرناکن فکرجان سببیل کتوا ہادہ ددلم  
کطوف دن منیم مسجد ایت دانلائین، فرنتہ سلم اد اولفہ بغ تررس، دیاند قرآنیہ آلام  
انو دن جان قاضی، دائرہ ایت.

4. مندقلہ کامو مائیر کتوبہ آلام بقدرتہ کن اولہ جنازہ آلام کاند اورغ،  
وئدالم مایم باکی مسجد ایت دان مندقلہ کامو مرادکن کاند قاضی، وئدالم  
دایرہ سنک، دوتہ اورغ، وئدالم مایم ایت، وئدالم سببیل جمعة دن کتوادان  
غفور بغ مندیہ.

الله تبارک اکن مہری قبلا دائس کامی.

دکریاکن داستان ہدیہ ترکتارو.

کوالا ترکتارو لد 36 مارچون صفر 1396  
برسان دن 36 مارچون فیواری 1396.



جہان حال احوال الام تریگانو  
JABATAN HAL EHWAL UGAMA  
TRENGGANU

SURAT TUAN: Bil.

SURAT KITA: Bil. ( 3 ) dim. P.U. Tr.1150/0

Kuala Trengganu, 27. Jun, 1962  
Darsul: 255. Anjab, 1401

LAMPIRAN B

Encik Mucin bin Ahmad,  
Masjid Gong Pasir,  
Bout,  
Trengganu.

Melalui dan salinan kepada:

Kadi Deraan,  
Bout.

Tuan,

Menarik Balik Tauliah dan Memecat  
Daripada Jawatan Imam

Menurut Undang-Undang Pentadbiran Maktum Syarak bil. 4 tahun 1955 di bawah fasal 90, maka dengan ini saya diarah menarik balik Tauliah tuan dan memecat tuan daripada Jawatan Imam Masjid.

2. Berikutan daripada arahan tersebut dengan ini tuan dikehendaki menyerahkan kembali Tauliah Imam kepada saya melalui Kadi Deraan Bout dengan segera dan dengan ini juga tuan tidak lagi dibenarkan memegang Jawatan Imam Masjid Gong Pasir dan mana-mana Masjid Muktamad Kerajaan di negeri ini.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

( DATU' BAPTATA DALAH ),  
Pesuruhjaya Hal Ehwai Ugama,  
Trengganu.

s.k.

Yang Berhormat,  
Setiausaha Kerajaan,  
Trengganu.

Pengerusi,  
Jawatankuasa Masjid Gong Pasir,  
Bout.

DD:dm...



LANPIRAN C

PINDAAN TUDUHAN - KES JENAYAH 1/80

Bahawa kamu Haji Mustafa bin Haji Abu Bakar, pada 4hb. November, 1979 antara jam 8.00 malam hingga 11.00 malam didalam sebuah surau iaitu Surau Haji Salleh bin Haji Mat Ali di Kampong Seberang Sungai Keruak, Ulu Besut, Besut, Trengganu telah memberi syarahan Ugame di surau itu dengan tiada terlebih dahulu mendapat kebenaran yang sah dibawah undang undang, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah Seksyen 144 Undang Undang Pentadbiran Hukum Syarak Bil. 4/55 Trengganu dan boleh dihukum dibawah seksyen yang sama undang-undang tersebut.

PINDAAN TUDUHAN - KES JENAYAH 2/80

Bahawa kamu Haji Mustafa bin Haji Abu Bakar, pada 4hb. November, 1979, antara jam 8.00 malam hingga 11.00 malam didalam sebuah surau iaitu Surau Haji Salleh bin Haji Mat Ali, di kampong Seberang Sungai Keruak, Ulu Besut, Besut, Trengganu, telah membuat syarahan ugame kepada orang ramai dalam surau itu dengan jalan yang berlawanan dengan Hukum Syarak iaitu membuat syarahan mengenai iaitu:-

- (a) Orang orang UMNO Islam dalam Barisan Nasional hukumnya murtad;
- (b) Orang UMNO dalam Barisan Nasional tidak sah dijadikan Imam Sembahyang;
- (c) Sembelihan orang UMNO Barisan Nasional tidak boleh diakukan;
- (d) Tidak sah Akad Nikah sekiranya Juruniken itu orang Barisan Nasional; dan
- (e) Kalau tidak bersefahaman antara suami isteri jika salah seorang PAS yang satu Barisan Nasional nescaya hukumnya tertalaklah antara suami isteri dan jika bersetubuh juga hukumnya zina, kalau dapat anak hukumnya anak zina,

atau perkataan perkataan yang membawa arti yang sedekikian. Dengan yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah Seksyen 145 Undang Undang Pentadbiran Hukum Syarak Bil. 4/1955 Trengganu, dan boleh dihukum dibawah Seksyen yang sama Undang Undang tersebut.

SAMBUNGAN LAMPIRAN C

PINDAAN TUDUHAN - FES. EMAYAH 3/80

Bahawa kamu Haji Mustafa bin Haji Abu Bakar, pada 4hb. November, 1979, antara jam 8.00 malam hingga 11.00 malam didalam sebuah surau iaitu surau Haji Salleh bin Haji Mat Ali, di Kampung Seberang Sungai Keruak, Ulu Besut, Besut, Trengganu, walaupun kamu bukannya seorang Mufti atau seorang yang menjalankan menurut kuasa kuasa yang diberi oleh undang undang telah mengeluarkan fatwa diatas Hukum Syarak kepada orang ramai di-situ iaitu:-

- (a) Orang orang UMNO Islam dalam Barisan Nasional hukumnya murtad;
- (b) Orang UMNO dalam Barisan Nasional tidak sah dijadikan Imam Sembahyang;
- (c) Sembelihan orang UMNO Barisan Nasional tidak boleh dimakan;
- (d) Tidak sah Akad Nikah sekiranya Jurunikah itu orang Barisan Nasional; dan
- (e) Kalau tidak bersefahaman antara suami isteri jika salah seorang PAS yang satu Barisan Nasional nescaya hukumnya ter-talakh antara suami isteri dan jika bersetubuh juga hukumnya zina, kalau dapat anak hukumnya anak zina,

atau perkataan perkataan yang membawa arti yang sedemikian. Dengan yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah Seksyen 146 Undang Undang Pentadbiran Hukum Syarak Bil. 4/55 Trengganu, dan boleh dihukum dibawah seksyen yang sama undang undang tersebut.

24 FEB 1987

Sembalayang, Bayan Dua Imam

# PERISTIWA

# SEBENAR

BESUT.

Ketua Kampong Tanah Merah - Gong Pasir Encik Mohamad bin Mahmud mengahwailah UMNO me-maikan peranan penting untuk memecat Haji Husain bin Ahmad sebagai imam bertauliah di masjid Gong Pasir.

Dalam satu pene-muan dengan UMI, Setiausaha UMNO cawangan Tanah Merah menjelaskan, setelah didapati Haji Husain telah memen- tang arahan-arahan yang diberikan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Treng-ganu mengenai beberapa perkara yang penting cawangan Umno itu telah mengatir beberapa langkah untuk menyingkirkan beliau.

Mengikut ketua kampong itu, Umno cawangan tersebut telah diketui oleh Wan Ahmad Wan Ibrahim telah mememui guru pelawai agama daerah Besut Ustaz Hasbullah untuk mendapat nasihat dari beliau bagaimana cara untuk memecat dan menyingkirkan imam lama yang di katakan pro-PAS itu.

Menerusi nasihat dari guru pelawat itu, UMNO cawangan Tanah Merah telah menyuarat khas dengan jawatankuasa masjid terditi dari ahli-ahli Umno yang aktif di situ. Hanya seorang sahaja dari Pas yang mengang-goti jawatankuasa masjid itu.

Ketua kampong yang juga Setiausaha Umno Cawangan Tanah Merah itu seterusnya menentang kan ahli-ahli jawatan kuasa masjid kam-

ibrahim Ketua Umno Cawangan Tanah Merah), Haji Ismail Awang dan Haji Ismail Yusoff sebagai calon imam yang akan menggantikan jawatan imam di masjid itu.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Treng-ganu bersetuju melantik tiga orang imam yang baru yang dikemukakan oleh jawatankuasa masjid itu.

Di antara arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Pejabat Hal Ehwal Agama ialah se-benar paye semua imam yang dilantik itu akan menjalankan tugas masing-masing giliran masing-masing.

Tetapi mengikut Encik Mohamad Haji Hussein tidak bersetuju mematuhi arahan tersebut, dan beliau terus menjadi imam dan khatib tan-pa memberi peluang kepada rakan-rakan sejawatnya.

Beliau juga dikata-

MINGGUAN KUMI 14/06/1982



ENCIK MUHAMMAD BIN MAHMUD

Gong Pasir telah meminta supaya mengemukakan calon untuk mengambil tempat Haji Husain Ahmad dan tempat bekas imam tua Allah-yarham Haji Daud Ab. Rahman.

Pihak jawatan kuasa masjid itu telah mengemukakan nama Wan Ahmad Wan

muhammad